



# **PENYATA RASMI**

## **OFFICIAL REPORT**

**DEWAN RA'AYAT**  
*House of Representatives*

**PARLIMEN KETIGA**  
*Third Parliament*

**PENGGAL PARLIMEN PERTAMA**  
*First Session*

### **KANDONGAN-NYA**

**JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN<sup>2</sup> [Ruangan 4079]**

**RANG UNDANG<sup>2</sup>:**

- Rang Undang<sup>2</sup> Paspot (Pindaan) [Ruangan 4090]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan) [Ruangan 4092]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Imigresen (Pindaan) [Ruangan 4116]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Timbang dan Sukat Meter [Ruangan 4120]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan (Pindaan) [Ruangan 4122]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Kemajuan Tanah (Pindaan) [Ruangan 4145]**
- Rang Undang<sup>2</sup> (Memperbadankan) (Pindaan) Lembaga Pemuliharaan dan Penyatuan Tanah Negara [Ruangan 4146]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Pindaan) [Ruangan 4149]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Lalu.lintas Jalan (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4151]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Pelahohan (Pindaan) [Ruangan 4158]**
- Rang Undang<sup>2</sup> (Pindaan) Odit [Ruangan 4160]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara [Ruangan 4161]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Dewan Bahasa dan Pustaka (Pindaan) (No. 2) [Ruangan 4182]**
- Rang Undang<sup>2</sup> Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) [Ruangan 4188]**

**USUL:**

- Waktu Mesbuarat dan Urusan Yang di-Bebaskan daripada Peratoran Mesbuarat [Ruangan 4089]**

**MALAYSIA**  
**DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA**

---

*Penyata Rasmi*

**PENGGAL YANG PERTAMA**

---

Hari Juma'at, 30hb Julai, 1971

---

*Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang.*

**YANG HADHIR:**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH  
ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan,  
Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).

„ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI  
(Kedah Tengah).

Yang Berhormat Menteri bagi Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI  
TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E.,  
Q.M.C. (Ulu Rajang).

„ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, Yang Berbahagia TAN SRI  
V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., P.J.K. (Klang).

„ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR  
BIN BABA (Melaka Utara).

„ Menteri Pengangkutan, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P.  
(Kinabalu).

„ Menteri Kebajikan Masharakat, Yang Berbahagia TAN SRI FATIMAH  
BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).

„ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E.  
(Johor Bahru Timor).

„ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG  
KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).

„ Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri, TUAN ABDUL TAIB BIN  
MAHMUD (Samarahan).

„ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO'  
ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN  
BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).

„ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN  
YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).

**Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kepada Menteri Dengan Tugas<sup>2</sup> Khas dan Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).**

- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SAID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).

**Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).**

**Yang Berhormat PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).**

- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHIEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATIN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S. (Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).

Yang Berhormat TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).

„ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).

„ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).

Yang Berbahagia TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).

Yang Berhormat TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).

„ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).

„ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).

„ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).

„ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).

„ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).

„ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).

„ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).

„ TUAN MOHAMED ARIF BIN SALIEH, A.D.K. (Sabah Dalam).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).

„ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).

„ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

„ DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.  
(Trengganu Tengah).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.  
(Pasir Mas Hilir).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P.  
(Sabak Bernam).

„ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.  
(Muar Dalam).

Yang Berhormat TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).

„ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).

„ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).

Yang Berhormat TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).

- „ DR S. SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SINYIUM ANAK MUTIT (Bau Lundu).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim-Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).
- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

**YANG TIADA HADHIR:**

Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,  
Y.A.B. TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N.,  
S.P.M.J. (Johor Timor).

Yang Berhormat Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P.  
(Melaka Tengah).

- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pertanian dan Tanah, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Ta' Berpotfolio, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, D.S.R., S.M.K. (Raub).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).

- „ Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limrang-Lawas).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibu).

- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).

Yang Berbahagia TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).

Yang Berhormat TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).

- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

## DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat*)

## JAWAPAN<sup>2</sup> MULUT BAGI PERTANYAAN

### WARGANEGARA<sup>2</sup> MALAYSIA DI- TAHAN DI-ZURICH—SEBAB<sup>2</sup>

1. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada Kerajaan mengetahui kejadian<sup>2</sup> yang berlaku di-Zurich, Negeri Jerman mengenai warga-negara<sup>2</sup> Malaysia yang di-tahan di-situ dan pembunuhan salah sa-orang daripada mereka, jika ya, nyatakan sebab<sup>2</sup> yang diberikan oleh warganegara<sup>2</sup> kita untuk pergi ka-seberang laut dan apa-kah butir<sup>2</sup> yang telah di-terima oleh Kerajaan dari Kerajaan Jerman Barat mengenai kejadian<sup>2</sup> yang tersebut di-atas.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, apabila di-beri tahu oleh Kerajaan Switzerland Duta Besar kita di-Paris telah pergi ka-Zurich untuk menyiasat pembunuhan salah sa-orang daripada warganegara Malaysia di-sana. Ini-lah pertama kali-nya berlaku pembunuhan di-antara warganegara<sup>2</sup> Malaysia di-luar negeri. Yang dituduh melakukan pembunuhan itu sekarang berada di-dalam tahanan di-Switzerland dan akan di-bicarakan mengikut Undang<sup>2</sup> tempatan di-sana. Mengikut laporan Duta kita sa-takat ini kedua<sup>2</sup> warganegara<sup>2</sup> Malaysia itu telah pergi ka-Zurich dengan chara per-sendirian dan mereka bukan penuntut. Keluarga mereka yang terlibat dalam perkara ini telah pun di-beri tahu.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, dengan kejadian dalam peristiwa ini, ada-kah Kementerian Luar Negeri pada masa akan datang akan mengkaji peratoran Immigration kita bagi orang<sup>2</sup> warganegara kita yang hendak keluar negeri supaya tidak di-ulangi kejadian yang berlaku seperti yang berlaku di-Zurich.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya fikir perkara sa-chara Undang<sup>2</sup> Immigration, Tuan Yang di-Pertua.

### NELAYAN<sup>2</sup> ASING DI-TANGKAP— TINDAKAN

2. Tuan Haji Ahmad bin Arshad minta Menteri Pertanian dan Tanah menyatakan:

- (a) tindakan yang telah di-ambil terhadap nelayan<sup>2</sup> asing yang telah di-tangkap kerana mencheroboh masuk ka-dalam kawasan perayeran kita;
- (b) apa-kah perbuatan menchabul yang telah di-lakukan oleh nelayan<sup>2</sup> tersebut terhadap nelayan<sup>2</sup> Malaysia, dari negeri mana-kah mereka datang, dan
- (c) apa-kah langkah<sup>2</sup> yang telah di-jalakan oleh Kerajaan untuk mengatasi masaalah ini.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Perayeran negara kita di-ronda oleh bot<sup>2</sup> peronda dari Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Polis Laut Di-Raja Malaysia dan juga Bahagian Perikanan. Nelayan<sup>2</sup> asing yang mencheroboh masuk ka-dalam kawasan perayeran kita telah di-tangkap dan di-daawa di-Mahkamah<sup>2</sup> tempatan. Dalam tahun 1970 sa-jumlah 78 buah bot<sup>2</sup> nelayan asing telah di-tangkap dan di-denda berjumlah \$16,233.00 telah dikenakan. Tangkapan<sup>2</sup> ini di-lakukan di-perayeran<sup>2</sup> negeri Kedah, Pulau Pinang, Trengganu dan Kelantan. Dalam tahun ini, hingga akhir bulan Mei, 22 buah bot nelayan asing telah di-tangkap di-Kedah, Pulau Pinang, Pahang dan Trengganu. Denda berjumlah \$15,890.00 telah dikenakan dan, tiga Pukat Tunda di-hukum rampas oleh Mahkamah<sup>2</sup> tempatan.
- (b) Tidak ada penchabulan yang telah di-lakukan oleh nelayan<sup>2</sup> asing terhadap nelayan<sup>2</sup> Malaysia. Tetapi ada berita<sup>2</sup> menyatakan apabila nelayan<sup>2</sup> asing memukat dengan pukat tunda mereka di-perayeran kita di-mana bubu<sup>2</sup> telah di-labohkan oleh nelayan<sup>2</sup> tempatan maka bubu<sup>2</sup> itu telah di-musnahkan. Boleh di-katakan kesemua nelayan<sup>2</sup> asing ini datang daripada negeri Thai sungguh pun ada terdapat sa-bilangan kechil daripada negeri Singapura.
- (c) Sa-lain dari perondaan<sup>2</sup> di-perayeran kita yang di-lakukan oleh Tentera Laut Di-Raja Malaysia, Polis Laut Di-Raja

Malaysia dan Bahagian Perikanan, ada-lah juga menjadi tugas Jawatan-kuasa Perikanan Malaysia/Thai yang telah di-tubuhkan mengikut Perjanjian Perikanan yang telah di-tanda-tangani oleh Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Thai pada 16hb Januari, 1971 untuk mengatasi masalah seperti ini melalui perundingan dan tindakan bersama<sup>2</sup>.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah telah sampai kepada pengetahuan Kementerian ini bahawa nelayan<sup>2</sup> luar juga pernah mencheroboh kawasan perayeran selatan seperti di-Pantai Selat Melaka, di-Parit Jawa, Muar, di-Kuala Sedeli di-Batu Pahat. Mereka juga kena rompak. Ada-kah kuasa ini sama hak perlindungan-nya antara nelayan utara, nelayan timor dengan nelayan selatan? Itu saya mahu tahu.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, sama hak-nya. Boleh jadi ada pencherobohan berlaku di-sabelah selatan, tetapi sa-takat ini kita belum dapat menangkap-nya.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan yang akhir. Ada-kah benar bagaimana yang di-katakan oleh sa-tengah<sup>2</sup> nelayan kita bahawa Kementerian ini lebih menggunakan polisi mema'afkan sahaja nelayan<sup>2</sup> yang telah mencheroboh kawasan perayeran kita daripada mengambil tindakan yang keras.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tidak benar, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Goh Hock Guan:** (*Dengan izin*) Mr Speaker, soalan tambahan. Sir, it seems to me that it is a terribly unsatisfactory state of affairs when our fishermen are frequently being assaulted and in many cases murdered by chaps who come from other places. Could the Government step up, for instance, marine patrols along the areas where our fishermen are frequently being assaulted by these chaps? That would seem to me to be one way. The other way is for the Minister to consider arming our fishermen so that they

can look after themselves since the Government is unable to look after them.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, there are many wrong premises to the Honourable Member's question. First of all, there have not been rampant cases of our fishermen being molested or injured by fishermen from outside the country. The second thing is that the Government did not neglect patrolling these areas. As far as I know, to the best of our capability, we have been patrolling all these areas to protect our territorial waters and to protect our fishermen. I don't see any need in fact, I think there may be trouble, if we were to allow free use of arms by our fishermen.

**Tuan Goh Hock Guan:** But would you agree with me, Sir, that there have been incidents, serious incidents, in which our fishermen have suffered, not only their nets and their catches have been taken away but they have been physically assaulted and, in some cases, they have also been murdered. These incidences have happened. Would you agree with that statement?

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** The question as framed here asks about the molesting or the injury to our fishermen by fishermen from another country. The cases the Honourable Member referred to, probably, may apply to a different context, the context of pirates. I don't think it is fishermen viz-a-viz fishermen.

### PELAJAR<sup>2</sup> MARA KA-INDIA— BILANGAN

**3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan pelajar<sup>2</sup> yang telah di-hantar ka-India oleh MARA dan kursus<sup>2</sup> yang di-ambil;
- (b) bilangan pelajar<sup>2</sup> yang telah pun kembali serta apa-kah pekerjaan<sup>2</sup> mereka sekarang; dan



- (c) ada-kah benar bahawa ramai antara mereka maseh menganggor oleh kerana sijil<sup>2</sup> mereka tidak di-akuī di-Malaysia dan jika benar, beri butir<sup>2</sup>-nya.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah semua-nya ialah 137.

MBBS ... ..	16
Pre-Medical ... ..	5
Kejuruteraan ... ..	4
Jurusawat Motor ... ..	28
Perabot ... ..	4
Lukisan Pembinaan ... ..	20
Binaan Bangunan ... ..	1
Radio/TV ... ..	17
Wireman ... ..	3
Jurusawat Diesel ... ..	7
Tukang Ukir ... ..	3
Tukang Tembaga ... ..	3
Tembikar ... ..	1
Pembuat Patong ... ..	1
Machine Turner ... ..	8
Jahitan ... ..	3
Sheet Metal Works ... ..	1
Letrik ... ..	7
Fitter ... ..	1
Ref-Air Conditioning ... ..	4

Ada-lah di-dapati sa-ramai 112 orang penuntut itu telah pun kembali dan hanya 42 orang sahaja yang maseh belum dapat pekerjaan.

Sebab<sup>2</sup>-nya yang pertama, pelateh<sup>2</sup> itu sendiri enggan menerima tawaran kerja<sup>2</sup> oleh kerana gaji-nya barangkali tidak sesuai kepada mereka. Yang kedua, boleh jadi tidak ada kerja kosong yang sesuai mengikut kelulusan-nya dan mungkin ada sa-tengah-nya suka hendak bekerja sendiri.

**Tuan Ramli bin Omar:** Soalan tambahan, berkenaan jawapan Yang Berhormat Menteri tadi, ada pelajar<sup>2</sup> itu mendapati tidak sesuai dengan gaji-nya, dan ada-kah Kementerian ini sedar bahawa ada penuntut<sup>2</sup> kita daripada Maktab MARA tidak dapat diterima oleh swasta, kalau di-terima pun mereka akan menerima gaji yang berlainan

daripada apa yang telah di-terima oleh pekerja<sup>2</sup> lain. Apa-kah ikhtiar untuk mengatasi pekerja<sup>2</sup> itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini ia-lah berkenaan dengan penuntut<sup>2</sup> yang berlateh di-India sahaja. Bukan-nya mengenai penuntut MARA seluruh-nya, termasuk Maktab di-Petaling Jaya.

**Tuan Goh Hock Guan:** Why is it, Sir, that certificates and degrees from India are not recognised by our Government, not only in the cases of these MARA students who have gone there to study and come back, but even in the case of dental surgeons, as was shown in the Dental Bill the other day, qualifications from India are not recognised when in fact in some of their courses, the Indian Universities and Institutions are pretty good. So, would the Government give an assurance that they would look into this matter and in time to come, the necessary recognition will be accorded to these Indian Institutions. There are, for instance, many Indian dental surgeons in this country who are still not recognised.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soalan seperti itu patut di-hadapkan kepada Kementerian Pelajaran. Bahkan pada hari ini, ada universiti<sup>2</sup> yang degree-nya di-akuī oleh Kerajaan Malaysia dan ijazah<sup>2</sup> mereka itu ada-lah di-akuī, tetapi soalan yang berbangkit di-sini ia-lah samata<sup>2</sup> jumlah yang mereka pergi dan balek yang belum dapat pekerjaan. Itu sahaja.

**Tuan Abu Bakar bin Umar:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Ada-kah pelajar yang telah di-hantar untuk membuat patong telah selesai kursus-nya dan ada-kah beliau itu telah pulang ka-Malaysia pada masa ini?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Ada-kah Ahli Yang Berhormat itu berchadang dia hendak buat patong-nya sendiri untuk membangkitkan soalan ini. Tetapi saya tidak dapat hendak jawab, kerana berkehendakkan notis, sebab tidak termasuk dalam soalan asal.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, saya dengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar tadi

tidak di-sebutkan tentang masaalah pengakuan atau tidak berhubung dengan sijil pelajar<sup>2</sup> kita di-India itu. Jadi saya minta penjelasan lebih lanjut sedikit berkenaan hal itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, yang di-akuī oleh Kerajaan kita ia-lah degree<sup>2</sup> atau pun ijazah<sup>2</sup> daripada universiti yang tertentu sahaja, tetapi kebanyakan kursus<sup>2</sup> yang saya sebutkan sebentar tadi ia-lah pelajaran yang di-dapati oleh mereka di-Vocational Training Centre atau pun College<sup>2</sup> yang tidak berkehendakkan apa<sup>2</sup> pengakuan daripada Kerajaan kita.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan. Tidak-kah pelajar<sup>2</sup> ini di-hantar oleh MARA yang kita anggap ada-lah Kerajaan juga. Jadi tidak-kah bererti-nya sa-kira-nya Kerajaan menghantar pelajar<sup>2</sup> itu pada satu tempat yang tidak kita akuī bererti kita menghantar ka-tempat yang kita sendiri tidak suka. Ini satu chara yang kurang memuaskan, tidak-kah demikian?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, pelajar<sup>2</sup> ini di-hantar dengan perbelanjaan Colombo Plan. Chuma sedikit sahaja seperti tambang di-bayar oleh MARA. Bukan sahaja pelajaran luar negeri tetapi kursus<sup>2</sup> yang di-adakan dalam negeri kita sendiri pun tidak berkehendakkan apa<sup>2</sup> pengakuan, oleh sebab penuntut<sup>2</sup> yang keluar itu di-galakkan bekerja sendiri, atau pun bekerja dalam firma<sup>2</sup> dan bukan-nya untuk di-terima oleh Kerajaan.

**Tuan Goh Hock Guan:** Sir, further to the answer from the Honourable Minister on that one, don't you think it is the responsibility of MARA and the Government to advise the students before they go to India or any other country as to the suitability of the courses that they are taking and the Institutes which they are attending, so that when they come back their courses will be recognised and their training will be appropriate to the local conditions irrespective of the fact that the scholarships given to them are from the Colombo Plan or any other Plan. Should not this be the responsibility of the Government to advise them before they go?

**Tuan Yang di-Pertua:** May I point out that you are starting to discuss the question, not to ask questions and answers. You see,

you must ask supplementary questions and not to ask: could it be or could it not be. (Kapada Yang Berhormat Menteri.) No need to answer that question.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan lagi. Bagaimana pula pandangan<sup>2</sup> pihak kalangan swasta tentang pengakuan atau pun penerimaan sijil<sup>2</sup> mereka demikian itu?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, soal yang penting bukan-lah pengakuan atas sijil yang di-terima-nya, tetapi ada-kah pihak swasta berkehendakkan, menggunakan mereka<sup>2</sup> itu. Jika mereka berkehendakkan, ta' payah dengan sijil, mereka boleh terima mereka itu.

#### KILANG<sup>2</sup> DI-PUNYAI OLEH MARA

**4. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan kilang<sup>2</sup> yang di-punyaī oleh MARA dan apa-kah hasil<sup>2</sup> yang di-usahakan;
- (b) bilangan kilang<sup>2</sup> yang di-jalankan sa-chara berkongsi dan dengan siapa serta jumlah modal yang terlibat; dan
- (c) bila-kah pula kilang<sup>2</sup> tersebut akan di-uruskan sa-mata<sup>2</sup> oleh bumiputera<sup>2</sup> serta apa-kah usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan untuk mencapai matalamat ini.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua.

- (a) Bilangan kilang<sup>2</sup> yang di-punyaī oleh MARA sa-mata<sup>2</sup> ia-lah 7 buah ia-itu:
  - (i) Kilang Tepong Ubi, Ubi Sagat dan "Pellets";
  - (ii) Baju<sup>2</sup> batek dan lain<sup>2</sup> jenis pakaian;
  - (iii) Kilang Kain Batek gulong dan batek helai;
  - (iv) Sepatu<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> barang dari kulit;
  - (v) Kilang Kayu Sedia;
  - (vi) Kilang membuat roti;
  - (vii) Limbongan Kapal di-Kuala Trengganu.

(b) Kilang yang berkongsi ada tiga ia-itu KIMA Kilang Kain MARA Sendirian Berhad, yang kedua Pamalagrima Sendirian Berhad dan yang ketiga Jengka Sendirian Berhad.

(c) Kebanyakan pekerja<sup>2</sup> dan pengurus<sup>2</sup> dalam kilang<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh MARA itu ada-lah terdiri daripada anak<sup>2</sup> Melayu dan di-dalam kilang yang berkongsi di-dalam sharikat<sup>2</sup> lain, sa-bahagian besar daripada-nya terdiri dari anak<sup>2</sup> Melayu juga dan baki-nya orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu. Ini ada-lah bersesuaian dengan dasar Kerajaan hendak membawa semua bangsa bekerja bersama<sup>2</sup> dalam satu<sup>2</sup> tempat pekerjaan. Orang Melayu ada-lah di-lateh di-dalam kilang<sup>2</sup> tersebut atau pun di-luar negeri dengan tujuan supaya mereka dapat bekerja atau pun mengambil alih kerja<sup>2</sup> dalam kilang itu apabila mereka telah dapat kelulusan atau pun bekerja di-tempat lain.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Sa-hingga hari ini ada-kah MARA telah melantek ajen<sup>2</sup> di-perengkat<sup>2</sup> Negeri guna memasarkan barang<sup>2</sup> yang di-buat oleh kilang<sup>2</sup> MARA itu, saperti roti mithal-nya, sa-patut-nya mesti di-adakan di-tiap<sup>2</sup> Negeri ajen<sup>2</sup> MARA, bila-kah?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, tiap<sup>2</sup> kilang ini ada Lembaga Pemasaran-nya sendiri, tetapi saya berchadang hendak menyatukan semua Lembaga Pemasaran dalam tiap<sup>2</sup> ranchangan itu supaya lebih memberi kesan dan pada masa ini tidak-lah ada ajen pada tiap<sup>2</sup> Negeri dan kilang roti MARA tidak berkehendakkan ajen di-luar negeri kerana pengeluaran-nya hanya habis di-beli oleh orang<sup>2</sup> di-Petaling Jaya sahaja.

**Tuan Ramli bin Omar:** Tuan Yang di-Pertua, ada-kah MARA ini hendak mengadakan langkah bagi mengusahakan minyak kelapa daripada pekebun<sup>2</sup> kecil dan khas nya bumiputra dan dapat-kah Kementerian ini menjalankan penyelidikan bagi mengusahakan kilang minyak kelapa itu?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, usaha telah lama di-jalankan dan ada Kerajaan luar negeri yang telah pun

menghadiahkan jentera tetapi di-dapati tidak bagitu sesuai, dan MARA sedang mengkaji jentera<sup>2</sup> yang di-keluarkan oleh negeri lain dan apabila di-dapati sesuai, maka ini akan di-kembangkan di-daerah luar bandar.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Saya, sangat tertarek hati dalam masaalah roti tadi. Ada-kah benar Kementerian ini akan mengadakan kilang roti di-Muar untuk membekalkan pemakan roti di-Selatan Malaysia?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, boleh di-dirikan di-mana<sup>2</sup> sahaja di-kehendaki, jika sa-kira-nya ada orang tempatan yang suka hendak menjalankan ranchangan ini.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengar pada masa lalu MARA ada buat kilang tayar, kilang chelup tayar. Jadi saya tidak dengar tadi ada-kah Menteri itu sebut atau tidak?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kilang chelup tayar ini ada-lah sa-bahagian dari pada perusahaan kenderaan, sebab itu tidak-lah di-asingkan, tetapi jika Ahli Yang Berhormat mahu memasokkan itu sa-bagai satu kilang yang patut saya jawab tadi, saya terima-lah.

#### PEMBORONG<sup>2</sup> MELAYU—MARA MEMBEKALKAN BAHAN<sup>2</sup> PEMBENAAN

**5. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus** minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan apa-kah usaha<sup>2</sup> yang telah di-jalankan oleh MARA untuk membekalkan bahan<sup>2</sup> pembenaan kepada pemborong<sup>2</sup> Melayu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini MARA hanya dapat menolong pemborong<sup>2</sup> Melayu mendapatkan bekalan bahan<sup>2</sup> pembenaan sa-chara berhubung dengan pembekal<sup>2</sup> yang berkenaan menerusi persatuan pemborong<sup>2</sup> di-mana yang ada. Dalam perkara ini, daya utama hendak-lah di-jalankan oleh pemborong<sup>2</sup> itu sendiri dengan menubuhkan persatuan atau pun syndicate masing<sup>2</sup> di-sasabuai Negeri itu bagi memudahkan perlaksanaan peratoran ini.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat bahawa PERNAS yang sedang mengambil bahagian yang besar dalam soal menolong pemborong<sup>2</sup> Melayu sedang menimbangkan untuk mengadakan satu perniagaan menyediakan bahan<sup>2</sup> building material untuk pemborong<sup>2</sup> bumiputra ini.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Soalan tambahan. Sa-hingga sa-takat ini apa-kah usaha yang telah di-berikan oleh MARA kepada pemborong<sup>2</sup> Melayu kita?

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Jawab-nya banyak. Yang pertama sa-kali ia-lah memberikan pinjaman wang dengan tidak ada apa<sup>2</sup> chagaran. Jikalau sa-kira-nya kerja<sup>2</sup> yang di-buat itu ia-lah kerja<sup>2</sup> Kerajaan atau pun semi-government. Dan yang kedua, mengadakan latches<sup>2</sup> seperti membachapelan, costing dan lain<sup>2</sup> perkara yang mustahak. Dan yang ketiga, menolong mendapatkan barang<sup>2</sup> dengan harga yang berpatutan daripada pembekal<sup>2</sup> bagi mendapatkan harga yang murah bagi mereka itu dan sedia memberi pertolongan apa sahaja yang di-kehendaki oleh mereka dan yang boleh di-berikan oleh MARA.

**Tuan Haji Ahmad bin Arshad:** Dato' Yang di-Pertua, dalam memberi soal pinjaman wang, ada-kah di-kenakan bunga kepada peminjam<sup>2</sup> pemborong<sup>2</sup> kita itu.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, ada.

### **WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan:

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat pada 5hb Julai, 1971, berkenaan dengan waktu persidangan, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga selesai pertimbangan atas semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini dan apabila tamat meshuarat, Majlis ini akan di-tanggohkan kapada satu tarikh yang tidak di-tetapkan.

**Tuan Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa walau apa pun ketetapan yang di-buat pada 5hb Julai, 1971, berkenaan dengan waktu persidangan, Majlis ini tidak akan di-tanggohkan hari ini hingga selesai pertimbangan atas semua urusan Kerajaan yang tertera dalam Atoran Urusan Meshuarat hari ini, dan apabila tamat meshuarat, Majlis ini akan di-tanggohkan kapada satu tarikh yang tidak di-tetapkan.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> RANG UNDANG<sup>2</sup> PASPOT (PINDAAN)**

**Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> Akta Paspot (Pindaan) tahun 1971 untuk di-bacha kali yang kedua.

Tuan Yang di-Pertua, di-bawah seksyen 12 Akta Paspot tahun 1966 sa-saorang yang di-dapati salah melanggar sebarang peruntukan Akta tersebut akan di-kenakan hukum penjara tidak lebeh daripada 12 bulan atau di-denda tidak lebeh daripada \$2,000 atau pun kedua<sup>2</sup>-nya sa-kali. Pengalaman yang sudah<sup>2</sup> menunjukkan bahawa hukuman<sup>2</sup> yang di-kenakan sekarang ini ada-lah terlalu ringan untuk menakutkan (deter) atau menghalang orang<sup>2</sup> daripada melakukan kesalahan<sup>2</sup> di-bawah Akta tersebut. Oleh yang demikian ada-lah di-dapati perlu supaya seksyen<sup>2</sup> kechil 12 (1) dan (2) Akta tersebut di-pinda supaya hukuman penjara di-tambah menjadi 5 tahun dan hukuman denda menjadi \$10,000.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan.

**Tengku Ahmad Rithauddeen bin Tengku Ismail:** Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun bagi menyokong Akta ini dengan harapan supaya sa-tiap orang jangan berleluasan melalui sempadan<sup>2</sup> dengan tidak melalui kawasan<sup>2</sup> atau pun tidak mengadakan sa-barang paspot masuk ka-dalam kawasan negeri<sup>2</sup> luar. Bagi

tempat saya sendiri, ia-itu kawasan Perlis Utara, berhampiran dengan negeri Thai yang sentiasa penduduk<sup>2</sup>-nya berulang-alek berniaga antara sa-tempat ka-satempat ia-itu daerah Siam (daerah Thailand) ka-negeri Perlis dan negeri Perlis ka-Thai. Sa-kira-nya berlaku undang<sup>2</sup> ini yang bagitu ketat sehingga melibatkan orang<sup>2</sup> di-tempat saya sendiri berlaku bagitu, saya rasa patut-lah pehak Kerajaan menimbangkan bagi kawasan<sup>2</sup> sempadan, ia-itu penduduk<sup>2</sup> yang berhampiran dengan sempadan patut-lah diberi pas atau pun kebenaran istimewa kepada mereka itu untuk berulang-alek dari sempadan ka-sempadan yang lain.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ta' ada mengenai dengan Bill ini, itu lain bab.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Saya berchakap dalam segi Imigresen.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya suka berkenaan dengan Bill ini sahaja. Ini ta' ada kena-mengena. Jadi, ta' payah lagi berchakap.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Saya hendak berchakap dalam soal Bill ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soal ini soal Bill dan boleh berchakap kalau satu jam pun, tetapi tadi ta' ada kena dengan Bill ini.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Soal dendanya yang terlalu berat ini, patut di-timbangkan bagi penduduk<sup>2</sup> di-daerah sempadan yang saya katakan tadi, ia-itu macham di-daerah Padang Besar . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau soal denda ini berat, itu berkenaan.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Ini soal denda-lah!

**Tuan Yang di-Pertua:** Tadi saya dengar minta soal lain.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Soal denda ini-lah yang terlalu berat. Kalau ta' boleh berchakap pun ta' apa-lah (*Ketawa*).

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik-lah. Saya ingat kalau berat ta' apa-lah.

**Tuan Othman bin Abdullah:** Penduduk di-kawasan saya berhampiran sa-kali penduduk<sup>2</sup> di-kawasan saya yang ta' tentu perenggan<sup>2</sup> dia. Banyak orang berniaga di-sana, sini, di-Padang Besar di-daerah di-Perlis. Jadi, timbangkan-lah sedikit soal hukuman itu. Itu sahaja, terima kasih.

**Sa-orang Ahli Yang Berhormat:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ta' boleh.

**Tuan Mohamed bin Yacob:** Berkenaan dengan berat denda itu sa-kira-nya undang<sup>2</sup> ini di-luluskan oleh Dewan ini, maka kuasanya ada-lah dengan mahkamah, tetapi bagi pengetahuan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara itu, ia-itu orang<sup>2</sup> di-tepi sempadan ini memang di-beri border pass atau pun pas untuk melawat Negeri Thai, seperti orang<sup>2</sup> di-Perlis dan Kedah juga di-Kelantan. Itu sahaja bagi jawapan-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sebagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> KESELAMATAN DALAM NEGERI (PINDAAN)

### Bachuan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Tuan Mohamed bin Yacob:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> yang bertajuk Akta Keselamatan Dalam Negeri (Pindaan), 1971, untuk di-bacha untuk kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan Rang undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk mengekal beberapa peruntukan<sup>2</sup> yang di-buat berikutan dengan perisytiharan Dharurat pada 30hb September 1964 dan 13hb Mei, 1969, melalui Emergency (Internal Security and Detention Orders) Regulations 1964, Emergency (Internal Security and Detention Orders) (Amendment) Regulations 1965 and Emergency (Internal Security) (Modification of Laws) Ordinance No. 4/1969 yang akan di-mansokhkan kuat-kuasa-nya. Pindaan ini juga bertujuan memperkemas Akta tersebut serta menjelaskan beberapa perkataan tertentu yang di-pakai.

Pindaan yang mustahak ada-lah seperti berikut:

- (i) Sa-saorang yang di-kenakan perintah tahanan di-bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri berhak membuat rayuan terhadap perintah tahanan itu kepada Lembaga Penasehat dan hadir sendiri atau pun di-wakikan oleh Peguam-nya, apabila Lembaga Penasehat menimbang rayuan-nya itu.

Ordinan Dharurat 4/69 telah membatalkan untuk sementara waktu peruntukan bagi orang<sup>2</sup> tahanan hadir sendiri atau di-wakikan oleh Peguam-nya pada meshuarat Lembaga Penasehat pada masa menimbang rayuan mereka. Fasal 3 Rang Undang<sup>2</sup> ini akan memberi balek hak itu. Untuk memberi peluang kepada pihak Lembaga Penasehat menyelesaikan rayuan<sup>2</sup> orang<sup>2</sup> tahanan yang di-tahan sa-lepas Mei, 1969 yang menuntut hadir sendiri pada masa rayuan mereka di-pertimbangkan, maka ada-lah di-chadangkan supaya kuat-kuasa pemberian balek hak ini bermula sa-lepas 1hb September, 1972.

- (ii) Mengikut Sekshen 8 Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, kuasa mengeluarkan perintah tahanan ia-lah Yang di-Pertuan Agong. Ordinan Dharurat 4/69 telah memindahkan kuasa itu daripada Yang di-Pertuan Agong kepada Menteri. Ada-lah jelas mengikut Perkara 151 1 (a) (b) Perlembagaan, kuasa tersebut tidak sa-harus-nya di-keluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong oleh kerana orang tahanan di-beri hak di-bawah Perkara 151 (b) Perlembagaan mengemukakan rayuan kepada

Yang di-Pertuan Agong terhadap perintah tahanan yang di-kenakan kepada mereka. Oleh yang demikian tidak-lah menasabah jika perintah tahanan itu di-keluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan pihak yang memutuskan rayuan terhadap perintah tahanan itu ia-lah juga Yang di-Pertuan Agong juga. Rang Undang<sup>2</sup> ini akan mengekalkan pindaan yang di-buat oleh Ordinan Dharurat 4/69.

- (iii) *Sekshen 8 (1)*: Ada-lah juga di-pinda untuk memasukkan perkataan "essential services" atau "the economic life thereof" sa-bagai sebab<sup>2</sup> membolehkan sa-saorang itu di-kenakan perintah tahanan. Perkataan<sup>2</sup> ini telah dimasukkan ka-dalam Akta tersebut sa-chara sementara mengikut pindaan<sup>2</sup> Dharurat 1964 dan Ordinan Dharurat 4/69. Rang Undang<sup>2</sup> ini akan mengekalkan pindaan<sup>2</sup> sementara tersebut. Untuk perhatian Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat pindaan ini ada-lah selaras dengan perkara 149 Perlembagaan yang membolehkan di-buat peruntukan menghadapi "organised violence against persons or property".
- (iv) *Sekshen 8 (7)*: Akta tersebut tidak ada peruntukan bagi Menteri menyambung Perintah Tahanan/Terhad sa-telah tempoh sa-suatu perintah itu tamat. Oleh kerana itu tiap<sup>2</sup> perintah sambungan ada-lah di-anggap sa-bagai perintah baharu dan atoran menyediakan perintah baharu di-ikuti sa-mula. Pindaan Dharurat 1964 dan juga 4/69 mengadakan peruntukan untuk menyambung sa-suatu perintah tersebut dan tujuan pindaan dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk mengekalkan pindaan<sup>2</sup> sementara di-bawah Undang<sup>2</sup> Dharurat itu.
- (v) *Sekshen 8 (1)*: Dalam Akta yang ada sekarang tidak ada peruntukan bagi Menteri meminda, membetul atau menambah syarat<sup>2</sup> sa-suatu perintah terhad yang telah di-keluarkan. Dengan demikian Rang Undang<sup>2</sup> ini mengadakan di-sekshen 8 (8) peruntukan tersebut.
- (vi) *Sekshen 13 (1)*: Sa-belum Dharurat 1969 tiap<sup>2</sup> perintah ada-lah di-ulang-kaji sekurang<sup>2</sup>-nya dalam masa 6 bulan sa-kali, oleh Lembaga Penasehat

di-bawah Seksyen 13 Akta tersebut. Ordinan Dharurat 4/69 telah menarek hak ini. Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan mengembalikan semula hak itu. Mengikut Seksyen 12, Lembaga Penasehat di-kehendaki menimbang rayuan daripada sa-orang tahanan dalam masa 3 bulan daripada tarikh ia mula ditangkap. Oleh kerana Seksyen 13 (1) memberi hak bagi sa-suatu perintah di-ulangkaji tiap<sup>2</sup> 6 bulan, maka dalam tempoh 6 bulan pertama sa-saorang tahanan itu akan menghadapi Lembaga Penasehat dua kali. Untuk mengelak perkara ini berlaku, maka Rang Undang<sup>2</sup> ini memasukkan satu peruntukan di-Seksyen 13 (1) yang menyatakkan ulangkaji pertama tahanan hendak-lah di-buat dalam masa 6 bulan sa-lepas penimbangan rayuan (representation).

- (vii) *Sekshen (73):* Tiap<sup>2</sup> Perintah Tahanan/ Terhad di-bawah Akta itu hendak-lah di-tanda-tangani dalam tempoh 30 hari sa-saorang itu di-tangkap. Tempoh ini sangat-lah suntok bagi fail kes orang<sup>2</sup> tahanan itu untuk di-kemukakan daripada Polis di-perengkat kontinjen ka-Ibu Pejabat dan daripada Ibu Pejabat ka-Kementerian ini. Ordinan Dharurat 4/69 telah menambah tempoh ini kepada 60 hari. Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan mengekalkan pindaan sementara yang di-buat di-bawah Undang<sup>2</sup> Dharurat itu.

Untuk ma'aluman, pindaan ini tidak-lah bertentangan dengan Perkara 151 1 (b) Perlembagaan yang memberi kebenaran bagi tahanan tidak lebih dari tempoh 3 bulan sa-belum Lembaga Penasehat di-kehendaki menimbang apa<sup>2</sup> rayuan kapada-nya.

Undang<sup>2</sup> Emergency (Detention Non-Citizens Regulation, 1965 membenarkan sa-saorang tahanan bukan warga-negara membuat rayuan representation kapada Menteri. Dengan pembatalan Peratoran tersebut di-Jadual Kedua Rang Undang<sup>2</sup> ini, orang tahanan bukan warganegara akan di-beri hak sama seperti warganegara ia-itu mereka boleh membuat rayuan terus kapada Lembaga Penasehat.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Andrew Mara anak Walter Unjah (Betong):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, in taking part in the debate on this Internal Security (Amendment) Bill, I beg to emphasise that the more real, more practical and more dangerous threat to the security and the unity and the happiness of this nation is an internal one. Mr Speaker, Sir, even from the economic point of view, I do not believe that threat from outside will affect Malaysia's economy of self-sufficiency. Many countries in South-East Asia realise the value of maintaining economic relations with Malaysia.

Mr Speaker, Sir, I believe that the threat of imminent and practical danger to this nation is an internal one. The most outstanding scene on the surface of course is the Communist struggle to over-turn the Government by force and to confuse the loyal citizens. Up to now our Armed Forces have been able to deal with this threat and contain it. The Armed Forces should be given respect and encouragement and the families of those dying in defending the nation must be looked after by the Government.

Mr Speaker, Sir, a silent enemy posing a real threat to the unity and happiness of the nation, more felt than seen, but very stubborn and active is poverty. When we see men, women and children are homeless, sleeping under the trees, sleeping under the bridge and sleeping on the roadside, we should not laugh at them because this has meaning in relation to the quality of a nation. Some of the Malaysian people today, although not belonging to the exact group of unfortunate ones just described, are living in hardship and poverty and this fact must not be overlooked or ignored for it is a silent but sure threat to the internal security.

Mr Speaker, Sir, another internal security threat is extreme racialism which is a most dangerous element to cultivate in this multi-racial and multi-religious Malaysian society. Race, language and religion are sensitive matters, whether or not they are so defined by any law. It is wrong therefore and dangerous to peace and unity and happiness of this nation for any person or any group of persons to cultivate and build up exclusive racialism in any quarter of this country. This will lead into divisions and hatred. This

applies to all walks of life in this country, whether it is politics, industries, game and so on.

Mr Speaker, Sir, in order to maintain our internal security, I believe we need not only weapons of war such as aeroplanes, bombs and guns, but we need—and badly need—moral and social goodness as well. The principles of the Rukunegara, the guidelines to the Constitution, the laws and orders, must not be allowed to remain as mere words written in the books. These must be practised in the daily life and work and the associations amongst all Malaysians of all races.

Pada masa ini pehak<sup>2</sup> Polis dan Imigresen berkuasa menahan sa-orang yang di-fikirkan patut di-usir keluar dari Persekutuan sa-lama 14 hari sahaja. Tempoh masa itu tidak mencukupi bagi pehak berkenaan menahan untuk menyiasat sebab<sup>2</sup> sa-saorang itu masuk ka-negeri ini dengan sa-chara haram sa-belum di-usir keluar.

Oleh yang demikian tempoh masa yang tersebut dalam sekshen 35 Ordinan tersebut perlu di-lanjutkan sa-hingga 30 hari.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tengku Ahmad Rithaudeen bin Tengku Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun sokong Rang Undang<sup>2</sup> Pindaan Ordinan Imigresen tahun 1959 ini dan saya berharap dapat pertimbangan daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan—kita sa-bagai ra'ayat warganegara Malaysia tetapi jika kita di-Malaysia Barat ini hendak pergi ka-Malaysia Timor terpaksa kita ambil paspot. Jadi kita harap-lah Yang Berhormat Menteri supaya dapat timbangan, tidak payah di-kenakan paspot, sebab kita ada-lah warganegara Malaysia, chuma kita bentangkan Kad Pengenalan pun chukop-lah supaya boleh daripada Malaysia Barat pergi ka-Malaysia Timor, dari Malaysia Timor datang ka-Malaysia Barat. Kerana banyak di-antara keluarga<sup>2</sup> hendak melawat ka-sana dapat kesusahan kena ambil paspot hendak melawat Malaysia Timor. Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Lob Jee Mee (Batang Padang):** (Dengan izin).

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Chakap kedua<sup>2</sup> sa-kali, boleh champor—bagus.

**Tuan Loh Jee Mee:** I think there is a very important point I wish to talk to this House.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** All right.

**Tuan Lob Jee Mee:** Tuan Speaker, with reference to the Bill, I wish to draw the attention of the Minister concerned with regard to a law which was passed sometime in 1963. This law, which is out of date and a ridiculous one, I feel should be amended. There is a directive to the Immigration Department to demand for exit permits in respect of Malaysians born between 1934 and 1942 and who are eligible for National Service. Such permits have to be obtained

from the Manpower Department prior to applying for a passport. It is here that I wish to point out the ridiculousness of the law, which has caused undue hardship and inconvenience to many people. It becomes extremely difficult to abide by the red-tape if one wants to leave the country urgently.

Mr Speaker, Sir, besides, Malaysia is perhaps the only country in the world where National Service is confined to a group that is born within a specific period. In normal circumstances it is the age group that would be eligible for National Service.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** We are discussing the Immigration Bill and not the National Service Bill.

**Tuan Loh Jee Mee:** I am coming to it, Mr Speaker, Sir.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Please confine yourself to the merits or demerits of this Bill.

**Tuan Loh Jee Mee:** Sir, I wish to draw your attention to the *Gazette* Notification, L.N. 309/63, dated 17th November, 1963. Sir, I feel that this law is out of date and should be amended, because in normal circumstances it is the age group that will be eligible for National Service. But, in our country, those born after 1942 are not eligible for National Service and it is humorous to note that those born between 19th November, 1934 and 18th November, 1942 remain eligible for National Service, no matter what age they attain, that is to say, Mr Speaker, Sir, that those born after 19th November, 1934 are now well passed the eligible group for National Service. I would therefore urge the Government to specifically state the category eligible for National Service, rather than tie down a certain group of people for the rest of their lives. In so far as the application for passport for citizens born between 19th November, 1934 and 18th November, 1942 are concerned, may I ask the Minister concerned to rectify this situation and amend it. Thank you, Sir.

**Tuan Mohamed bin Yaacob:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ia-itu bagi sa-saorang yang hendak pergi ka-Malaysia Timor di-kehendaki mengadakan paspot, ini

ada-lah berkenaan dengan Perjanjian—sa-belum Malaysia Timor memasoki dalam Malaysia. Jadi perkara ini tentu-lah akan diteruskan dan pada satu masa barangkali harus-lah Kerajaan akan menimbangkan berkenaan dengan perkara ini.

(*Dengan izin*): Regarding the National Service, that has nothing to do with this Ministry and therefore I feel there is no point for me to reply. In the circumstances, I would ask this Bill to be passed.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatankuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> TIMBANG DAN SUKAT METER

*Bachasan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Jobari):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meniadakan supaya Rang Undang<sup>2</sup> Timbang dan Sukat Meter, 1971 di-bacha bagi kali kedua.

Saperti mana Ahli<sup>2</sup> Berhormat sedia ma'alum pada masa ini kawalan terhadap penggunaan timbang dan sukat di-negeri ini ada-lah terta'alok kepada beberapa Enakmen Negeri dan Ordinan<sup>2</sup>. Piawai<sup>2</sup> atau pun "standards" yang di-gunakan di-dalam Enakmen<sup>2</sup> dan Ordinan<sup>2</sup> itu ada-lah berasaskan kepada Sistem Timbang dan Sukat "Imperial". Enakmen<sup>2</sup> dan Ordinan<sup>2</sup> ini saperti mana yang di-nyatakan dalam Jadual I Rang Undang<sup>2</sup> itu, kechuali Enakmen Timbang dan Sukat di-Negeri<sup>2</sup> Melayu Bersekutu, tidak mempunyai bekalan untuk

penggunaan timbang dan Sukat meter. Oleh itu Rang Undang<sup>2</sup> ini di-kemukakan dengan tujuan untuk membolehkan penggunaan<sup>2</sup> unit<sup>2</sup> meter dengan sah-nya bagi tujuan konterek, tawaran, jualan, urusan atau pengutipan atau bayaran tol atau cukai, dibuat mengikut mana<sup>2</sup> satu unit timbang dan sukat meter seperti yang terdapat di-dalam Jadual II Rang Undang<sup>2</sup> tersebut.

Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah di-kemukakan sebagai satu langkah sementara untuk kemudahan penggunaan timbang dan sukat meter sa-telah perdagangan getah menukarkan sebut-harga ka-sistem meter sejajar dengan perkembangan di-dalam pasaran antarabangsa untuk getah asli. Yang demikian maka perlu-lah bagi Menteri Kewangan mengeluarkan satu Perintah untuk pengutipan cukai ekseptor dan cukai ses atas getah berdasarkan kepada sistem timbang meter. Oleh kerana di-bawah kebanyakan Enakmen<sup>2</sup> Negeri dan Ordinan<sup>2</sup> penggunaan sistem meter tidak ada di-nyatakan dengan jelas-nya bagi penggunaan sistem meter, maka tidak-lah boleh Perintah tersebut dibuat kerana pedagang getah, umpama-nya di-Pulau Pinang dan Melaka akan melakukan satu kesalahan jika ia-nya menggunakan sistem timbang meter di-dalam konterek<sup>2</sup>-nya.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> ini mengandungi 4 sekshen ia-itu:

- (a) *Sekshen 1* peruntukan tajok Rang Undang<sup>2</sup> itu;
- (b) *Sekshen 2* peruntukan bagi pentaksiran Rang Undang<sup>2</sup> tersebut;
- (c) *Sekshen 3* ia-lah untuk membolehkan penggunaan timbang dan sukat meter dengan sah-nya bagi tujuan<sup>2</sup> seperti yang di-nyatakan dalam Rang Undang<sup>2</sup> tersebut;
- (d) *Sekshen 4* ia-lah untuk mengelakkan perbekalan Sekshen 3 di-gunakan dengan chara yang dapat memberi perlindungan kepada sa-siapa yang melanggar perbekalan<sup>2</sup> lain dalam undang<sup>2</sup> yang sedia ada berkaitan dengan timbang dan sukat yang tidak di-nyatakan dengan jelas-nya di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> tersebut.

Saperti yang di-nyatakan terlebih dahulu ini ia-lah satu langkah sementara kerana pada masa ini kedudukan timbang dan sukat

pada keselurohan-nya di-negeri ini sedang di-kaji dengan pesat-nya oleh satu jawatan-kuasa Khas dengan tujuan untuk men-chadangkan penggunaan sistem meter sa-bagai satu sistem timbang dan sukat yang tunggal. Oleh itu Rang Undang<sup>2</sup> ini akan menolong membiasakan orang<sup>2</sup> di-negeri ini dengan sistem meter.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang memohon men-chadangkan.

**Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan mesuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Kedua* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> GALAKAN PELABORAN (PINDAAN)

**Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tuan Mohamed Khir Johari):** Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai satu streteji Kerajaan hendak mengembangkan asas ekonomi negara ini supaya dapat meninggikan lagi taraf pendapatan dan menyediakan lebih banyak lagi peluang<sup>2</sup> Pekerjaan. Perhatian khas telah di-beri kepada perindustrian di-dalam rancangan pembangunan negara keselurohan-nya. Kejayaan<sup>2</sup> yang telah di-chapai sa-hingga ini ada-lah memuaskan dan bidang perindustrian sedang memainkan peranan yang lebih penting dalam ekonomi negara

ini. Dalam tempoh masa Rancangan Malaysia Yang Ke-dua ini, matlamat yang lebih besar dan "ambitious" telah di-tetapkan dan rancangan<sup>2</sup> telah pun di-susun untuk bidang<sup>2</sup> perusahaan membantu Kerajaan bagi mencapai matlamat<sup>2</sup> negara.

Hasrat dan kesungguhan Kerajaan bagi mempercepatkan penubuhan bidang perindustrian jelas membayangkan berbagai<sup>2</sup> langkah dan usaha yang telah di-ambil untuk mengadakan suasana pelaburan yang sesuai bagi menggalakkan penanaman modal asing, dari Malaysia sendiri dan juga dari puncha<sup>2</sup> luar negeri di-dalam aktiviti<sup>2</sup> perindustrian. Di-antara langkah<sup>2</sup> tersebut ia-lah peruntukan bagi galakan<sup>2</sup> pelaburan.

Sa-bagaimana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sedia ma'alom, Akta Galakan Pelaburan (Investment Incentives Act) telah pun di-bentang di-dalam Dewan ini pada tahun 1968 yang bertujuan untuk memberi lebih banyak lagi kemudahan dan penambahan galakan pelaburan perindustrian di-dalam negeri ini. Akta ini ada-lah bagi menggantikan yang asal yang telah di-kuatkuasakan semenjak tahun 1958. Pada keseluruhannya akta 1958 itu memberi dua jenis galakan ia-itu bagi mendirikan dan membesarkan perusahaan<sup>2</sup> perindustrian di-dalam Malaysia dan bagi barang<sup>2</sup> buatan Malaysia yang sedia ada dan yang babaru untuk di-ekspot. Kesan dari galakan<sup>2</sup> ini telah pun dapat dirasakan. Ini ada-lah terbukti dengan bertambah-nya bilangan projek<sup>2</sup> yang telah di-luluskan semenjak di-adakan galakan<sup>2</sup> itu. Sebagai contoh-nya, pada tahun 1970 jumlah projek<sup>2</sup> yang telah di-luluskan ia-lah sa-banyak 334, berbanding dengan 146 projek pada tahun 1969 dan 41 projek pada tahun 1968. Walau bagaimana pun bagi mempercepatkan lagi penubuhan perindustrian, Kerajaan senantiasa menyemak rancangan galakan<sup>2</sup> dengan tujuan supaya dapat terus di-perbaiki lagi. Sa-buah Jawatan-kuasa Menyemak mengenai Galakan Pelaburan telah di-tubuhkan dan hasil dari kajian yang telah di-buat, Jawatan-kuasa tersebut telah meniadakan supaya galakan<sup>2</sup> yang sedia ada di-perbaiki lagi dan juga di-adakan galakan<sup>2</sup> yang baru di-samping itu dengan berdasarkan kepada matlamat<sup>2</sup> dasar ekonomi baru, terutama sekali bagi mengadakan peluang<sup>2</sup> pekerjaan yang lebih banyak.

Rang Undang<sup>2</sup> yang di-bentangkan di-dalam Dewan hari ini ada-lah untuk mendapatkan kelulusan dari Dewan ini bagi membuat pindaan kepada Akta Galakan Pelaburan 1968 bagi menyediakan galakan<sup>2</sup> pelaburan khas kepada perusahaan<sup>2</sup> elektronik, hotel dan perusahaan<sup>2</sup> yang menggunakan tenaga buroh yang banyak dan juga elaun modal yang di-tambah (increased capital allowance) kepada projek<sup>2</sup> yang di-luluskan dan di-sokong oleh Jawatan-kuasa.

Di-bawah undang<sup>2</sup> galakan pelaburan yang ada sekarang, tidak ada peruntukan khusus dalam apa chara jua pun yang berupa galakan perusahaan supaya menggunakan lebih banyak tenaga buroh sejajar dengan modal. Untuk di-saibangkan dengan dasar Kerajaan hari ini, galakan<sup>2</sup> sachara baru yang akan di-kenalkan sebagai *Bantuan Penggunaan Tenaga Buroh* (Labour Utilisation Relief) ada-lah di-keluarkan. Galakan<sup>2</sup> baru ini ada-lah seperti mana yang di-masokkan di-dalam Bab 1A di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini yang terdapat sa-lepas sahaja Bab 1 di-dalam Akta utama seperti mana yang telah di-pindahkan.

Bantuan Penggunaan Tenaga Buroh ini ada-lah untuk memberi kelepasan daripada cukai pendapatan sama seperti kelepasan yang di-perolehi oleh sharikat<sup>2</sup> yang bertaraf perintis. Beza-nya ia-lah pemberian pengecualian di-dalam perusahaan ini ada-lah di-dasarkan kepada bilangan pekerja<sup>2</sup> sapenoh masa yang bergaji yang di-gunakan di-dalam satu<sup>2</sup> projek<sup>2</sup> itu dan tidak berdasarkan kepada jumlah modal jangka panjang yang di-belanjakan seperti hal-nya di-dalam sharikat<sup>2</sup> bertaraf perintis. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat juga akan mendapati bahawa Bantuan Penggunaan Tenaga Buroh ini hanya akan layak di-berikan kepada projek<sup>2</sup> baru yang di-luluskan sa-lepas Rang Undang<sup>2</sup> ini di-terima.

Di-bawah Bantuan Pengguna Tenaga Buroh ini, tempoh kelepasan cukai dan kelayakan<sup>2</sup>-nya ada-lah seperti berikut:

Gunatenaga	Jangka Masa Kelepasan Cukai	
51—100 pekerja ...	...	2 tahun
101—200 pekerja ...	...	3 ..
201—350 pekerja ...	...	4 ..
351 dan lebih ...	...	5 ..

Dengan di-adakan Bantuan Penggunaan Tenaga Buroh ini saya menaruh pncnh kepercayaan bahawa pembangunan perusahaan akan dapat menyediakan lebeh banyak lagi peluang<sup>2</sup> pekerjaan bagi mengatasi masaalah penganggoran di-negara kita ini.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat akan mendapati bahawa Bab 1 A kepada Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah juga mengandongi galakan<sup>2</sup> yang di-berikan kepada *perusahaan elektronik* seperti mana yang terdapat dalam Jadual Kedua di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini. Galakan<sup>2</sup> ini akan di-beri kepada perusahaan<sup>2</sup> elektronik terhadap projek<sup>2</sup> yang ranchangan<sup>2</sup> pelaburan-nya mendapat kelulusan Kerajaan sa-belum 31hb Januari, 1973.

Peruntukan kepada tambahan galakan<sup>2</sup> pelaburan kepada perusahaan elektronik merupakan satu langkah Kerajaan bagi menggalakkan aktibiti<sup>2</sup> yang menggunakan banyak tenaga buroh bagi mengatasi masaalah penganggoran sekarang. Pindaan kepada Akta utama ini ada-lah bertujuan memberi kelepasan cukai yang lebeh terhadap perusahaan ini daripada yang ada dalam undang<sup>2</sup> sekarang. Dalam hal sharikat<sup>2</sup> bertaraf perintis di-bawah undang<sup>2</sup> sekarang, jangka masa kelepasan cukai yang biasa ia-lah 2 hingga 5 tahun mengikut jumlah harta jangka panjang yang di-belanjakan. Jangka masa kelepasan ini boleh dilanjutkan dengan tambahan 3 tahun lagi, menjadikan jangka maxima-nya kepada 8 tahun sa-kira-nya: (a) sharikat<sup>2</sup> bertaraf perintis itu di-dirikan di-Kawasan Pembangunan, (b) mengeluarkan keluaran<sup>2</sup> yang di-utamakan, dan (c) menchapai peratus unsor Malaysian yang di-kehendaki. Di-dalam perusahaan elektronik, ada-lah di-chadangkan untuk memberi kelepasan cukai dari 4 hingga 7 tahun supaya ini dapat memberi galakan yang lebeh bagi perusahaan<sup>2</sup> seperti itu di-dirikan di-Malaysia. Sebagai tambahan, sharikat itu juga di-bolehkan melanjutkan masa kelepasan cukai selama 1 tahun bagi tiap<sup>2</sup> satu kehendak<sup>2</sup> yang ada di-dalam undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan yang ada sekarang, seperti mana yang telah diterangkan ia-itu dengan mendirikan kilang<sup>2</sup> mereka di-Kawasan Pembangunan atau pun mengeluarkan keluaran<sup>2</sup> yang di-utamakan atau menchapai peratus unsor Malaysia yang di-kehendaki. Oleh itu satu<sup>2</sup> sharikat dalam perusahaan elektronik itu boleh mendapat masa kelepasan cukai maxima sa-hingga 10

tahun berbanding dengan maxima 8 tahun yang di-berikan kepada lain<sup>2</sup> sharikat bertaraf perintis. Sebagaimana yang saya telah terangkan, galakan<sup>2</sup> ini ada-lah kuatkuasa tempoh-nya sa-hingga 31hb Januari, 1973.

Tuan Speaker, satu lagi galakan yang penting yang telah di-adakan ia-lah berhubung dengan hotel<sup>2</sup> dan motel<sup>2</sup> yang di-dirikan di-Malaysia. Ahli<sup>2</sup> yang Berhormat tentu-lah masch ingat lagi bahawa Akta Galakan Pelaburan, 1968 telah pun di-pinda untuk menyediakan galakan kepada perusahaan hotel. Pindaan itu telah di-buat di-bawah Ordinan 89 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971. Galakan<sup>2</sup> ini ada-lah berupa Taraf Perintis, Potongan Pendapatan Yang di-Kenakan atau pun abatement of chargeable income, Elaun Susutan di-Percepat (accelerated depreciation allowance) dan Elaun Bangunan Perusahaan atau pun Industrial building allowance yang telah di-bentangkan di-dalam Jadual Pertama Rang Undang<sup>2</sup> ini. Dengan ini ada-lah di-chadangkan supaya peruntukan<sup>2</sup> berhubung dengan perusahaan hotel di-adakan semula tanpa sebarang pindaan dan menjadikan-nya sebagai sa-bahagian dari undang<sup>2</sup> tetap.

Tuan Speaker, penggalakan<sup>2</sup> kita pada masa<sup>2</sup> yang sudah telah menunjokkan bahawa di-bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968, banyak projek<sup>2</sup> yang di-dapati perlu oleh Kerajaan bagi kepentingan negara tidak dapat di-beri kelepasan cukai kerana tidak termasuk di-bawah Taraf Perintis atau Kredit Cukai Pelaburan (Investment Tax Credit). Ini ada-lah projek<sup>2</sup> yang di-usahkan oleh perusahaan<sup>2</sup> yang telah maju di-negeri ini tetapi mereka sedang menjalani permodenan. Supaya dapat di-beri galakan kepada kilang<sup>2</sup> yang sedia ada untuk memodenkan chara<sup>2</sup> pengeluaran mereka dan untuk mendirikan satu kilang moden yang baru, Kerajaan ada-lah menchadangkan untuk mengemukakan satu galakan cukai yang baru yang di-panggil Elaun Modal Yang Di-tambah atau pun Increased capital allowance. Peruntukan bagi galakan ini ada-lah seperti yang terdapat dalam Bahagian III B kepada Akta utama. Elaun Modal Yang Di-tambah itu ada-lah di-tujukan kepada perbelanjaan bangunan dan alat-alatan yang layak yang di-keluarkan untuk memodenkan chara<sup>2</sup> pengeluaran di-satu<sup>2</sup> kilang yang ada pada masa ini atau pun untuk mendirikan satu kilang moden yang

baru. Pada masa ini, elaun modal yang ditambah bagi perbelanjaan bangunan yang layak di-belanjakan di-dalam pembenaan bangunan ia-lah 2 peratus. Maka ada-lah di-chadangkan di-sini bahawa di-bawah Elaun Modal Yang Di-tambah itu di-naikkan kepada 3 peratus. Berhubung dengan perbelanjaan yang terlibat dengan pembelian bangunan yang layak, kadar elaun modal yang di-tambah akan juga di-naikkan sa-jajar dengan-nya. Bagi perbelanjaan alat-alatan yang layak, kadar elaun modal yang ditambah akan juga di-naikkan kepada 40 peratus. Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat Dewan ini akan dapati bahawa pemberian galakan tambahan ini tidak-lah terikat kepada keadaan eksept pemohon seperti mana hal-nya dengan Elaun Susutan Di-percepat atau pun Accelerated depreciation allowance di-bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 sekarang ini.

Tuan Speaker, ini-lah sa-chara rengkas-nya pindaan<sup>2</sup> yang Rang Undang<sup>2</sup> ini bertujuan untuk memaktubkan di-dalam Akta Galakan Pelaburan, 1968. Kerajaan ada-lah senantiasa berusaha terus untuk memberi galakan<sup>2</sup> baru dan galakan<sup>2</sup> yang lebih menarik kepada perusahaan<sup>2</sup>, dan ini dengan jelas-nya membuktikan hasrat dan kesungguhan Kerajaan bagi meninggikan lagi kadar kemajuan perusahaan di-negeri ini. Ada-lah di-harapkan pihak swasta juga akan bergiat sa-jajar dengan usaha<sup>2</sup> Kerajaan yang bersungguh<sup>2</sup> dalam penyertaan-nya supaya dengan langkah<sup>2</sup> yang di-ambil itu dapat menggalakkan lagi pelaburan perusahaan.

Tuan Speaker, saya menaruh harapan bahawa Rang Undang<sup>2</sup> ini akan mendapat sokongan yang penuh dari Dewan ini. Oleh kerana itu, saya pohon menhadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> ini di-baca bagi kali yang kedua.

**Menteri Pengangkutan (Dato' Haji Abdul Ghani Gilong):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam):** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang<sup>2</sup> meminda Akta Galakan Pelaburan, 1968 ini merupakan satu daripada siri pindaan<sup>2</sup> yang telah di-buat oleh Kerajaan semenjak Undang<sup>2</sup> Perusahaan Perintis Terkecuali Daripada Chukai Pendapatan, 1958, yang di-sebut oleh Yang Berhormat Menteri

baharu sa-bentar tadi. Sungguh pun perubahan<sup>2</sup> telah di-buat ka-atas Rang Undang<sup>2</sup> Galakan Pelaburan, 1968 itu, tetapi pada hemat saya galakan<sup>2</sup> asas seperti tempoh pengecualian cukai tidak banyak di-ubah. Akta Galakan Pelaburan, 1968, melanjutkan tempoh kelepasan cukai sa-tahun lagi, ia-itu menjadikan tempoh maxima kepada lima atau enam tahun, jika perusahaan perintis itu di-tempatkan dalam kawasan pembangunan atau akan mengeluarkan barang yang di-utamakan, atau menggunakan peratus yang di-luluskan daripada bahan<sup>2</sup> mentah tempatan.

Rang Undang<sup>2</sup> yang dalam timbangan Dewan ini hari ini mengadakan syarat boleh melanjutkan tempoh kelepasan cukai kepada maxima 7 tahun berdasarkan bilangan pekerja<sup>2</sup> yang di-gaji penuh oleh sa-suatu syarikat perintis atau syarikat yang telah di-luluskan di-bawah seksyen 12 (a) di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> Pindaan ini. Ada-lah dasar Kerajaan untuk menggalakkan perindustrian di-kawasan<sup>2</sup> luar bandar atau kawasan<sup>2</sup> yang kurang maju di-Malaysia ini.

Bagi mencapai tujuan ini Akta Galakan Pelaburan, 1968 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan melanjutkan tempoh kebebasan cukai bagi syarikat perintis hanya satu tahun jika di-dirikan di-dalam kawasan pembangunan atau yang menggunakan peratus di-luluskan daripada bahan<sup>2</sup> mentah tempatan. Galakan ini nampak-nya tidak berjaya menarik pengusaha<sup>2</sup> perindustrian mendirikan kilang-nya sa-umpama-nya di-Seremban atau di-Melaka, apa-tah lagi di-kawasan<sup>2</sup> yang kurang maju seperti kawasan saya sendiri Muar, Batu Pahat, atau Kuantan. Jadi tambahan satu tahun kelepasan cukai itu tidak cukup untuk menarik pengusaha<sup>2</sup> ini. Apa yang di-katakan oleh Yang Berhormat Menteri baharu sa-bentar tadi ia-itu tentang banyak-nya projek<sup>2</sup> yang telah di-dirikan, yang telah di-usahkan semenjak tahun 1968 ia-lah 41; tahun 1969 146 dan tahun 1970 334 projek tetapi kalau di-kaji projek<sup>2</sup> ini semua-nya di-jalankan bukan-nya di-kawasan<sup>2</sup> di-luar bandar

saperti hasrat yang telah di-nyatakan oleh Perdana Menteri berkali<sup>2</sup> di-dalam Dewan ini dan di-luar Dewan ini.

Ada-lah satu perkara yang kita semua ketahu<sup>i</sup> galakan<sup>2</sup> yang ada dalam Akta 1968 telah menunjukkan perindustrian di-kawasan<sup>2</sup> yang telah maju saperti kawasan Kuala Lumpur, Batu Tiga, daerah Kinta, George Town, Johor Bahru dan Butterworth. Penumpuan perindustrian dalam kawasan<sup>2</sup> yang saperti ini, ia-itu menimbulkan bukan sahaja masalah<sup>2</sup> perbandaran saperti kawasan sesak atau kawasan setinggan dan pengotoran udara atau pollution tetapi yang paling bahaya ada-lah menimbulkan tidak ka-saimbangan ekonomi.

Rang Undang<sup>2</sup> yang ada di-hadapan kita ini tidak memberikan galakan dalam kawasan pembangunan kechuali galakan khas yang di-berikan kepada perusahaan hotel dan perusahaan eletronik. Jika kita pereksa, penyiasatan perusahaan pengilangan tahun 1967 dan tahun 1968 kita dapati perusahaan<sup>2</sup> perkilangan termasuk-lah memproses susu getah dan mengetin nenas, kilang beras, kasut<sup>2</sup> getah dan lain<sup>2</sup> pengeluaran getah memberikan peluang pekerjaan yang lebih ramai daripada perusahaan<sup>2</sup> yang menggunakan bahan<sup>2</sup> yang di-impot akan tetapi pertimbangan dan galakan<sup>2</sup> khas atau istimewa tidak di-berikan kepada pelabor<sup>2</sup> untuk mendirikan kilang memproses bahan<sup>2</sup> mentah dalam negeri ini. Yang demikian bahan mentah saperti kayu balak atau log, getah, kelapa sawit dan padi juga terus di-ekspot untuk di-proses di-Singapura dan di-seberang laut. Hal ini ada-lah berlawanan dan bertentangan dengan dasar ekonomi baharu Kerajaan bagi menjamin bahawa bahan<sup>2</sup> untuk perusahaan impot tidak lagi ka-dalam negeri bahan<sup>2</sup> mentah hendak-lah di-proses di-dalam negeri ini.

Pada masa ini umpama-nya ada dua kilang memproses gula yang telah di-berikan taraf perintis. Kilang<sup>2</sup> ini mengimpot gula mentah—bahan<sup>2</sup> mentah bagi gula dari luar negeri untuk di-proses dalam negeri ini, sa-balek-nya ada satu lagi sharikat pengilang

gula yang mengusahakan penanaman tebu untuk di-proses menjadi gula tidak di-berikan apa<sup>2</sup> galakan atau bantuan dengan bentuk taraf perintis. Ini amat menghairankan saya mengapa sebab-nya pada hal sharikat yang saya sebutkan itu bernama Gula Perak ia-itu seluroh ahli<sup>2</sup> sharikat ini ia-lah terdiri daripada 12,000 orang bumiputra. Perusahaan sa-umpama ini harus di-tarafkan perintis dan galakan yang sa-luas<sup>2</sup>-nya menimbangkan bahawa:

- (1) ia-nya memajukan perusahaan tebu ia-itu bahan mentah yang di-timbulkan dalam negeri kita ini sendiri,
- (2) mengusahakan berbagai<sup>2</sup> pertanian,
- (3) menggalakkan penanaman yang di-katakan cash crop yang bertambah,
- (4) menambah bilangan peluang<sup>2</sup> pekerjaan di-kawasan luar bandar.

Sa-lain daripada itu pelaboran yang di-perlu bagi pengusaha yang sa-umpama ini memerlukan pelaboran yang lebih daripada yang di-perlukan oleh perusahaan yang mengimpot bahan<sup>2</sup> mentah. Oleh itu, pelaboran umpama ini hendak-lah di-berikan pertimbangan yang sa-tinggi<sup>2</sup>-nya bagi mendapatkan taraf perintis dan kemudahan<sup>2</sup> yang lain. Kerana saya tahu juga bahawa Gula Perak juga akan di-kenakan impot supaya di-tinggikan harga gula itu bersama dengan harga gula pasaran. Ini amat<sup>2</sup> menyedehkan pada pendapat saya. Demikian juga hal-nya dengan kompleks perusahaan kayu balak yang di-chantomkan ia-itu integrated timber industry complex yang menjadi salah satu objective Rancangan Malaysia Kedua kita patut benar di-berikan taraf perintis. Walau bagaimana pun saya mengambil peluang ini untuk memberikan tahniah dan kepujian kepada pehak Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan kerana dasar-nya yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri baharu sebentar tadi di-bawah Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-itu hendak memberikan tambahan tempoh kelepasan chukai berdasarkan bilangan pekerja<sup>2</sup> yang di-beri gaji penoh oleh satu<sup>2</sup> sharikat. Hal ini akan membawa kepada perusahaan yang menggunakan ramai pekerja<sup>2</sup> atau labour intensive industry, ia-itu bukan perusahaan<sup>2</sup> yang menggunakan banyak modal atau capital incentive industry bagaimana yang telah lalu. Sunggoh pun bagitu tidak ada galakan istimewa yang saya dapati kepada perusahaan<sup>2</sup> yang menggunakan ramai



pekerja<sup>2</sup> yang terletak di-kawasan<sup>2</sup> pembangunan. Ini patut di-pereksa oleh Kerajaan kerana ini sesuai dengan thema dan seruan<sup>2</sup> yang di-buat oleh Kerajaan terutama semenjak di-adakan session Parlimen baharu<sup>2</sup> ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan di-dalam *Malay Mail* 29hb April, hari Rabu tahun 1970 dengan jelas menyatakan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, dengan izin saya ingin memetek sedikit daripada ucapan-nya ini.

"Port Swettenham. After opening the Malaysian Shipping and Forwarding Agencies he said,—Berma'ana Enche' Mohamed Khir Johari, Menteri Perdagangan dan Perusahaan—so far the response by industrialists has been quite disappointing. For example, I would like to see more factories set up in Malacca. An action committee on incentives has been set up under the Ministry's Deputy Permanent Secretary, Enche' Nasruddin bin Mohamed, to consider appeals for additional incentives by the industrialists." Enche' Khir said he was aware of certain peculiarities in some rural areas which might warrant special incentives. Quoting example, he said,

"In certain areas where the monsoon causes a total work stoppage, industrialists may need exemption of payroll tax for that non-working period. Things like this can be considered and I hope if additional incentives are given, more industrialists will respond to the Government's call to invest in the rural areas."

Ini, Tuan Yang di-Pertua, mungkin juga Rang Undang<sup>2</sup> Pindaan di-hadapan kita ini ada-lah barangkali hasil daripada ucapan-nya itu. Tetapi apa yang saya nampak Rang Undang<sup>2</sup> ini tidak memberikan apa yang di-sebutkan oleh Menteri itu dan tidak mencherminkan hasrat yang telah di-zahirkan oleh Menteri itu di-dalam bulan April 1970 sa-tahun lalu.

Ranchangan Malaysia Kedua men-chadangkan pelaburan sa-banyak \$1,850 juta dalam bidang pengilangan atau industrialisation dan mengharapkan jumlah peluang pekerjaan daripada 270,000 pada tahun 1970 menjadi 378,000 pada hujung tahun 1975. Ini berma'ana jumlah ia-itu baki-nya selisih dua angka tadi 108,000 pekerjaan baharu yang akan timbul itu ada-lah dengan harga

atau cost pelaburan \$1,850 juta, ia-itu hetong panjang \$17,130 pada tiap<sup>2</sup> satu pekerjaan yang akan di-timbulkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua. Harga atau cost pelaburan sa-umpama ini tentu sa-kali tidak dapat di-anggap menggalakkan perusahaan yang menggunakan tenaga boroh yang banyak kerana cost pelaburan di-dalam Ranchangan Pertama hetong panjang hanya \$16,000 sahaja pada tiap<sup>2</sup> satu peluang pekerjaan yang di-timbulkan. Oleh itu nampak-nya Ranchangan Malaysia Kedua akan datang ini lebih tinggi daripada cost pelaburan di-bandingkan dengan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu.

Bagitu juga tentang Jadual Kedua itu kalau kita perhatikan. Kebanyakan daripada 61 keluaran printis ini kebanyakan-nya ia-lah daripada bahan<sup>2</sup> mentah yang di-impot di-negeri ini. Jadi galakan<sup>2</sup> nampak-nya di-beri kepada pengusaha<sup>2</sup> perindustrian yang mengimpot bahan<sup>2</sup> mentah, tetapi kurang galakan kepada pengusaha<sup>2</sup> perindustrian yang menggunakan bahan<sup>2</sup> mentah daripada bumi kita sendiri, daripada negeri kita sendiri.

Rang Undang<sup>2</sup> yang kita timbangkan ini tidak mengadakan bagi perusahaan yang menggunakan tenaga buroh juga, kerana walau pun di-sebut hendak mengadakan labour intensive industry, tetapi nampak-nya apa yang terkandung di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini yang dalam timbangan kita ini tidak merupakan itu, dan gagal mencherminkan sa-tengah daripada langkah<sup>2</sup> yang di-chadangkan dalam Ranchangan Malaysia Kedua ia-itu, Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan supaya pada masa akan datang ini saya perchaya Rang Undang<sup>2</sup> pindaan ini akan lagi dapat pindaan atau di-kemukakan pindaan<sup>2</sup> baharu supaya benar<sup>2</sup> Rang Undang<sup>2</sup> yang akan menjadi Akta Rang Undang<sup>2</sup> akan datang ini mencherminkan dan merupakan hasrat Kerajaan yang sa-benar<sup>2</sup>-nya untuk menggalakkan pengusaha<sup>2</sup> perindustrian yang menggunakan tenaga buroh yang banyak dan yang menggunakan bahan mentah daripada negeri kita ini. Terima kaseh.

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar (Tumpat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, di-samping itu izinkan saya menarek perhatian Kerajaan di-dalam satu dua perkara. Perusahaan<sup>2</sup> hotel untuk pelancongan ada-lah

satu perusahaan yang akan membawa faedah ekonomi yang besar kepada negara kita. Sa-lain daripada memperkenalkan keadaan negara kita yang sa-benar-nya kepada dunia. Di-dalam perkara menggalakkan pelaburan, saya harap Kerajaan akan bersungguh<sup>2</sup> memberi bantuan dan galakan kepada perusahaan<sup>2</sup> hotel, motel dan sa-bagai-nya untuk pelanchong yang telah ditubuhkan di-sini.

Maksud saya bukan-lah meminta Kerajaan memberi bantuan wang ringgit, kepada perusahaan<sup>2</sup> ini akan tetapi saya minta Kerajaan menyediakan kemudahan infrastructure kepada mereka<sup>2</sup> ini saperti membena jalanraya, membekalkan ayer paip dan letrik. Saya membuat rayuan ini khas-nya untuk perusahaan<sup>2</sup> pelanchongan di-Pantai Timor Malaysia Barat ini ia-itu Kelantan, Trengganu dan Pahang. Pantai Timor yang saya sebut itu bersambung dengan Pantai Timor negeri Thai. Di-pantai Timor negeri Thai itu telah ditubuhkan satu chain of tourist resort saperti di-Hua Hin, Singgora atau di-dalam bahasa Thai Songkla dan juga satu lagi tourist resort berdekatan dengan sempadan Malaysia di-Bandar Bangnara—resort<sup>2</sup> ini di-hubongi dengan jalan<sup>2</sup> raya yang sempurna dan luas oleh Kerajaan Thai, dari Bangkok hingga-lah ka-Bangnara dan terus ka-Kuala Sungai Golok dan di-namakan Kuala Takba yang menjadi sempadan di-antara Malaysia dan Thailand.

Banyak pelanchong<sup>2</sup> datang dari Bangkok menginap di-Bangnara ini berhajat hendak menyeberang Kuala Takba ini ka-Malaysia untuk pelanchongan di-Pantai Timor Malaysia dan terus ka-Kuala Lumpur, Ipoh, Penang dan balek ka-Bangkok menerusi Alor Star dan Padang Besar. Akan tetapi apabila di-beritahu bahawa ta' ada jalan raya yang sempurna dari Kuala Takba ka-Kota Bharu, Kelantan maka pelanchong<sup>2</sup> ini pun balek terus ka-Bangkok. Kejadian yang saperti ini menghilangkan potential earning kepada negara kita.

Satu lagi kejadian yang sedeh ia-lah wang ringgit kita pula di-belanjakan di-Thailand di-Pusat<sup>2</sup> Pelanchongan ini ia-itu di-Thailand berhampiran dengan sempadan

.....

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat, fasal pelanchong ini ia-lah dalam Incentive Bill, kalau hendak sampai

itu jalan pendek<sup>2</sup> sudah-lah, masa sudah sengkati. Ini ta' bersangkutan langsung dengan Incentive Bill ini.

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Ya, terima kaseh. Di-Thailand yang berham-piran dengan sempadan di-sediakan ber-jenis<sup>2</sup> hiburan saperti boxing Siam, berlaga lembu (bullfight) berlaga ayam (cock-fight) dan lain<sup>2</sup> lagi.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ada-kah Ahli Yang Berhormat hendak berchakap Incentive Bill. Ini cock-fight-kah, bull fight-kah, apa ini?

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Saya sampai sekarang ini. Dan segala<sup>2</sup> jenis hiburan yang ta' patut di-sebut di-sini. Perkara ini menarek beribu<sup>2</sup> penduduk Malaysia saperti magnet, menikmati hiburan<sup>2</sup> ini di-Thailand dan sudah tentu mem-belanjakan beribu<sup>2</sup> ringgit wang Malaysia pada tiap<sup>2</sup> minggu. Oleh kerana daya penarek di-negeri Thai ini tersangat kuat, jadi mereka itu tidak hirau jalan kochak-kachek pergi ka-Thailand itu.

Sekira-nya ada jalan raya yang sempurna menghubungkan Malaysia dan Thailand di-mana jalan-nya telah ada, maka boleh-lah kita pula menarek dan menarek the Tourist Association of Thailand yang menjadi pelanchong itu ka-Malaysia dan pehak swasta pula akan menyediakan bermacam<sup>2</sup> perubahan untuk mereka itu. Ini-lah incentive yang saya katakan Government patut menyediakan, incentive saperti mengadakan, jalan raya, menyediakan api letrik, ayer paip . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini yang Kerajaan beri itu ta' berkehendakan incentive saperti belanja berkenaan Pejabat Kerja Raya dan Pejabat Letrik Negara.

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Itu Kerajaan. Jikalau berlaku yang demikian, baharu-lah ada two way traffic memberikan keuntungan juga kepada kita. Pada masa ini hanya ada one way traffic sahaja, memberi keuntungan kepada Thailand. Maka dengan sebab itu, saya berseru-lah kepada Kerajaan lekas-lah sadikit membena sa-batang jalan raya first class di-sana supaya menarek pelanchong<sup>2</sup> itu. Ini juga incentive for the tourist to come here.

Kebanyakan pelanchong<sup>2</sup> yang datang ka-Malaysia ini hendak melihat seni dan kebudayaan Malaysia. Oleh sebab masa-nya terlampau suntok kerap kali mereka tidak dapat peluang menuntun seni kebudayaan kita itu. Jadi hampa-lah hajat mereka itu dan kita pun rugi juga kerana tidak dapat mempertunjukkan seni kebudayaan kita kepada pelanchong<sup>2</sup> ini.

Akan tetapi kita bernasib baik kerana salah sa-orang bumiputra dengan hati yang berani dan bijak-nya telah menubuhkan satu Pusat Seni Kebudayaan Malaysia di-Petaling Jaya yang di-namakan Shah Village. Di-sini pelanchong<sup>2</sup> di-dalam masa hanya 2 atau 3 jam sahaja boleh menekmati seni kebudayaan Malaysia dengan chukup lengkap dan dengan chara yang sangat menarik sehingga Malaysia Village itu pun di-sedut dengan bahan<sup>2</sup> yang terdapat di-dalam Malaysia.

Reaksi pelanchong<sup>2</sup> terhadap Malaysia Village ini sangat-lah menggembirakan.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya berpendapat perusahaan pelanchongan yang sebagai ini-lah yang patut mendapat perhatian dan galakan serta sokongan daripada Kerajaan. Yang perlu-nya ia-lah memberi tiga jenis galakan kepada mereka ini. Pertama, ia-lah pehak Jabatan Pelanchong mengambil initiative bekerjasama dengan perusahaan<sup>2</sup> ini menyebarkan risalat<sup>2</sup> dan lain<sup>2</sup> chara publisiti kepada dunia pelanchong.

Yang kedua, bantuan yang boleh di-buat ia-lah bagi pehak Kerajaan menggalakkan delegates of international conferences menginap di-Village itu supaya mereka itu dapat . . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Ahli Yang Berhormat ada pecuniary interest-kah dalam Village ini?

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Tidak ada.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Kalau tidak ada boleh teruskan, tetapi pendekkanlah ucapan. Ini ta' bersangkutan langsung. Saya chukup sabar-dah.

**Dato' Dr Haji Abdul Aziz bin Omar:** Sadikit lagi sahaja. Mencheritakan hal seni kebudayaan-nya kepada negeri masing<sup>2</sup>.

Yang ketiga, memberi kemudahan<sup>2</sup> supaya mendapat tanah untuk bangunan seperti ini dan kelepasan chukai pendapatan yang menasabah. Sa-kian-lah. Terima kaseh.

**Tuan Walter Loh Poh Kham (Setapak):** (Dengan izin). Mr Speaker, Sir, I read with great interest and concern over this Bill. On the one hand, it is a must for a country to be industrialised, and I mention, in particular, our country. With the falling trend in rubber price and gradual extinction of tin which are our main source of income, we must find ways and means to gradually replace these two commodities, and the only alternative is to turn to industry. Now, to industrialise our country is not so easy as it seems. We have to look into many factors, such as, how to attract foreign investors, the type of industries and products to be manufactured, the type of manpower we have, the selling price of the products, the local resources of raw materials and tax incentives. Now, how to attract foreign investors? Firstly, our country's economy must be stable in order to attract foreign investors. At the rate we are going, that is to say, we are lavishly spending money on unnecessary project schemes, particularly investing monies into public and private companies, though it was explained that the investment in these companies are for the benefit of the people, I think this is wrong. There are many ways the Government could help the people, for example, to form fund boards. However, there are complications in having fund boards, but these complications can be overcome if the Government is sincere in truly helping the people, particularly the Malays in the rural areas. If the Government continues to participate by investing in public and private companies, to the eyes of the foreign investors, it is a form of indirect nationalisation of industry.

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** We have already debated Government participation in some other Bill, the other day. You are going away from this particular Bill under consideration, Honourable Member. Please confine yourself to this Bill.

**Tuan Loh Poh Kham:** The type of manpower we have. We must make sure that we allow the investors to have a complete free hand to employ the type of persons they want and not dictate to them the type of

persons they should employ because one of the primary cost of goods is wages and salaries which normally accounts for one-third of the total cost of goods. The selling price is also important. We must ensure that the selling price of locally manufactured goods should not be more than the price we are paying for imported goods. I do not see why it should cost more. As explained by the Honourable Minister of Labour, our labour cost is relatively lower than many countries, particularly Western countries. Therefore, the cost of locally manufactured goods must be lower and cannot be higher, and yet every item of locally manufactured goods costs more. Why? I do not understand. Though on the one hand, you may say that it does not matter as long as we could get more of our unemployed employed. We are satisfied. But have you weighed the pros and cons objectively? Don't you realise that the higher cost of goods has a repercussion on our economy, that is to say, more money is needed for the people to purchase the same article as before and it goes round like a spiral which will correspondingly affect the other cost factor whether it is for services or other goods not previously affected before the increase of locally manufactured goods. As a result, inflation of currency, that is to say, more money is needed in the market. Limitation in the supply of money is the necessary condition if it is to have value. . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** If the Honourable Member goes in this way I will have to ask him to discontinue his speech. What you are speaking now has nothing to do with this Bill.

**Tuan Loh Poh Khan:** Yes, I have to say how it affects. If the goods go up in price, if you don't. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** No, here the debate in the Second Reading is to discuss the merits or demerits of the objects of the Bill.

**Tuan Loh Poh Khan:** Yes, Sir, but I must say the demerits; if the manufactured goods cost more, there will be demerits. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** If you say you are not agreeing and not going to support this particular incentive as stated

here, you just say straightaway and not waste the time of the House by coming through the roundabout way.

**Tuan Loh Poh Khan:** Yes, Sir. If our currency is unlimited in amount as to become practically a free good, our people will have so much of it to spend as to bid up all prices, wages and income sky-high. That is why we must control the price of locally manufactured goods.

Local resources for raw materials. We must insist on local raw materials being used where possible. If there is no local raw materials, encourage local companies to set up factories to produce such raw materials, thereby not only helping to improve our balance of payments but more employment will be created through these industries.

Tax incentives must be only given to industries not only employing certain number of employees but selling price and cost price factors must be also taken into account when granting such incentives. Thank you, Sir.

**Tuan Haji Abdul Wabab bin Yunus (Dungan):** Dato' Yang di-Pertua, saya ingin berchakap sedikit berkenaan dengan Rang Undang-undang<sup>2</sup>. . . . .

**Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:** Pendek<sup>2</sup> sudah-lah Yang Berhormat, masa sudah singkat. Ada banyak lagi Bill.

**Tuan Haji Abdul Wabab bin Yunus:** Ya, saya akan berchakap paling sedikit sa-kali.

Dato' Yang di-Pertua, saya ingin mengingatkan Menteri yang berkenaan tentang Akta Galakan Pelaburan ini di-jalankan.

Saya nampak ini satu undang<sup>2</sup> yang akan menggalakkan sharikat<sup>2</sup> membuat perusahaan<sup>2</sup> di-negeri kita. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan bahawa sa-sunggoh-nya chara seperti ini, dari sudut untuk membanyakkan barang<sup>2</sup> keluaran negara kita ada-lah baik, tetapi dari sudut kaum<sup>2</sup> yang mempunyai modal membuka perusahaan<sup>2</sup>-nya dengan chara yang tidak betul pun boleh jadi juga, sebab saya ingin mengambil perhatian ia-lah bagini:

Dengan ada-nya galakkan pelaburan yang lebeh luas di-beri ini ada kemungkinan kejadian di-mana satu company

akan membuat satu usaha untuk memperbaharui usaha yang telah di-jalankan oleh mereka sa-lama ini, tetapi dengan bentuk<sup>2</sup> baharu dan di-buat permohonan kepada pehak Menteri yang berkenaan supaya mereka ini di-masokkan di-bawah sekshen ini dan dia akan lepas-lah daripada membayar cukai dan sa-bagai-nya dan akan mendapatkan kemudahan<sup>2</sup> mengikut peruntokan<sup>2</sup> seperti ini. Saya harap Menteri yang berkenaan supaya mengawasi hal ini agar tidak timbul masalaah satu company membuat, satu perkara yang telah ada kita keluarkan dan akan di-buat oleh sharikat yang lain pula dengan satu helah untuk melepaskan daripada pembayaran cukai.

Kemudian yang kedua, saya ingin menyebutkan juga ia-lah sa-baik<sup>2</sup>-nya untuk kita memberi pelepasan cukai ini sa-baik<sup>2</sup>-nya sharikat<sup>2</sup> ini patut-lah berkongsi dengan pehak<sup>2</sup> perbadanan Kerajaan seperti PERNAS yang kita telah peruntokkan begitu banyak wang dan ranchangan kita dengan sa-chara yang baik mengawal Ranchangan Malaysia Kedua kita. Jadi sa-baik<sup>2</sup>-nya PERNAS mesti ambil bahagian, sa-bahagian-nya di-dalam sharikat itu yang mendapat keistimewaan seperti ini. Jika tidak, maka mungkin sharikat<sup>2</sup> seperti itu hanya dia akan hidup dan PERNAS akan mati, demikian juga MARA dan lain<sup>2</sup>-nya. Jadi saya harap sa-baik<sup>2</sup>-nya kita buat-lah sa-chara berkongsi dengan PERNAS atau pun perbadanan<sup>2</sup> Kerajaan.

Yang Kedua, saya juga ingin menyebut lagi ia-lah tentang masalaah harga<sup>2</sup>. Selalu-nya barang<sup>2</sup> ini kalau kita buat di-tempat kita harga makin bertambah mahal. Ini saya pun khuatir juga kerana kadang<sup>2</sup> saya berasa hairan tatkala barang ini kita beli daripada luar negeri harga-nya murah, tetapi apakala barang seperti itu di-buat dalam negeri, harga-nya makin naik mahal. Jadi, saya harap Menteri kita yang baik dan bijaksana supaya awasi hal ini, sebab kapada kaum modal ia-lah dia membuat satu barang dengan tujuan untuk mendapat untung, tetapi kita mesti jaga juga kapada ra'ayat yang membeli barang<sup>2</sup> itu untuk mendapat kesenangan mereka. Kalau harga barang yang kita buat dalam negeri ini mahal untuk ambil barang<sup>2</sup> di-luar negeri tidak boleh, jadi ra'ayat mesti dan terpaksa membeli barang<sup>2</sup> dengan harga yang mahal. Jadi kalau Menteri kita ta' jaga nanti orang akan marah kapada Menteri kita, dan saya

pun ta' mahu-lah Menteri kita kena marah. Jadi itu sahaja-lah, Tuan Yang di-Pertua. Sekian, terima kaseh.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, sa-belum Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan memberi jawapan, saya suka memberi dua jawapan yang di-bangkitkan, yang pertama oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam mengenai perusahaan kayu balak dalam negeri ini. Beliau telah menyentoh dua perkara. Yang pertama kayu<sup>2</sup> balak (log) masah di-jual ka-luar negeri. Dan yang kedua tentang eksport kayu balak ka-Singapura.

Tuan Yang di-Pertua, memang-lah menjadi dasar Kerajaan supaya sa-banyak<sup>2</sup> yang boleh kayu<sup>2</sup> dalam negeri ini di-proses di-dalam negeri kita sendiri supaya memberikan peluang pekerjaan yang lebeh ramai kapada ra'ayat negeri ini, tetapi malang-nya ada dua perkara yang sukar hendak di-atasi.

Yang Pertama sa-kali negeri<sup>2</sup> yang membeli kayu daripada negeri kita banyak di-antara-nya lebeh suka membeli kayu balak (log) daripada kayu yang telah di-proses atau sawn timbers dan kita perlu juga ingat bahawa bukan-lah negeri kita, Malaysia sahaja yang ada mengeluarkan kayu balak bahkan banyak negeri<sup>2</sup> lain yang mengeluarkan kayu lebeh banyak lagi daripada negara kita dan kita tidak sa-harus-nya menutup pasaran penjualan kayu balak ini. Kalau kita berbuat seperti itu neschaya banyak kerugian yang akan di-tanggung oleh Kerajaan dan juga oleh pembalak<sup>2</sup> di-negeri ini.

Dan yang kedua berkenaan dengan eksport kayu balak ka-Singapura ada-lah juga di-katakan export duties seperti juga kita eksport kayu balak ka-negeri<sup>2</sup> lain daripada Pulau Singapura. Chuma perbezaan-nya eksport kayu balak ka-Singapura tidak berkehendakkan permit sedangkan eksport kayu balak ka-negeri lain berkehendakkan permit kerana ada-nya quota. Di-sini pun kena-lah kita timbang dengan halus dan oleh kerana perkara ini rumit Kerajaan telah pun menu-buhkan sa-buah Jawatan-kuasa untuk mengkaji dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya perkara ini. Sa-benar-nya tuan<sup>2</sup> punya kilang kayu dalam negeri ini bersungut mengatakan tidak chukop kayu sedangkan kayu balak di-benarkan jual ka-luar negeri. Ini ada-lah di-sebabkan pertelingkahan harga kayu<sup>2</sup> itu

yang di-jual dalam negeri dengan harga yang di-jual di-luar negeri. Pada masa ini sukar di-dapati kerjasama yang baik di-antara pengeluar<sup>2</sup> kayu balak dengan pengilang<sup>2</sup> dalam soal menentukan harga. Oleh kerana pasaran ini terbuka, maka pengilang<sup>2</sup> itu jika dapat menawarkan harga yang lebih baik, ta' dapat tidak pembalak<sup>2</sup> akan menjualkan kayu mereka lebih banyak kepada kilang<sup>2</sup> dalam negeri ini sendiri. Dan Kerajaan Negeri juga sedar akan hal ini, dan satu dasar baharu telah di-buat, ia-itu mereka<sup>2</sup> yang di-berikan kawasan kayu balak hendak-lah mendirikan kilang<sup>2</sup> kayu-nya di-kawasan tersebut. Dan nampak-nya peratoran itu sangat-lah molek-nya, tetapi bagi pehak pembalak<sup>2</sup> daripada kawasan kecil yang telah di-berikan lesen dahulu daripada dasar ini di-ujudkan tentu-lah ta' dapat di-paksa mendirikan kilang<sup>2</sup> tersebut.

Kebanyakan kilang<sup>2</sup> yang terdiri di-Malaysia pada hari ini di-punyai oleh mereka<sup>2</sup> kaum pemodal sedangkan pembalak<sup>2</sup> kecil tidak mampu hendak mengadakan kilang<sup>2</sup> untuk memproses kayu<sup>2</sup> yang di-keluarkan itu. Dan di-sini MARA suka mengambil bahagian untuk mengkaji chara bagaimana supaya pembalak kecil di-negeri kita yang tidak mampu mengadakan kilang-nya dapat di-bantu untuk mendirikan kilang<sup>2</sup> dan jika telah maju boleh di-serahkan kepada mereka itu.

Sekian-lah sa-takat kedudukan pengeluaran kayu balak dalam negeri kita yang di-sentuh oleh sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam.

Dan satu lagi ia-lah Ahli dari Setapak tentang ucapan-nya yang mengatakan perbuatan Kerajaan atau langkah Kerajaan menanam modal bersama<sup>2</sup> dengan ra'ayat negeri ini dalam ranchangan pembangunan perindustrian di-luar bandar boleh mengelirukan pemodal<sup>2</sup> dari luar negeri yang mengatakan bahawa ini satu langkah hendak menjadikan milek negara perusahaan di-negeri ini. Saya suka menegaskan sa-kali lagi bahawa Kerajaan tidak ada niat hendak menjadikan milek negara perusahaan<sup>2</sup> yang ada sekarang, kerana negara kita maseh lagi berkehendakkan modal daripada luar negeri. Tujuan Kerajaan menanam modal di-dalam perindustrian di-luar bandar ia-lah sa-bagai satu insentif hendak menggalakkan pemodal<sup>2</sup> menanamkan modal di-luar bandar sesuai atau sa-laras dengan dasar ekonomi baharu

Kerajaan. Di-sini saya tidak faham pendirian politik DAP yang mengaku diri-nya sa-bagai parti sosialis yang menganut fahaman socialism, tetapi dalam ucapan<sup>2</sup> mereka itu menentang menjadikan harta benda ra'ayat asing sa-bagai milek negara di-negeri ini. Saya tidak tahu apa-kah socialism yang di-anut oleh parti ini. Walau pun saya sedar socialism ini banyak pengertian-nya, tetapi ra'ayat negeri ini belum lagi faham socialism yang mana yang di-jalankan oleh DAP ini. Ada-kah socialism hendak menjadikan milek negara harta orang luar di-negeri ini, atau pun socialism chara lain. Saya rasa berhak sa-bagai ra'ayat negeri ini mendapat tahu dan saya sa-patut-nya tidak suka hendak menyentuh perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kerana barangkali terkeluar sedikit daripada Bill yang di-bahathkan, tetapi oleh kerana perkara ini telah di-bangkitkan dan jika tidak di-jawab ra'ayat negeri ini berada di-dalam kebingungan tidak mengetahui pendirian parti itu yang sa-benar<sup>2</sup>-nya. Terima kasih.

**Tuan Mohamed Khir Johari:** Tuan Yang di-Pertua, saya terlebih dahulu suka mengucapkan terima kasih di-atas sokongan<sup>2</sup> terhadap Bill ini. Saya tidak mengambil masa yang panjang untuk menjawabkan segala hujjah<sup>2</sup> yang telah di-keluarkan tadi dan saya mengambilkan perkara<sup>2</sup> yang penting sahaja, ia-itu pertama sa-kali berkenaan dengan perasaan was<sup>2</sup> yang telah di-terbitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam tadi yang mengatakan barangkali galakan yang kita berikan kepada perusahaan untuk pergi ka-kawasan<sup>2</sup> pembangunan barangkali tidak chukop dan sa-kira-nya tidak chukop harus-lah Kerajaan memikirkan apa-kah lagi galakan<sup>2</sup> yang harus di-beri kepada mereka itu untuk membawa perusahaan<sup>2</sup> ka-kawasan<sup>2</sup> yang terpencil.

Perkara ini saperti mana saya terangkan dalam ucapan saya tadi ada-lah selalu di-ulang-kaji oleh Jawatan-kuasa Khas dari satu masa ka-satu masa dan sa-kira-nya Kerajaan dapati mana<sup>2</sup> peluang yang patut kita bukakan lagi untuk menggalakkan perusahaan<sup>2</sup> itu pergi ka-tempat<sup>2</sup> yang sedang membangun atau pun yang kurang maju, maka Jawatan-kuasa itu akan membuat shor<sup>2</sup>-nya kepada Kerajaan dan saya boleh mengaku di-sini bahawa pehak saya sendiri akan menyokong apa juga usaha untuk menjayakan ranchangan atau pun matlamat yang penting ini.

Bagi menjawab suatu soalan lagi berkenaan dengan Gula Perak yang menhadang hendak mengadakan kilang menanam tebu, saya suka menerangkan ia-itu sungguh pun kita tidak memberi taraf perintis kepada tanaman tebu itu tetapi pihak Kerajaan kita telah pun memberi tahu kepada Sharikat Gula Perak, bahawa Kerajaan kita sanggup memberi ITC dan ITC ini ia-lah lebeb kurang sama juga dengan taraf perintis yang kita berikan dan bukan sahaja kepada Sharikat Gula Perak bahkan juga kepada sharikat<sup>2</sup> yang menanam tebu di-Perlis, di-Kedah, di-Jobor dan barangkali juga di-Negri Sembilan, mereka itu juga mendapat layanan yang sama. Jadi tidak boleh-lah kita mengatakan bahawa kita membuat berbezaan di-antara satu dengan lain.

Taraf perintis yang kita berikan itu ia-lah untuk menapis gula. Sa-kira-nya pihak Sharikat Gula Perak itu akan menjalankan perusahaan menapis gula maka sharikat itu juga akan mendapat taraf perintis berkenaan dengan perkara ini.

Berkenaan dengan tegoran atau shor<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat dari Tumpat ia-itu untuk Kerajaan memberi infrastruktur yang lebeb, kemudahan<sup>2</sup> yang lebeb untuk menggalakkan perlancongan daripada Thailand datang ka-Malaysia, bukan sa-balek-nya, bukan saperti sekarang ini ia-itu sa-chara one way street sahaja—daripada Malaysia pergi ka-Thailand. Saya katakan di-sini bahawa sa-kira-nya saya bebas mengontrol Rantau Panjang itu barangkali saya boleh daya untuk membuat begitu. Sekarang ini kontrol Rantau Panjang di-bawah Kerajaan Negeri PAS di-Kelantan dan saya tidak ada kuasa untuk membuat apa<sup>2</sup> yang boleh menarik pelancong daripada Thailand itu datang ka-negeri kita.

(Dengan izin) With regard to the points raised by the Honourable Member for Setapak, I would like to tell him that although we have these Government Corporations participating in industries right now, these Government Corporations will only go in where the private sector hesitates to go. For example, we find from experience that the private sector is rather shy of going into the rural areas or into the less developed areas. It is there that the Government Finance Corporation will have to pave the way for the private sector to come in at a later stage. I can assure the Honourable Member that it is

not the intention of the Government to compete with the private sector in the matter of industrialisation.

With regard to the cost of locally made goods, I can also assure him that my Ministry takes particular care in listening to appeals for increases of prices of manufactured goods, and it is only when they can convince us that they have got justification for an increase that the Government will accede to their request.

With regard to the use of local raw materials, I would like to also tell him that it has been the policy and it will continue to be the policy of my Ministry to try to encourage all industries to use as much local raw materials as possible. In fact, in answer also to the Honourable Member for Muar Dalam, I would like to tell him that most of the things that he has mentioned in his speech are being utilised in the country and very soon so many products will be manufactured here and will also be exported overseas, which are made of local raw materials.

Penghabisan sa-kali berkenaan dengan tegoran daripada Yang Berhormat dari Dungun berkenaan dengan galakan supaya PERNAS harus mengambil bahagian yang lebeb dalam perusahaan. Ini memang-lah menjadi dasar Kementerian saya dan sa-berapa yang boleh kita chuba membawa MARA masa dahulu dan sekarang ini PERNAS untuk mengambil bahagian dalam mana<sup>2</sup> perusahaan yang kita fikir akan membawa keuntungan pada negara kita.

Penghabisan sa-kali berkenaan dengan harga<sup>2</sup> barang. Wajib-lah Yang Berhormat itu faham ia-itu banyak lagi barang<sup>2</sup> kita bergantung kepada barang<sup>2</sup> mentah untuk di-manufacture di-sini. ad dengan sebab itu harga barang<sup>2</sup> itu bergantung kepada harga barang<sup>2</sup> mentah yang di-bawa masuk ka-negara kita. Dalam pada itu pun saperti mana yang saya terangkan tadi juga ia-itu tiap<sup>2</sup> satu barang yang hendak di-naikkan harga-nya mesti-lah mendapat kelulusan daripada Kementerian ia-itu barang<sup>2</sup> yang mendapat taraf perintis. Kalau yang tidak dapat taraf perintis itu susah sedikit kita hendak kontrol, kerana itu terkeluar daripada Undang<sup>2</sup> yang di-bawah jagaan saya. Tetapi walau bagaimana pun saya suka menerangkan kan di-sini dengan kita menggalakkan export barang<sup>2</sup> daripada buatan kita. kita

harap dengan itu dapat menurunkan harga barang<sup>2</sup> tempatan kita. Sekian-lah saya ucapkan terima kasih.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*).

*Fasal 1 hingga 8* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual Pertama dan Kedua* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> KEMAJUAN TANAH (PINDAAN)**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan supaya Akta bagi meminda Ordinan Kemajuan Tanah, 1956 di-bacha kali yang kedua.

Tujuan Rang Undang<sup>2</sup> Kemajuan Tanah (Pindaan), 1971 ini ia-lah untuk meminda Undang<sup>2</sup> Bilangan 20 Tahun 1956, The Land Development Ordinance, 1956 untuk membolehkan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar melantek sa-orang Pengerusi Sementara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan apabila Pengerusi yang tetap tidak dapat menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya kerana sa-satu sebab.

Di-bawah Sekshen 15 (3) Undang<sup>2</sup> Bilangan 20 Tahun 1956 Menteri yang berkenaan ada-lah di-beri kuasa untuk melantek Pengerusi Sementara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan di-atas dua sebab sahaja, ia-itu yang pertama jika Pengerusi Tetap itu uzor dan yang kedua jika Pengerusi Tetap itu berada di-luar negeri kerana tugas<sup>2</sup> lain. Kuasa<sup>2</sup> yang terkandung di-bawah Sekshen

ini di-dapati tidak menchukupi untuk membolehkan Menteri yang berkenaan melantek sa-orang Pengerusi Sementara apabila Pengerusi Tetap itu tidak dapat menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya kerana sebab<sup>2</sup> yang lain daripada dua sebab yang tersebut di-atas. Keadaan ini telah timbul baharu<sup>2</sup> ini apabila Pengerusi Tetap yang ada sekarang mengambil chuti panjang sa-belum bersara. Oleh yang demikian ada-lah mustahak supaya Sekshen 15 (3) Undang<sup>2</sup> Bilangan 20 Tahun 1956, The Land Development Ordinance, 1956 itu di-pinda untuk membolehkan Menteri yang berkenaan melantek Pengerusi Sementara Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan atas apa jua sebab sa-lain daripada sebab<sup>2</sup> yang di-tetapkan di-bawah Sekshen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatn-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*).

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## **RANG UNDANG<sup>2</sup> (MEMPERBADANKAN) (PINDAAN) LEMBAGA PEMULEHAN DAN PENYATUAN TANAH NEGARA**

### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menchadangkan suatu Akta bagi meminda Akta Memperbadankan Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara, 1956 di-bacha kali yang kedua.



Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ranchangan pembukaan tanah menjadi usaha yang terbesar dalam Ranchangan Lima Tahun Kedua ini, maka Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar yang di-pertanggung-jawabkan bagi melaksanakan ranchangan tersebut mesti-lah di-perkemaskan dan di-pergiatkan lagi.

Lebih kurang 1/7 daripada jumlah anggaran perbelanjaan pembangunan Ranchangan Lima Tahun Kedua ada-lah untuk pembukaan tanah<sup>2</sup> baru. L.K.T.P. akan meneruskan usaha-nya seperti yang ada sekarang dengan membuat pertimbangan baharu bagi menjayakan lagi ranchangan<sup>2</sup> yang akan datang:

- (1) Berikhtiar menchari jalan supaya perbelanjaan pembukaan tanah dapat di-murahkan lagi.
- (2) Menimbangkan peratoran<sup>2</sup> baru bagi mengutip balek hutang<sup>2</sup> daripada peserta<sup>2</sup>.
- (3) Mengadakan ranchangan<sup>2</sup> bagi menolong anak<sup>2</sup> peserta bagi mendapatkan tanah<sup>2</sup> baru di-tempat lain, memberi latihan dalam bidang pertanian dan perindustrian di-luar atau di-dalam ranchangan itu sendiri.

Pengalaman<sup>2</sup> yang telah di-tempoh sa-lama 10 tahun yang lalu ada-lah di-harapkan akan menjadi pengajaran bagi ranchangan kemajuan L.K.T.P. akan datang.

L.P.P.T.N., Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Negara walau pun baru berumur sa-tahun jagong tetapi telah banyak menunjukkan kejayaan-nya apabila badan tersebut telah dapat membaiki dan memulihkan beberapa ranchangan tanah pinggir yang telah di-serahkan oleh Kerajaan Negeri kepada-nya.

Sa-lain daripada memulihkan ranchangan<sup>2</sup> tanah pinggir Badan ini juga berusaha membuka tanah<sup>2</sup> baru. Sa-buah ranchangan tanah sa-luas 3,000 ekar sedang di-usahakan di-negeri Pahang untuk menempatkan orang<sup>2</sup> Asli di-negeri itu. Ranchangan tanah untuk orang<sup>2</sup> Asli itu ada-lah satu projek printis dan jika berjaya L.P.P.T.N. akan membuka lebih banyak lagi tanah seperti itu di-mana orang<sup>2</sup> Asli akan dapat di-bawa hidup bersama<sup>2</sup> dalam sektor moden.

Pembukaan sa-bidang tanah untuk menanam padi sa-luas 4,000 ekar di-Trans Perak telah pun di-mulakan dengan satu

sistem baru di-mana peserta<sup>2</sup> akan di-pimpin menjayakan ranchangan tanah itu dengan chara koperatif. Ini-lah ranchangan tanah yang pertama chara besar<sup>2</sup>an di-kerjakan dengan chara kolektif daripada peringkat menanam sa-hingga kepada pasaran-nya. Ada-lah di-harapkan kejayaan ranchangan seperti ini akan menjadi pelupor untuk di-ikuti oleh petani<sup>2</sup> yang lain di-negeri ini.

Pembukaan tanah<sup>2</sup> pinggir dan juga pembukaan tanah untuk belia ada-lah juga di-pertanggung-jawabkan kepada L.P.P.T.N. Memandangkan kepada bertambah-nya tanggung-jawab Lembaga ini maka mustahak-lah Lembaga itu di-perkemaskan, di-perbesar dan di-perkuatkan lagi.

Bagi menyesuaikan Lembaga ini dengan tugas-nya yang baharu, beberapa pindaan<sup>2</sup> terpaksa di-adakan dan pindaan<sup>2</sup> tersebut ada-lah:

- (i) Sa-orang pegawai kanan akan di-lantek sa-bagai Ketua Pengarah Lembaga yang bertanggung-jawab menjalankan segala butiran<sup>2</sup> pentadbiran sa-hari<sup>2</sup>;
- (ii) Memberi kuasa kepada Menteri berkenaan melantek sa-orang Pengerusi Sementara apabila Pengerusi Tetap Lembaga ini tiada dapat menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya kerana keudzoran dan sebab<sup>2</sup> yang lain; dan
- (iii) Memberi satu kuasa baharu kepada Lembaga ini supaya Lembaga ini boleh menjalankan apa<sup>2</sup> ranchangan tanah yang di-tugaskan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan<sup>2</sup> ini ada-lah sangat perlu supaya dapat Lembaga ini memainkan peranan-nya lebih tegas dan berkesan lagi untuk memberi peluang kepada mereka<sup>2</sup> yang berkehendakkan tanah dan kepada belia<sup>2</sup> yang mempunyai keinginan untuk mengambil peranan dalam pembangunan tanah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*).

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> SUROHANJAYA PELABOHAN PULAU PINANG (PINDAAN)

### Bachan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama Akta Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang (Pindaan), 1971 di-bacha bagi kali yang kedua.

Saperti mana yang di-nyatakan di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> tersebut, Undang<sup>2</sup> ini telah pun sekarang berkuat-kuasa sa-bagai Peratoran<sup>2</sup> Perlu (Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang), 1969 di-buat oleh Pengarah Gerakan di-bawah Sekshen 2 Ordinan No. 1 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1969. Tujuan sekarang ini ia-lah supaya Peratoran Perlu itu di-masokkan ka-dalam suatu Undang<sup>2</sup> yang kekal.

Rang Undang<sup>2</sup> ini mengandongi pindaan kepada Ordinan Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang, 1955 bagi maksud menambah ahli<sup>2</sup> yang boleh di-lantek oleh Menteri daripada tujuh kepada sembilan orang kerana ada-lah di-fikirkan perlu bagi pegawai<sup>2</sup> kanan Kerajaan mewakili Kementerian dan Jabatan yang berkenaan di-wakili di-dalam Surohanjaya ini supaya ada koordinasi yang rapat di-antara dasar Kerajaan dengan Surohanjaya ini serta juga membolehkan

segala masalaah yang berlaku di-ketahui dengan segera dan tindakan yang sewajarnya di-ambil.

Saya mohon supaya Undang<sup>2</sup> ini di-persetujui oleh Dewan.

Tuan Yang di-Pertua, saya pohon menchadangkan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong pindaan ini yang menambah dua orang lagi, sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat Menteri ia-itu akan di-wakili oleh Pegawai<sup>2</sup> Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, urusan Pelabohan Pulau Pinang ini atau Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ini boleh di-katakan 80% di-sabelah Butterworth---di-adakan feri, perkhidmatan feri, Dermaga Ayer Dalam, dockyard, gudang dan lain<sup>2</sup>-nya. Tetapi tidak ada sa-orang pun orang yang layak, yang di-pilih untuk menduduki dalam Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ini. Saya berharap Yang Berhormat Menteri akan melantek beberapa orang yang di-fikirkan layak menduduki dalam Surohanjaya Pelabohan ini daripada Butterworth atau pun Seberang Prai kerana kebanyakan daripada perkhidmatan atau pun urusan<sup>2</sup> kerja ada-lah di-sabelah Butterworth. Inilah sahaja permohonan saya dan saya berharap Ahli Yang Berhormat akan memberi pertimbangan di-atas shor dan pandangan saya itu.

Yang kedua, saya berharap supaya sa-orang yang di-pilih atau di-lantek berkhidmat sa-bagai ahli Surohanjaya ini mestilah di-tetapkan tidak lebeh daripada tiga tahun. Jikalau terlampau lama sangat, barangkali ada juga di-antara mereka yang mempunyai "pecuniary interest". Jadi dengan "pecuniary interest" ini ma'alum sahaja-lah ada kontrek, ada perbekalan dan dengan ini akan merosakkan pentadbiran Surohanjaya Pelabohan Pulau Pinang ini. Sekian sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak terima kaseh atas ucapan dan sokongan

yang telah di-beri oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara dan chadangan Yang Berhormat itu supaya satu wakil daripada Seberang Prai akan di-lantek. Kementerian saya akan mengambil perbatian dan akan dipertimbangkan nanti bila ada kekosongan atau pun abli<sup>2</sup> yang pada waktu ini sudah tamat perkhidmatan mereka.

Berkenaan dengan perlantekan tiga tahun ini, ini juga Kementerian saya akan teliti, jika di-fikirkan terlampau lama, ini juga akan di-timbangkan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> LALU-LINTAS JALAN (PINDAAN) (No. 2)

*Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan Bill (Pindaan) Undang<sup>2</sup> Lalu Lintas, 1971 bagi bachaan kali kedua.

Tujuan pindaan<sup>2</sup> ini ada-lah nyata daripada huraian<sup>2</sup> yang di-beri di-dalam Bill tersebut. Walau bagaimana pun, suka saya mengambil peluang ini untuk memberi sadikit penerangan di-atas perubahan<sup>2</sup> yang akan timbul.

Bill ini akan membawa beberapa perubahan<sup>2</sup> besar di-dalam sistem pengangkutan jalan yang ada sekarang. Di-antara perubaban<sup>2</sup> tersebut ia-lah:

(i) Bagi menyenangkan peniaga<sup>2</sup> dan pe-kedai<sup>2</sup> kecil yang memerlukan lori<sup>2</sup> kecil yang berat dengan muatan tidak melebihi

daripada 50 cwt mendapatkan lesen<sup>2</sup> bagi membawa barang<sup>2</sup> sendiri dengan mudah. Langkah ini ada-lah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memberi peluang yang lebih banyak kepada golongan ra'ayat yang berpendapatan kecil bagi berusaha meninggikan pendapatan mereka. Sistem baru ini akan mengurangkan "red tape", ia-itu mereka<sup>2</sup> ini tidak payah memohon carrier's licence. Sunggoh pun "red tape" ini di-kurangkan Kerajaan tidak pula akan meng-nepikan kepentingan keselamatan jalan raya dan semua lori<sup>2</sup> demikian terpaksa juga di-pereksa dahulu dari segi keselamatan sa-belum di-luluskan.

(ii) Perubahan kedua ia-lah bagi melong-garkan syarat<sup>2</sup> yang ketat yang di-kenakan kepada kebanyakan lori<sup>2</sup> yang ada sekarang. Pada masa sekarang perjalanan dan barang<sup>2</sup> yang boleh di-angkut oleh lori<sup>2</sup> ada-lah di-hadkan. Kerajaan bercadang melonggar-kan syarat<sup>2</sup> ini dengan tujuan mengurang-kan perengkat<sup>2</sup> punggah-memunggah dan membuat perusabaan pengangkutan jalan sa-bagai satu perusabaan yang lebih "viable".

(iii) Bill ini juga bertujuan memperim-bangkan penyertaan orang<sup>2</sup> Melayu dalam bidang perusahaan pengangkutan jalan.

(iv) Sa-lain daripada perubahan<sup>2</sup> tersebut tadi pindaan juga di-buat untuk memansoh-kan lesen<sup>2</sup> "B" dan konteret "A".

Untuk melaksanakan perubahan<sup>2</sup> tersebut chara<sup>2</sup> perjalanan Lembaga Pelesenan Pengangkutan Jalan yang ada pada masa sekarang ini terpaksa di-rombak dan di-bentuk sa-mula sa-bagai suatu "Administrative Board" dan bukan lagi sa-bagai suatu "Quasi-Judicial Board".

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan ini dan suka menambahkan kenyataan yang penting juga di-atas akibat Pindaan Undang<sup>2</sup> ini.

Usaha Kerajaan, Tuan Yang di-Pertua, hendak memberi peluang kepada orang<sup>2</sup> Melayu supaya memileki teksi yang sama banyak bilangan-nya dengan teksi kepunyaan sahabat<sup>2</sup> kita yang bukan Melayu yang telah di-jalankan semenjak 20 tahun yang lalu

boleh di-katakan telah mencapai matlamat-nya tetapi tidak demikian hal-nya dengan perusahaan pengangkutan yang lain seperti bus dan juga lori.

Keadaan yang tidak saimbang ini mesti di-perbaiki dengan segera sesuai dengan kehendak<sup>2</sup> yang terkandung dalam Rancangan Lima Tahun Kedua dan juga mengikut semangat Rukunegara.

Kerajaan ada-lah menjamin tidak akan mengambil hak<sup>2</sup> yang di-mileki oleh orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu sekarang ini. Untuk menolong orang<sup>2</sup> Melayu supaya memileki lori<sup>2</sup> saimbang dengan orang<sup>2</sup> yang bukan Melayu maka hanya ada satu sahaja jalan yang boleh di-buat ia-itu menambahkan lagi pengeluaran lesen pengangkutan lori kepada orang<sup>2</sup> Melayu dan lain<sup>2</sup> bumiputra. Tetapi dengan membanyakkan lesen semata<sup>2</sup> walau berapa banyak sa-kali pun kepada orang Melayu dan lain<sup>2</sup> bumiputra tidak akan dapat menyelesaikan masalah kelemahan orang<sup>2</sup> Melayu ini kerana orang<sup>2</sup> Melayu dan lain<sup>2</sup> bumiputra yang mendapat lesen<sup>2</sup> lori itu tidak akan dapat menjalankan perniagaan-nya jika tidak ada barang<sup>2</sup> yang hendak di-angkut-nya. Ini ia-lah di-sebabkan terlalu sedikit jumlah orang<sup>2</sup> Melayu yang mempunyai perusahaan<sup>2</sup> atau barang<sup>2</sup> yang menggunakan lori<sup>2</sup>. Dengan lain<sup>2</sup> perkataan, mengeluarkan permit lori kepada orang<sup>2</sup> Melayu ada-lah satu perkara yang sangat mudah sa-kali tetapi usaha orang<sup>2</sup> Melayu itu sendiri untuk mendapatkan barang<sup>2</sup> bagi di-angkut ada-lah menjadi masalah yang besar.

Jika sa-kira-nya usaha hendak menolong orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan pengangkutan lori hendak di-jayakan, maka sa-buah badan atau perbadanan hendak-lah di-tubuhkan.

Bumirel, ia-itu sa-buah sharikat yang di-tubuhkan sedikit hari dahulu yang di-modali oleh Malayan Railway, MARA dan beberapa orang bumiputra ia-lah sa-buah Sharikat Pengangkutan Lori tetapi tidak dapat di-anggap sa-bagai sa-buah sharikat yang boleh menghapuskan perbezaan di-antara orang<sup>2</sup> Melayu dengan yang bukan Melayu dalam perusahaan pengangkutan dengan bentuk-nya yang ada sekarang ini.

Dalam rangka usaha yang baru ini, Bumirel akan di-perbesarkan lagi dan haulage permit untuk orang<sup>2</sup> Melayu dan lain<sup>2</sup> bumiputra

itu akan di-keluarkan kepada sharikat tersebut mengikut sa-banyak mana yang di-perlukan oleh negara atau oleh industrialist dari apa bangsa jua pun.

Orang<sup>2</sup> Melayu dan bumiputra yang lain boleh-lah mengambil bahagian dengan membeli saham<sup>2</sup> sharikat tersebut.

Rancangan ini tidak-lah pula bererti akan menyekat sharikat<sup>2</sup> Melayu yang lain atau pun orang persaorangan untuk memohon permit<sup>2</sup> lori. Permit boleh di-keluarkan kepada mereka sa-telah di-timbangkan dengan sa-halus<sup>2</sup>-nya, atau pun mereka boleh mengambil lori<sup>2</sup> yang di-usahakan oleh Bumirel itu kelak. Tujuan-nya supaya menjamin bahawa lori<sup>2</sup> yang di-keluarkan itu sa-benar<sup>2</sup>-nya di-jalankan oleh pemohon<sup>2</sup>-nya.

Ahli<sup>2</sup> perniagaan dari semua pihak terutama sa-kali dari pihak<sup>2</sup> yang bukan Melayu yang telah mencapai kemajuan dalam perniagaan ada-lah di-seru untuk menyewa lori<sup>2</sup> yang di-usahakan oleh Sharikat Bumirel ini. Jika ini dapat di-lakukan akan membawa pengertian yang sangat besar dalam bidang kerjasama di-antara orang<sup>2</sup> Melayu dengan bukan Melayu bagi menjalin semangat muhibbah, menimbulkan semangat persefahaman bagi menimbulkan satu bangsa Malaysia bersatu dan juga merupakan usaha pembahagian rezeki yang adil kepada semua pihak.

Saya suka mengucapkan terima kasih kepada Kementerian Pengangkutan atas kerjasama yang di-berikan-nya kepada MARA yang telah mengemukakan cadangan<sup>2</sup>-nya chara bagaimana kelemahan orang<sup>2</sup> Melayu dalam lapangan perusahaan pengangkutan lori dapat di-atasi dengan membawa pindaan Ordinan Lalulintas Jalan, 1958 ka-dalam Dewan ini.

MARA sudah pun menyiapkan rangka<sup>2</sup> kerja bagi melaksanakan rancangan yang besar ini dan rancangan ini akan di-jalankan dengan sa-berapa segera sa-baik<sup>2</sup> sahaja pindaan undang<sup>2</sup> ini di-luluskan. Saya juga berchadang hendak menubuhkan sa-buah Jawatan-kuasa Penasehat terdiri daripada :

- (i) Yunit Perancangan Ekonomi Negara
- (ii) Kementerian Pengangkutan
- (iii) Jawatan-kuasa Pengangkutan di-Malay Chamber of Commerce
- (iv) MARA

- (v) Malaysian Manufacturers Association
- (vi) United Chambers of Commerce; and
- (vii) PERNAS.

Tujuan-nya, supaya badan<sup>2</sup> yang saya sebutkan itu dapat bekerja rapat dengan Bumirel dengan memberi nasehat atau pun berunding dengan Bumirel supaya kerja<sup>2</sup> yang di-laksanakan-nya kelak berjalan dengan lalin supaya tidak ada mana<sup>2</sup> pehak yang akan terganggu perniagaan pengangkutan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong chadangan itu.

**Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):** Dato' Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> yang telah di-kemukakan oleh Menteri Pengangkutan. Dato' Yang di-Pertua, ini bukan-lah satu Undang<sup>2</sup> baharu kerana di-dalam tahun 1958 lagi ia-itu dalam Legislative Council dahulu saya minta kebenaran, Dato' Yang di-Pertua membachakan . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah panjang<sup>2</sup> sangat.

**Tuan Tajudin bin Ali:** I quote, Sir . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak payah quote, apa salah-nya.

**Tuan Tajudin bin Ali:** Kalau begitu saya tinggalkan. Kalau tidak quote tidak berapa kemas, Dato' Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Chakap sahaja saya tahu-lah.

**Tuan Tajudin bin Ali:** Dato' Yang di-Pertua, saya sambut baik kerana sampai sekarang daripada tahun 1958 lagi kedudukan orang Melayu dalam lapangan kenderaan khas-nya lori dan bas chuma 20% sahaja, ini sangat<sup>2</sup> mendukachitakan. Dan dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> ini yang saya memikirkan memberi peluang yang lebeh luas kepada bumiputra dan juga melichinkan Undang<sup>2</sup> yang telah sedia ada, saya sambut baik.

Dalam pendapat kita, Dato' Yang di-Pertua, ada-lah lesen C lori ini sangat<sup>2</sup> dikehendaki kerana pada masa ini lesen C ada-nya ia-lah 34,303 buah dan lori<sup>2</sup> ini

berjalan dengan bermaharaja-lela-nya ikut suka mereka hendak ka-mana<sup>2</sup> dalam tanah ayer ini. Saya harap dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> ini; barang di-ingatkan ada-lah lesen C ini untuk membawa barang sendiri dan banyak kekechohan berlaku daripada dahulu sampai sekarang ini. Saya harap dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> ini kekechohan itu akan dapat di-betulkan.

Saya bersetuju sangat, Dato' Yang di-Pertua, apa yang telah di-ucapkan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar banyak orang Melayu akan mempelawa diri untuk mendapat lesen lori dan sa-bagai-nya apabila Undang<sup>2</sup> ini di-luluskan, tetapi usaha mereka itu tidak sampai ka-mana, kerana lori berkehendakkan barang, orang Melayu belum lagi berniaga. Berma'ana di-sini Dato' Yang di-Pertua, kalau beri lesen lori kepada orang Melayu sa-chara bersendirian, akan berbangkit pula seperti kita sedia ma'alum ia-itu Ali Baba. Dan dengan ada-nya satu perbadanan atau pun satu badan yang besar seperti MARA atau PERNAS menjalankan-nya semua orang Melayu, sa-siapa yang berhajat hendak masuk, hajat hendak champor tangan dalam hal ehwal kenderaan ini khas-nya lori, dapat masuk. Berapa ribu, berapa juta sa-kali pun boleh masuk, kerana peluang-nya sangat<sup>2</sup> luas supaya kita boleh bawa daripada 20% yang ada sekarang ini sampai sa-imbang dengan lesen<sup>2</sup> yang di-punyai oleh bangsa asing, dan begitu juga hal ehwal kenderaan bas.

Barang di-ingat sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, lesen bas kepada orang kita Melayu sangat<sup>2</sup>-lah rendah ia-itu kita ta' sampai pun 20% dan bas<sup>2</sup> yang di-jalankan oleh orang Melayu ini termasuk-lah MARA, berjalan dalam kampong dan tempat<sup>2</sup> yang tidak mendatangkan keuntungan langsung. Tetapi yang aneh-nya, Tuan Yang di-Pertua, lesen jalan dan juga lesen chukai penumpang<sup>2</sup> ada-lah sa-rupa juga dengan kompeni<sup>2</sup> atau pun sharikat<sup>2</sup> yang mendapat keuntungan besar di-bandar<sup>2</sup> dan jalan-nya yang baik<sup>2</sup>. Di-sini saya mohon kepada pehak Menteri memberi perhatian yang berat kerana saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, lesen bas di-luar bandar pendapatannya sangat kechil ia-itu kalau dalam bandar lebeh \$400 sa-hari, bas yang sama besar tetapi dalam kawasan luar bandar, chuma dapat \$100 sa-hari, tetapi bayaran lesen-nya

sa-rupa sahaja, wal-hasil perbelanjaan-nya lebih. Di-sini-lah kita nampak ta' adil bagi pehak bumiputra.

Perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, dengan ada-nya Undang<sup>2</sup> ini, saya shorkan kepada pehak Kementerian apabila mengeluarkan lesen ini pada masa hadapan, kerana lesen<sup>2</sup> itu di-jaga oleh satu Kementerian, maka huruf tulisan yang besar sa-lain daripada tulisan romanise atau pun jawi di-tegah sama sa-kali. Ini untuk permulaan-nya, tetapi kalau umpama-nya di-bas kerana hendak hala ka-sana ka-sini, dan di-hadapan-nya di-adakan tulisan kecil, itu boleh-lah di-benarkan.

Sekian-lah ucapan saya dan saya menyokong kuat Rang Undang<sup>2</sup> ini. Terima kaseh.

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbanyak<sup>2</sup> terima kaseh atas sokongan Ahli Yang Berhormat dari Larut Utara dan segala chadangan<sup>2</sup> yang telah di-berikan itu pun kita akan ambil perhatian. Pada fikiran saya ta' ada apa<sup>2</sup> yang perlu saya jawab di-sini, kerana semua jawapan-nya sudah pun termasuk dalam penghuraian saya tadi. Jadi ta' perlu-lah saya mengambil masa yang lebih panjang lagi melainkan dengan lulus-nya Rang Undang<sup>2</sup> pindaan ini kita harap kita akan dapat menjalankan dasar ekonomi baharu kita yang bertujuan untuk memberi penyertaan yang lebih lagi kepada bumi-putra dalam lapangan kenderaan.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempergunakan meshuarat Jawatan-kuasa*).

*Fasal 1 hingga 4—*

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Pengerusi, saya ingin menhadangkan pindaan . . . . .

**Tuan Pengerusi:** Saya fahamkan ini consequential amendments, ta' payah-lah. Consequential amendments sahaja—itu ada tertulis dalam kertas pindaan itu. Kalau ada lain<sup>2</sup> pindaan, sila-lah. Kalau ta' ada, ta' payah-lah.

*Fasal 1 hingga 4* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 5 hingga 14* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tiada apa<sup>2</sup> pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA PELABOHAN (PINDAAN)

### Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Dato' Haji Abdul Ghani Gilong:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan Rang Undang<sup>2</sup> Akta Lembaga Pelabohan, 1963 di-bacha bagi kali yang kedua. Pindaan<sup>2</sup> yang di-kemukakan dalam Dewan yang mulia ini ada-lah mengandongi saperti yang di-bawah:

#### (a) Sekshen 2 (4) (b)

Maksud pindaan ini ia-lah untuk menambahkan jumlah maksima ahli<sup>2</sup> yang akan di-lantek untuk satu Lembaga Pelabohan daripada 7 kepada 9. Penambahan bilangan<sup>2</sup> ahli<sup>2</sup> tersebut ia-lah supaya membolehkan sa-orang pegawai kanan Kementerian Pengangkutan, dan sa-orang pegawai kanan Kementerian/Perbadanan yang berkenaan di-wakili di-dalam Lembaga itu.

Pindaan itu telah pun berkuatkuasa menurut kuasa Peratoran<sup>2</sup> Perlu (Lembaga<sup>2</sup> Pelabohan), 1969 dan tujuan-nya sekarang ia-lah untuk memasokkan pindaan ini supaya kekal berkuatkuasa.

#### (b) Sekshen Baharu 36A

Ini bertujuan bagi memperuntokan satu sekshen yang menjadikan-nya satu kesalahan bagi sa-saorang untuk membuat satu kenyataan yang palsu terutama yang bersangkutan dengan sa-barang laporan, tuntutan, permohonan, peristiharan atau sa-barang

dokumen lain yang di-kehendaki di-buat di-bawah sa-barang peruntukan Akta tersebut.

(c) *Sekshen 51 (2)*

Sekshen-kecil (2) kepada sekshen 51 yang terdapat sekarang memper-untukkan ia-itu bagi pinjaman<sup>2</sup> yang di-buat sa-belum 1hb Januari, 1959 untuk maksud<sup>2</sup> pentadbiran Keretapi Tanah Melayu dan Lembaga Pelabohan Swettenham di-mana Lembaga bertanggung-jawab untuk pembayaran<sup>2</sup> bunga dan tebusan kepada pinjaman<sup>2</sup> tersebut, di-kehendaki membayar 22.987 peratus daripada bunga pinjaman dan tebusan. Maksud pindaan itu ia-lah untuk mengurangkan tanggung jawab ini mengenai pinjaman<sup>2</sup> tersebut supaya Lembaga Pelabohan Swettenham harus membayar 18.45 peratus daripada bunga pinjaman dan tebusan. Juru Odit Negara telah mengesahkan kebetulan pembahagian pembayaran pinjaman ini di-antara Lembaga Pelabohan dan Keretapi dan kedua<sup>2</sup> pihak telah pun bersetuju.

Dengan penerangan yang di-beri di-atas saya memohon Dewan meluluskan pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan itu seperti yang di-huraikan di-dalam Bill tersebut.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 5 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.*

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> (PINDAAN) ODIT

*Bachakan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Rang Undang<sup>2</sup> yang bernama Akta (Pindaan) Odit, 1971 di-bacha kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di-bahath.

Rang Undang<sup>2</sup> ini ada-lah bertujuan bagi meminda Ordinan Odit, 1957 dengan di-masukkan pindaan yang telah di-buat oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam Ordinan No. 72 (Kuasa<sup>2</sup> Perlu) Dharurat, 1971 supaya dapat di-adakan satu Undang<sup>2</sup> yang kekal.

Saperti mana terdapat di-bawah huraian ada pun tujuan pindaan tersebut ia-lah bagi mengadakan satu peruntukan untuk menaik-gaji Juru Odit Negara berikutan daripada pelaksanaan shor<sup>2</sup> Surohanjaya Gaji Suffian.

Sekshen 4 (1) Ordinan Odit, 1957 menyebutkan bahawa gaji Juru Odit Negara hendak-lah mengandungi gaji pokok sa-banyak \$1,970 sa-bulan sa-belum di-tambahkan dengan elaun<sup>2</sup> berkaitan saperti mana yang di-beri kepada lain<sup>2</sup> pegawai dan kaki-tangan perkhidmatan Kerajaan Malaysia yang menerima gaji pokok yang sama. Gaji ini ada-lah sama dengan tangga gaji bagi Pegawai<sup>2</sup> Perkhidmatan Awam Kerajaan Malaysia Tingkatan A.

Mengikut Laporan Gaji Suffian Pegawai<sup>2</sup> Perkhidmatan Awam Kerajaan Malaysia yang menerima gaji mengikut Sekim Tingkatan A hendak-lah di-ubah menjadi satu sekim baharu yang di-beri nama Tingkatan Tertinggi "I" dengan di-bayar gaji sa-banyak \$3,500 sa-bulan. Saperti mana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat sakalian sedia ma'alum bahawa Laporan Gaji Suffian telah pun di-laksanakan oleh Kerajaan sejak daripada 1hb Januari, 1970

Oleh yang demikian sewajar dengan pelaksanaan shor<sup>2</sup> Surohanjaya Gaji Suffian, maka gaji untuk Juru Odit Negara telah pun di-naikkan daripada \$1,970 kepada \$3,500 sa-bulan, saperti yang terdapat dalam Rang Undang<sup>2</sup> Akta (Pindaan) Odit, 1971 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan supaya Rang Undang<sup>2</sup> ini di-bachakan kali kedua.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

### **RANG UNDANG<sup>2</sup> LEMBAGA PADI DAN BERAS NEGARA**

#### **Bachaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Yang di-Pertua, saya menhadangkan bahawa satu Rang Undang<sup>2</sup> bertajuk "Suatu Akta Bagi menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara" dan bagi membuat peruntukan berkenaan dengan perkara<sup>2</sup> yang berkaitan dengan-nya di-bachakan kali kedua.

Rang Undang<sup>2</sup> ini bermaksud untuk men-chiptakan satu badan yang bertanggung-jawab sa-penoh-nya di-atas semua perkara<sup>2</sup> mengenai padi dan beras di-negara kita ini.

Tugas<sup>2</sup> Lembaga yang di-chadangkan itu ia-lah untuk mempastikan harga padi yang berpatutan dan stabil untuk petani<sup>2</sup> dan juga mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil untuk pengguna<sup>2</sup>.

Lembaga ini juga akan mengemukakan shor<sup>2</sup> kepada Kerajaan atas chara<sup>2</sup> bagi mengembangkan lagi perusahaan padi dan beras. Ia-nya akan menyelaras dan menolong melaksanakan dasar<sup>2</sup> Kerajaan untuk memajukan perusahaan padi dan beras. Untuk menjalankan tugas<sup>2</sup> ini, maka Lembaga ini akan di-berikan kuasa<sup>2</sup> yang luas termasuk kuasa<sup>2</sup> melaksanakan harga minima yang di-jamin atau (GMP) menegah dan mengawal pemindahan padi dan beras; mengawal penjualan, pembelian, pengilangan dan mengambil bahagian sa-chara langsung dalam perusahaan padi dan beras.

Dalam menguatkuasakan undang<sup>2</sup> ini, kuasa<sup>2</sup> memasoki kawasan rumah orang<sup>2</sup> yang di-shaki, menjalankan pemereksaan, merampas dan menyimpankan apa<sup>2</sup> benda yang boleh jadi bukti dan kuasa menangkap dan menda'wa.

Tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup> yang di-berikan kepada Lembaga ini bukan-lah suatu perkara yang baharu. Malahan semua-nya telah di-jalankan oleh Kerajaan pada masa dahulu melalui beberapa Jabatan Kerajaan dan Badan<sup>2</sup> Berkanun. Mithal-nya Kementerian Perdagangan dan Perusahaan telah melaksanakan harga minima yang di-jamin, dan mengawal impot dan eksept padi dan beras; Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, atau FAMA telah membena kilang<sup>2</sup> pengeringan, dan juga mengilangkan padi. Sa-lain daripada itu, Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras yang di-tubuhkan di-bawah Akta FAMA, telah pun menjalankan tugas<sup>2</sup> pemasaran. Saperti pada masa yang lepas semua kuasa<sup>2</sup> ini akan di-jalankan dengan adil dan tegas.

Mula<sup>2</sup> dari sekarang ini Kerajaan sudah pun menyediakan langkah<sup>2</sup> yang lengkap untuk menchegeh penyeludupan beras masuk ka-dalam negeri ini. Kita tidak mahu membiarkan apa<sup>2</sup> lagi faktor<sup>2</sup> yang akan mengganggu usaha<sup>2</sup> kita untuk menjamin kelichinan perjalanan ranchangan Kerajaan mempertahankan harga minima yang terjamin kepada petani<sup>2</sup> kita. Dari itu saya memberi jaminan di-sini bahawa kita akan mengambil tindakan keras kepada penye-ludupan<sup>2</sup> beras ka-dalam Malaysia.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat mungkin ada merasa puas hati mendapat tahu bahawa tujuan undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk meletakkan semua tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup> mengenai padi dan beras yang sa-lama ini telah di-jalankan oleh berbagai Jabatan dan Badan<sup>2</sup> Berkanun mengenai padi dan beras kepada satu badan yang besar. Kita akan satukan mencrusi Lembaga ini semua langkah<sup>2</sup> yang perlu untuk melichinkan tugas berkenaan dengan pengeluaran, pengilangan dan pemasaran padi dan beras. Dengan chara integrated approach ini kita perchaya dasar Kerajaan mengenai padi dan beras akan berasas atas timbangan<sup>2</sup> yang chukup luas sambil keputusan yang di-ambil akan dapat di-jalankan dengan lebeh chekap dan lichin lagi.



Sa-lain daripada tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup> Lembaga ini, suka-lah saya menerangkan dengan ringkas-nya perkara lain yang penting di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> ini, ia-itu:

- (i) Rang Undang<sup>2</sup> ini ia-lah untuk seluruh negara Malaysia sa-bagai tersebut di-dalam Fasal 1 (2);
- (ii) Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan mengandungi sa-orang Pengerusi dan sa-orang Timbalan Pengerusi di-lantek oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Lima orang pegawai mewakili Kementerian<sup>2</sup> yang berkepentingan, dan tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada empat orang ahli<sup>2</sup> yang tidak rasmi, di-lantek oleh Menteri yang bertanggung-jawab;
- (iii) Bila Undang<sup>2</sup> Lembaga berjalan kuatkuasa-nya, maka segala kuasa<sup>2</sup> yang terkandung dalam Akta Kawalan, 1961, dan Ordinan Kawalan Harga di-pindahkan kepada Lembaga ini. Ini terchatit di-dalam Fasal 36 (1). Walau pun begitu, Fasal 1 (4) akan membolehkan Yang di-Pertuan Agong meng-gantungkan perjalanan kuatkuasa mana<sup>2</sup> peruntukan atau provision dalam Undang<sup>2</sup> Lembaga ini dan dengan tindakan sa-demikian maka kuasa<sup>2</sup> itu akan kembali-lah sa-mula ka-dalam Kandungan Akta Kawalan Bekalan, 1961, dan Ordinan Harga Barang<sup>2</sup>, 1946. Ini ada-lah suatu keistimewaan Akta Lembaga yang bermaksud supaya dalam masa kechemasan, sa-kira-nya perlu, segala tanggung-jawab dan kuasa<sup>2</sup> mengenai semua barang<sup>2</sup> keperluan termasuk padi dan beras ada-lah di-letak di-bawah satu arahan kuasa sahaja;
- (iv) Dalam masa peralehan, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan atau FAMA akan terus (bagi pehak Lembaga ini), menjalankan urusan<sup>2</sup> yang sekarang di-jalankan-nya mengenai padi dan beras, sa-hingga Lembaga Padi dan Beras Negara ada kechekapan mengambil alih semua urusan<sup>2</sup> ini. Fasal 37 (1) ada menchatitkan butir<sup>2</sup> mengenai peratoran dalam masa peralehan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Lembaga ini perlulah menjalankan tugas<sup>2</sup>-nya dengan segera mengenai pengeluaran padi dan penggunaan

beras. Ada-lah di-anggarkan bahawa Malaysia Barat akan menchapai pengeluaran beras yang chukup 100% untuk keperluan penduduk<sup>2</sup>-nya di-dalam tempoh 2 atau 3 tahun lagi. Sa-lepas itu Malaysia Barat di-anggarkan akan mengeluarkan beras yang lebih daripada keperluan penduduk<sup>2</sup>-nya. Keadaan ini akan menjadi suatu masalaah. Masalaah ini ada-lah penting dan mustahak di-kaji dengan rapi dan segera oleh Lembaga, sa-belum-nya mengambil tindakan atau langkah<sup>2</sup> yang perlu supaya pendapatan penanam<sup>2</sup> padi tidak berkurangan malahan bertambah di-masa yang akan datang. Saperti telah terma'alum, memang-lah tujuan utama Kerajaan hendak meninggikan pendapatan petani<sup>2</sup> kita.

Lembaga ini akan mengambil alih semua harta dan tanggungan kepunyaan Bahagian Bekalan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, dan Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras. Sa-bahagian besar daripada pegawai<sup>2</sup> dan kaki-tangan Lembaga ini terdiri daripada pegawai<sup>2</sup> dan kaki-tangan Kementerian Perdagangan dan Perusahaan dan Perbadanan Pemasaran Pengeluaran Pertanian. Lembaga baharu ini bukan-nya mengambil alih FAMA, tetapi akan mengambil alih tugas<sup>2</sup> dan kuasa<sup>2</sup> FAMA mengenai padi dan beras sahaja.

Dalam Jawatan-kuasa nanti, Tuan Yang di-Pertua, saya akan menchadangkan beberapa pindaan kechil saperti ternyata di-dalam Kertas Pindaan yang telah di-keilingkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Haji Ahmad bin Said (Seberang Utara):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara. Di-samping itu saya ingin mengemukakan pandangan saya terhadap penubohan lembaga ini.

Mengikut pengalaman saya, Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Yang di-Pertua, Persekutuan Persatuan Peladang Negeri Pulau Pinang beberapa masalaah telah pun berlaku pada masa FAMA dahulu menjalankan urusan mengawal pemasaran padi. Sebab pun perkara itu terjadi ia-lah oleh kerana

ada di-antara pegawai<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab yang tidak menjalankan tugas mereka itu. Maka sebab itu pihak peladang manakala mereka di-sebut perkataan FAMA sahaja di-kawasan saya khas-nya mereka marah kepada FAMA. Saya harap lembaga ini akan berjalan ikut peratoran dan supaya berkuatkuasa, mudah<sup>2</sup>an akan memberi pertolongan<sup>2</sup> yang besar kepada peladang<sup>2</sup> kita yang mengharapkan mata pencharian mereka itu kepada persawahan padi dan penjualan beras.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan badan ini ia-lah untuk hendak mengawal harga padi dan beras. Saya berharap supaya kawalan ini akan di-laksanakan lebih berkesan dan lebih berkuat-kuasa supaya jangan membiarkan orang yang membuat salah itu dengan begitu sahaja. Mesti-lah di-ambil tindakan yang tegas supaya pihak<sup>2</sup> yang menchari peluang mendapat untung atau pun menchari peluang menganiayakan atau mengeksploitkan petani<sup>2</sup> kita yang orang kata "betoi bendoi", bukan kata bodoh sangat, tetapi orang yang betoi bendoi mudah di-tipu atau di-muslihatkan.

Satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin mendatangkan satu pandangan mengenai GMP (Guaranteed Minimum Price). Ini ada-lah daripada penjajah dahulu dasar jaminan harga sa-rendah<sup>2</sup>-nya padi ia-itu \$16.00 sa-pikul. Harga ini atau jaminan ini berjalan semenjak tahun 1961, sa-hingga hari ini \$16.00 juga sa-pikul. Jadi, saya berharap pihak Kerajaan akan menimbangkan supaya kalau boleh di-pinda GMP ini kepada satu pandangan yang baharu ia-itu satu tugas yang baharu ia-itu harga beras sa-tinggi<sup>2</sup>-nya yang di-kawal atau pun "controlled maximum price of rice". Dengan cara yang sa-macam ini, saya percaya kalau harga itu di-tetapkan satu kati—35 sen beras Mahsuri dan boleh-lah pihak petani sendiri mengilangkan padi mereka itu dan mereka sendiri akan menjualkan beras kepada pekedai<sup>2</sup> kecil dengan tidak melalui orang tengah. Dengan cara yang demikian mereka akan dapat lebih untung di-atas hasil daripada titek peloh mereka itu, kerana dengan cara penjualan sukat gantang dan chupak ini sa-bagaimana kita sedia ma'alum banyak helah dan muslihat yang telah di-jalankan dan pada masa sekarang ini kita sedang menubuhkan beberapa banyak Persatuan<sup>2</sup>

Peladang dalam negara kita ini dan Persatuan Peladang ini-lah yang akan menjadi sa-bagai badan atau pun persatuan ini yang akan menolong memasarkan hasil pertanian daripada petani<sup>2</sup> atau ahli-nya sendiri. Saya berharap dapat pertimbangan daripada pihak Kerajaan supaya GMP ini di-gantikan dengan harga beras sa-tinggi<sup>2</sup>-nya yang di-kawal dan sa-kira-nya di-dapati barang<sup>2</sup> keperluan yang lain naik 10%, maka pihak Kerajaan akan naikan sa-tinggi<sup>2</sup> harga beras itu 10% sa-imbang dengan kenaikan harga yang lain. Ini akan memberi satu keadilan kepada petani<sup>2</sup> supaya kalau naik barang lain, naik-lah harga beras. Tetapi sa-lama ini 10 tahun \$16.00 sa-pikul yang di-beri jaminan sa-rendah<sup>2</sup> itu tidak memberi kesan kepada petani<sup>2</sup>. Malahan mereka ini menjual padi mereka tidak sampai \$14.50 sa-pikul. Jadi ini mendatangkan kerugian yang besar kepada petani<sup>2</sup>.

Lagi satu perkara, Tuan Yang di-Pertua, bagaimana kita sedia ma'alum, petani<sup>2</sup> kita bukan-lah orang yang terpelajar, patut di-adakan satu undang<sup>2</sup> bagaimana kita adakan satu Undang<sup>2</sup> Penchehah Rasuah. Kita patut adakan satu Undang<sup>2</sup> yang di-katakan penchehah penipuan atau kekechohan, tipu-helah atau pun menchehah pembunga<sup>2</sup> yang tidak bertanggung-jawab sa-hingga mereka kenakan faedah 30% kepada petani<sup>2</sup> kita. Ini ada-lah satu perkara yang menyebabkan petani kita tidak boleh naik mutu dan tidak boleh naik perengkat. Saya harap Kerajaan akan menimbang dan adakan undang<sup>2</sup> ini supaya menchehah sa-siapa juga yang menipu orang yang betul<sup>2</sup>, saya katakan ini, supaya dalam negara kita ini dapat beri keadilan dengan sa-penoh-nya kepada petani<sup>2</sup> kita khas-nya.

Satu perkara lagi, Tuan Yang di-Pertua, kita ada beberapa banyak kilang<sup>2</sup> padi di-dalam negara kita ini. Kilang<sup>2</sup> padi ini di-beri lesen untuk membeli padi dan juga di-beri lesen untuk menjual beras. Saya harap pihak Kerajaan atau pihak Lembaga ini, manakala menjalankan tugas mereka, mengkaji sa-mula supaya banyak yang pengilang padi ini di-beri lesen untuk mengilang padi sahaja jangan di-beri lesen untuk menjual beras atau membeli padi. Kerana dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, pihak petani<sup>2</sup> yang berusaha menanam padi dua kali sa-tahun boleh-lah mereka ini hantar padi mereka itu ka-kilang dan beri upah kepada kilang itu untuk mengisarkan

padi itu di-jadikan beras dan boleh-lah petani itu ambil beras bawa balck dan dia sendiri boleh jual beras-nya kepada perunchit<sup>2</sup> di-kampung<sup>2</sup>. Ini akan menyekatkan orang-tengah mengambil untong daripada titek peloh petani<sup>2</sup>.

Yang ketiga, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Lembaga ini akan berusaha untuk mendirikan beberapa buah kilang oleh kerana tidak lama lagi negara kita ini akan mengeluarkan beras, boleh jadi berlebihan daripada kegunaan kita sendiri. Patut juga di-usahakan mengadakan kilang yang memproseskan beras menjadikan beehoon mithal-nya, menjadikan macaroni atau spaghetti atau pun laksa kering atau pun "par boiled rice" supaya dapat kita gunakan dalam negara kita ini dan yang lebeh itu dapat kita exportkan barang<sup>2</sup> yang sudah pun di-proses daripada beras. Dengan sa-chara yang sa-macam ini akan memberi pekerjaan kepada petani<sup>2</sup> kita dan juga akan menambahkan hasil atau pendapatan yang lebeh kepada mereka itu.

Dan yang akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, saya berharap dengan sa-tinggi<sup>2</sup> harapan supaya badan ini akan sunggo<sup>2</sup> berusaha mudah<sup>2</sup>an dapat membela nasib petani<sup>2</sup> kita yang boleh di-katakan pada keselurohan-nya gulungan orang yang tidak berada. Saya tunjok chontoh, Tuan Yang di-Pertua, di-kawasan saya sendiri mempunyai sa-luas 22,000 ekar tanah sawah dan di-buat sawah dua kali sa-tahun ia-itu 44,000 ekar dengan chara bekalan baja sahaja dan di-ambil untong oleh orang-tengah kalau \$3 sa-kampit kita gunakan baja sa-hingga 176,000 kampil sa-tahun \$528,000 keluar kepada orang-tengah. Dan yang kedua, lebeh daripada 60% daripada petani<sup>2</sup> itu menyewa tanah dan sewaan yang di-kenakan sa-banyak \$200 sa-ekar. Jadi Undang<sup>2</sup> Kawalan Sewa Tanah yang sudah pun di-luluskan pada tahun 1967 tidak berjalan sa-hingga hari ini. Ini menyebabkan kelemahan dan pendapatan petani<sup>2</sup> kita merosot. Saya harap pehak Kerajaan akan melaksanakan Undang<sup>2</sup> Sewa Tanah dan Pemegang Tanah itu dengan sa-chepat mungkin supaya dapat mengawal berkenaan dengan sewaan ini, dan juga harga padi yang saya katakan tadi sunggo<sup>2</sup> pun di-tetapkan \$16 sa-pikul tetapi biasa-nya tidak boleh lebeh daripada \$14.50 sa-pikul dan pengeluaran padi di-kawasan saya itu boleh di-katakan sa-tahun 176,000 kuncha,

jikalau \$10 satu kuncha di-makan oleh orang-tengah ini akan menjadikan \$1,760,000 sa-tahun.

Juga, Tuan Yang di-Pertua, mengenai pembajak sawah. 22,000 ekar kalau buat dua kali menjadi 44,000 ekar. \$30 satu ekar kita upahkan orang-tengah, bukan peladang sendiri mempunyai bajak atau jentera ini, akan memakan wang daripada petani sendiri \$1,320,000 sa-tahun. Ini-lah yang saya ber-harapkan kepada Kerajaan mengambil perhatian yang berat supaya menyekatkan kebochoran ini. Jikalau boleh di-sekat kebochoran ini, maka pehak yang tidak berada, khas-nya petani<sup>2</sup> kita akan mengalami satu kehidupan yang ma'mor pada masa hadapan. Sekian-lah, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

**Dr Tan Chee Khoon (Batu):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap sa-patah tua dalam Rang Undang<sup>2</sup> di-hadapan Dewan ini dan saya mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris juga.

Tuan Yang di-Pertua, terutama saya hendak sentoh Fasal 4 (1)—Tugas<sup>2</sup> Lembaga ia-lah untok—dan khas-nya saya hendak sentoh (a) dan (b): mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi petani<sup>2</sup>; mempastikan harga beras yang berpatutan dan stabil bagi petani<sup>2</sup>—di-sini di-tulis petani<sup>2</sup> tetapi pengguna<sup>2</sup>.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Wakil dari Seberang Utara telah menyatakan nama FAMA di-kawasan petani<sup>2</sup> bukan sentiasa, tetapi kadang<sup>2</sup> busok oleh sebab kaum petani<sup>2</sup> ini, FAMA juga menjadi orang-tengah dan mengexploitkan kaum<sup>2</sup> petani.

Mr Speaker, Sir . . . . .

**Tuan Haji Ahmad bin Said:** Tuan Yang di-Pertua, untok penjelasan. Tadi saya sebutkan, ada di-antara pegawai<sup>2</sup> FAMA yang tidak menjalankan tugas dengan sa-penoh-nya maka sebab itu-lah petani<sup>2</sup> tidak dapat sa-penoh kesan. Petani itu marah kapada pegawai FAMA dan kapada badan itu.

**Dr Tan Chee Khoon: (Dengan izin) Now,** Mr Speaker, Sir, it is true that in many places, the farmers look on FAMA not as a friend which can increase their income, but as one which has taken the place of the middlemen and therefore an exploiter. For example,

take this question of moisture content. The poor farmer has got no redress. They say the moisture content is so much and we must deduct so much, the "Oracle of Delphi" has spoken, the farmers must accept the ruling of the FAMA officials.

The other point, Mr Speaker, Sir, is that FAMA has in the past also made lots of money out of this transaction of buying padi, selling padi and the like. I want to ask, Mr Speaker, Sir, what is to become of all the money that has been earned from the toil and sweat and, perhaps, the tears of the farmers in this country. If FAMA is really keen to increase the income of the "have-nots"—and the farmers in this country are by and large the "have-nots" in this country—then FAMA should plough back in some form or other a large part of the profits they make out of the transactions from the padi and rice that is produced by the farmers in this country.

Tuan Yang di-Pertua, akhir-nya saya hendak sentoh sedikit tentang Fasal 4 (2) (d) mengator pemasaran padi dan beras khusus-nya dengan jalan melesen penjual-borong, penjual-runchit, pengilang beras, pengimpot dan pengeksport. Now Mr Speaker, Sir, in the Second Malaysia Plan, it has been stated that no one needs fear that the privileges and the rights he has enjoyed up to now will be taken away from him—indeed this is also guaranteed in our Constitution. This little bit of annual licensing and the like has given rise to quite a great deal of anxiety amongst the people engaged in the trade, and I do hope that the Chairman-designate of this Lembaga Padi dan Beras Negara, who is with us here this evening, will in the implementation of this Act—when it is passed by both Houses of Parliament and has received the Royal Assent—see to it that nobody needs suffer because of the workings of this Lembaga Padi dan Beras Negara. Thank you, Sir.

**Tuan Abu Bakar bin Umar (Kubang Pasu Barat):** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap sa-patah dua didalam Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu<sup>2</sup>kan Rang Undang<sup>2</sup> ini oleh kerana dalam pendapat saya Rang Undang<sup>2</sup> ini akan dapat-lah memberi satu gambaran kepada petani<sup>2</sup> khas-nya petani<sup>2</sup> yang ada dalam negeri Kedah yang hidup-nya dengan

usaha tani-nya bahawa kehidupan mereka akan dapat di-perbaiki dan taraf hidup mereka akan dapat meningkat tinggi. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya harap Rang Undang<sup>2</sup> ini akan di-sambut bukanlah sa-bagaimana yang di-sambut di-waktu FAMA dahulu oleh petani<sup>2</sup> negeri Kedah. Di-waktu FAMA telah di-tubuhkan, maka bagitu-lah gembira-nya petani<sup>2</sup> dalam negeri Kedah, kerana FAMA akan membeli padi dan beras mereka, tetapi sa-balek-nya apabila FAMA di-jalankan, maka FAMA sa-bagaimana yang telah di-katakan dapat menurunkan, bukan dapat meninggikan harga padi, khas-nya dalam negeri Kedah. Kalau sa-belum FAMA ada dalam negeri Kedah padi berharga, kata orang Kedah, satu kuncha \$100 tetapi apabila datang FAMA maka padi telah turun menjadi agak<sup>2</sup> \$80 satu kuncha.

Tuan Yang di-Pertua, itu-lah yang saya harap supaya Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan dapat memperbaiki kedudukan petani<sup>2</sup> khas-nya petani<sup>2</sup> yang hidup dengan usaha tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentoh Rang Undang<sup>2</sup> ini dalam Fasal 5—Keanggotaan. Lembaga ini ada-lah terdiri daripada satu bahagian yang menghendaki beras murah dan tidak menghendaki padi mahal, apa yang saya dapati di-sini, oleh kerana tidak ada satu fasal yang menyatakan bahawa anggota<sup>2</sup> mesti-lah terdiri sakurang<sup>2</sup>-nya daripada bahagian peladang<sup>2</sup> atau pun petani<sup>2</sup>, maka dengan ini saya mengeshorkan kepada pehak Kerajaan sakurang<sup>2</sup>-nya anggota Lembaga ini mesti-lah juga terdiri daripada wakil<sup>2</sup> petani<sup>2</sup>. Jangan chuma wakil daripada Jabatan Perdana Menteri, Perbendaharaan, Kementerian Perdagangan dan Perusahaan, mesti-lah sapatut-nya memasokkan wakil<sup>2</sup> daripada petani<sup>2</sup> supaya dapat-lah petani ini memberi pendapat<sup>2</sup>-nya dan memberi pandangan<sup>2</sup> yang bagaimana-kah kedudukan untuk menjaga harga<sup>2</sup> padi yang di-usahakan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya mengeshorkan kepada Kerajaan supaya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi mesti-lah daripada orang<sup>2</sup> yang benar<sup>2</sup>-nya mengetahui dan benar<sup>2</sup>-nya mempunyai masa yang chukup di-dalam menjalankan kerja<sup>2</sup> Lembaga ini jangan-lah sa-bagai apa yang saya dengar bahawa Perlantikan Pengerusi daripada orang yang part-time. Sa-kira-nya

perkara ini-lah yang di-jalankan, maka saya fikir tujuan asal untuk memperbaiki kedudukan petani<sup>2</sup> tidak akan dapat sampai kepada matlamat yang kita kehendaki. Terima kasih.

**Tuan Hussein bin Haji Sulaiman (Besut):** Tuan Yang di-Pertua, pada saya Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara yang di-bentangkan dalam Dewan pada hari ini ada-lah merupakan sa-bagai nafas baharu yang akan di-beri kepada petani<sup>2</sup> dalam usaha hendak meninggikan taraf hidup mereka sesuai dengan hasrat dan niat Kerajaan baharu yang ada sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya pehak yang berkenaan dalam merangkakan Rang Undang<sup>2</sup> ini sedikit sa-banyak telah mengkaji atau mempelajari dari kesilapan<sup>2</sup> kecil yang telah di-lakukan oleh sa-tengah<sup>2</sup> Pegawai FAMA dalam mengendalikan harga beras dan padi seperti yang di-terangkan oleh sahabat saya dari sa-belah sana tadi. Dan dengan ada-nya sedikit sa-banyak pengalaman itu akan menjadi keyakinan yang penuh kepada saya bahawa Lembaga Padi dan Beras yang akan di-tubuhkan dan akan berjalan sa-lepas daripada ini dapat mengatasi masalah<sup>2</sup> yang sangat<sup>2</sup> tidak dikehendaki oleh petani<sup>2</sup> itu.

Mengenai dengan fasal 5 tentang keanggotaan, saya ingin menyentuh mengenai dengan Fasal 5 (1) (f), yang di-dalam ini menyebutkan tidak kurang daripada dua orang, tetapi tidak lebih daripada empat orang lain yang berpengalaman dan telah menunjukkan kebolehan dalam perkara<sup>2</sup> berhubung dengan penghasilan atau pemasaran padi dan beras.

Apa yang saya maksudkan, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam memilih anggota<sup>2</sup> ini hendak-lah di-chari dengan sa-benar<sup>2</sup> atau di-halusi dengan sa-chara mendalam supaya orang<sup>2</sup> yang akan di-lantek itu bukan-lah sakadar kita hendak membahagi rezeki kepada mereka atau pun bukan-lah chara kita hendak mengambil hati kepada orang<sup>2</sup> yang akan kita lantek, tetapi hendak-lah orang itu sa-benar<sup>2</sup> orang yang boleh memperjuangkan kepentingan petani<sup>2</sup> dan yang tidak terikat dengan sa-barang ikatan supaya kedudukan mereka betul<sup>2</sup> bebas dan berani memperjuangkan hak<sup>2</sup> kaum tani.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarek perhatian di-sini mengenai dengan tugas Lembaga sa-lain daripada yang telah di-terangkan oleh sahabat saya yang mula<sup>2</sup> berchakap tadi mengenai Rang Undang<sup>2</sup> ini, patut di-timbangan dengan sa-masak<sup>2</sup>-nya oleh Kerajaan, sebab sa-lain daripada kita akan menghadapi masalah beras yang berlebihan dengan ada-nya ranchangan dua kali sa-tahun yang sedang di-jalankan dengan pesat-nya pada masa ini, tentu-lah kita mengharap kepada Kerajaan dapat membuat persediaan untuk mengadakan kilang<sup>2</sup> yang boleh mengeluarkan seperti apa yang telah di-terangkan oleh sahabat saya tadi.

Dan perkara yang akhir, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Lembaga ini baharu ditubuhkan dan tentu-lah tidak dapat kita hendak menchari kesalahan<sup>2</sup> atau kesilapan<sup>2</sup>-nya, hanya-lah kita menunggu dengan penuh harapan, chuma satu sahaja yang saya ingin sebutkan di-sini, dari pengalaman yang sudah<sup>2</sup>, oleh kerana niat dan tujuan Lembaga ini baik, maka hendak-lah dalam pelaksanaan-nya kurangkan-lah sedikit publicity, kurangkan-lah sedikit cerita hendak buat ini, hendak buat ini seperti yang sa-lama ini pernah di-lakukan oleh FAMA, banyak publicity tetapi kurang kerja. Jadi, kita harap Lembaga ini kurang publicity dan banyak kerja supaya kaum tani tidak di-tipu dengan publicity yang lebeh. Sekian, Tuan Yang di-Pertua.

**Raja Nong Chik bin Raja Ishak (Kuala Selangor):** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sa-penoh<sup>2</sup>-nya Rang Undang<sup>2</sup> Lembaga Padi dan Beras Negara ini, tetapi di-dalam kawasan saya ia-itu di-Kuala Selangor, di-mana banyak di-dapati padi orang<sup>2</sup> di-Kuala Selangor ia-itu orang penanam padi telah mengadu kepada saya mengatakan FAMA membeli padi mereka—FAMA membeli padi mereka ini, macham mana Yang Berhormat<sup>2</sup> yang lain telah berkata, memotong wab, memotong basah, dan memotong kotor dan sa-bagai-nya. Jadi daripada 100%, kalau mithal-nya 100 gantang, tinggal 70 gantang. Jadi, 20% wab, 10% kotor, tinggal-lah 70%. Jadi, saya takut ia-itu Lembaga Padi dan Beras atau FAMA ini macham NEB. Jadi, jangka-nya FAMA ini kalau rugi, biar-lah rugi, tidak menjadi apa hal, oleh kerana orang<sup>2</sup>, petani ia-itu yang bersawah ini, dari dahulu bukan main

susah, bukan macham orang yang punya tanah getah; satu masa sampai dua ringgit harga getah atau \$1.50 harga getah sa-kali, tetapi orang menanam padi daripada dahulu susah kehidupan-nya. Dengan sebab itu saya chadangkan ia-itu kalau boleh Kerajaan menambah subsidy bukan sahaja \$16 sa-pikul tambah lagi \$4, jadi \$20 sa-pikul. Untok subsidy ini, kenakan tax kapada tempat<sup>2</sup> lain. Macham orang ada lori transport, kenakan tax \$4 sa-tahun sa-bagai tambahan-nya. Tambah-lah harga padi kapada pesawah<sup>2</sup> ini kerana mereka-lah yang susah sa-kali. Dengan sebab itu saya harap dengan ada-nya Lembaga Padi dan Beras ini maka orang<sup>2</sup> yang menanam padi mendapat betul<sup>2</sup> harga yang sa-patut-nya, yang berpatutan dengan tenaga mereka. Inilah harapan pesawah<sup>2</sup> daripada Tanjong Karang dan keseluruhan-nya ia-itu Kuala Selangor berkenaan dengan harga padi mereka. Sekian.

**Tuan Abdul Ghafar bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana banyak ditimbulkan soal FAMA, walau pun FAMA bukan di-bawah Kementerian saya, tetapi elok-lah saya memberi penjelasan.

Yang pertama, Ahli dari Batu mengatakan bahawa FAMA banyak membuat ke-untungan sa-bagai orang tengah. Ini tidak-lah benar kerana FAMA mendapat faedah daripada pekerjaan-nya dan wang itu adalah di-gunakan kembali untok menolong petani<sup>2</sup> dengan berbagai<sup>2</sup> bentuk. Tujuan Kerajaan mengadakan FAMA ia-lah dengan tujuan yang baik untok menentukan supaya harga padi yang di-tetapkan \$16 itu dapat di-terima oleh petani<sup>2</sup> di-negeri<sup>2</sup> ini, tetapi oleh kerana FAMA sa-buah badan yang baharu dan sa-buah badan yang di-tubuhkan oleh Kerajaan, menjadi kebiasaan tidak dapat di-terima oleh ra'ayat dengan sertamerta, tambahan pula ada penghasut<sup>2</sup> yang hendak menghancurkan FAMA ini, sa-tengah-nya datang daripada parti Pembangkang sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, FAMA tidak membeli semua padi yang di-keluarkan oleh petani dalam negeri kita. FAMA hanya membeli padi daripada sa-tengah<sup>2</sup> kawasan saperti di-Tanjong Karang. Di-tempat<sup>2</sup> lain FAMA hanya mengeluarkan lesen sahaja kapada orang persaoiran atau pun

kapada sharikat<sup>2</sup> untok membeli padi daripada orang di-tempat itu dengan menentukan harga sa-banyak \$16 satu pikul. Padi<sup>2</sup> yang di-bawa oleh petani itu sa-tengah-nya bersech, sa-tengah-nya kurang bersech, sa-tengah-nya basah dan sa-tengah-nya kering. Maka dengan sebab itu FAMA menentukan supaya di-gunakan moisture meter untok menentukan basah dan kering padi yang di-bawa oleh petani<sup>2</sup> itu. Ini-lah satu perkara sahaja yang menjadi sungutan kapada petani<sup>2</sup> apabila mereka tidak puas hati dengan potongan dengan menggunakan meter tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, sa-belum meter ini di-gunakan dahulu, maka petani<sup>2</sup> telah pun di-perah oleh orang tengah mengikut suka hati mereka sahaja menentukan moisture content padi yang di-bawa oleh mereka itu dan sekarang FAMA mendesak supaya mereka menggunakan meter.

Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat kebanyakan-nya menudoh FAMA tidak menjalankan kerja dengan betul atau pun pembeli<sup>2</sup> padi, tetapi tidak ada sa-orang pun Ahli Yang Berhormat dapat menolong FAMA bagi menentukan moisture content padi itu, 10%, 30% dan sa-bagai-nya. Saya berasa sangat suka-hati kalau ada Ahli Yang Berhormat boleh menolong keluaran sa-buah meter yang baharu yang mereka buat atau beli daripada negeri lain yang boleh menggantikan meter yang ada sekarang. Kami sanggup membeli daripada mereka itu, di-mana petani<sup>2</sup> tidak lagi merasai ragu<sup>2</sup> di-atas moisture content yang di-gunakan sekarang ini.

Bagitu juga ucapan Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, mengatakan dahulu harga padi tinggi dan sekarang turun dengan ada-nya FAMA. Ini tidak-lah betul. Turun naik harga padi ada-lah mengikut harga pasaran dunia. Sadikit hari dahulu kekurangan padi di-negeri lain menyebabkan harga padi di-Malaysia naik dan apabila FAMA di-tubuhkan padi telah banyak diseluruh dunia dan harga padi turun. Ini tidak boleh di-salahkan FAMA.

Dan Ahli Yang Berhormat itu sendiri mengatakan harga yang di-sebutkan hanya pakai agak<sup>2</sup> sahaja. Ini menunjukkan tidak ada kenyataan yang betul daripada beliau itu. Ini-lah dia soal yang di-hadapi oleh FAMA dalam soal ini dan sekarang dengan ada-nya badan yang baharu, maka

pemasaran padi dan beras yang di- kelolakan oleh FAMA itu akan di-pindahkan kepada Lembaga baharu dan kita berharap usaha<sup>2</sup> dan chara<sup>2</sup> yang lebeh berkesan akan dapat di-jalankan oleh Lembaga ini.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam):** Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab ada sa-orang daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat menyebutkan tentang bakal Pengerusi Lembaga ini, maka rasa saya perlu juga satu dua perkara yang patut saya sebutkan. Saya tidak berhajat untuk menjawab apa yang di-kemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Prai umpama-nya, tetapi sungguh pun demikian patut juga saya sebutkan di-sini, ia-itu tentang hasrat dan chita<sup>2</sup> Kerajaan menubuhkan Lembaga Padi dan Beras Negara ini bagi menyelaraskan dan menyatukan tugas<sup>2</sup> yang dahulu-nya di-jalankan oleh beberapa badan Kerajaan dan separoh Kerajaan. Saya tidak berhajat hendak berchakap panjang tentang itu, sebab Timbalan Menteri waktu mengemukakan tadi telah menjelaskan hal ini.

Ada satu dua chadangan Ahli Yang Berhormat dari Seberang Prai yang saya perchaya akan di-timbangkan oleh Lembaga Padi dan Beras ini apabila ia di-luluskan kelak oleh dua<sup>2</sup> Dewan Parlimen ini dan juga oleh Yang di-Pertuan Agong.

Tentang apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu ia-itu bawah Fasal 4 (d) itu tentang licensing ia-itu izinkan saya, Tuan Yang di-Pertua, berchakap dalam bahasa Inggeris sedikit. I can assure the Honourable Member that the Board will implement the functions and in the execution of their duties nobody will suffer except those who involve themselves, probably, in smuggling and other things which are detrimental to the nation or against any law which now exists, otherwise no one will suffer from the establishment of this authority.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat menyebutkan tentang Pengerusi dan Timbalan Pengerusi-nya patut bertugas penuh ia-itu boleh-lah saya terangkan di-sini walau pun bakal Pengerusi ini ada-lah sa-orang yang tidak bertugas dengan penuh ia-itu part-time, tetapi Timbalan Pengerusi-nya sa-orang daripada yang berkelayakan yang mempunyai pengalaman yang luas didalam pekerjaan<sup>2</sup> yang telah di-lakukan

pada masa<sup>2</sup> yang telah lalu dan saya perchaya dengan kerjasama daripada pehak Ahli<sup>2</sup> Lembaga yang lain perjalanan Lembaga Padi dan Beras Negara ini akan berjalan dengan lichen.

Ahli Yang Berhormat dari Besut, inshe' Allah masa akan datang memang akan kurang-lah publicity, melainkan di-tempat<sup>2</sup> yang perlu kerana apa yang pentingkan sekarang kerana Lembaga Padi dan Beras ini berchita<sup>2</sup> untuk meninggikan taraf petani<sup>2</sup> dan mengurangkan daripada menjadi mangsa orang tengah sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh sa-orang dua daripada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat tadi. Saya perchaya dengan pengalaman yang telah lalu dan apa juga yang di-fikirkan tidak sesuai pada masa pelancaran menjaga hal ehwal padi ini pada masa yang telah lampau akan dapat diperbetulkan pada masa akan datang dengan kerjasama daripada semua pehak. Terima kaseh.

**Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri (Tuan Abdul Taib bin Mahmud):** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin menguchapkan ribuan terima kaseh atas sokongan Ahli Yang Berhormat. Chadangan<sup>2</sup> daripada Ahli Yang Berhormat dari Kubang Pasu Barat, Ahli Yang Berhormat dari Besut dan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Selangor, saya ambil perhatian sa-tengah daripada tegoran<sup>2</sup> mereka telah pun di-jawab oleh Yang Berhormat daripada Muar Dalam siapa yang akan menjadi Pengerusi badan ini. I think, Mr Speaker, that the Honourable Member for Batu will be quite satisfied with the assurance given by the prospective Chairman of this body in that he will implement and carry out his power with strict justice and fairness. I think his criticism on FAMA has been sufficiently replied by my Honourable colleague, the Minister of National and Rural Development. Maka saya suka hendak menjawab sedikit tegoran<sup>2</sup> Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara. Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara telah menchadangkan supaya sistem GMP atau pun Guaranteed Maximum Price untuk beras. Dalam fikiran saya sendiri barangkali chadangan ini tidak usah di-jalankan kerana di-bawah Undang<sup>2</sup> yang lepas harga<sup>2</sup> barang yang di-perlukan hari<sup>2</sup> dapat di-kawalkan dan lembaga yang baharu di-tubuhkan dengan Undang<sup>2</sup> ini akan mewarithi kuasa<sup>2</sup> mengawal harga barang<sup>2</sup> keperluan yang telah ada di-bawah Undang<sup>2</sup>

Control of Price Ordinance. Itu daripada segi beras ia-itu menjangakan kepentingan pengguna<sup>2</sup> beras, tetapi kita jangan-lah lupa ia-itu dalam menjalankan kuasa Lembaga ini dua perkara patut di-timbang bersama<sup>2</sup> ia-itu menjamin supaya harga padi itu tidak turun supaya kepentingan petani<sup>2</sup> kita tidak tersentuh dan menjamin juga harga beras supaya orang ramai yang menggunakan beras tidak akan juga menjadi rugi. Jadi, walau pun kita tidak ada Guaranteed Maximum Price untuk beras barangkali dengan Undang<sup>2</sup> yang ada pada masa sekarang ini sudah cukup untuk menahan—mengawalkan supaya harga beras tidak akan naik melambong<sup>2</sup>.

Mengenai chadangan hendak mengilangkan beras kita terutama sa-kali manakala pengeluaran beras dalam negeri akan bertambah pada masa akan datang, ini saya anggapkan sa-bagai perkara yang penting dan akan di-timbang oleh Lembaga ini seperti saya telah nyatakan dalam ucapan saya mula<sup>2</sup> tadi.

Ada satu tegoran Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara ia-lah mengatakan supaya di-adakan Undang<sup>2</sup> menchegeh penipuan terutama sa-kali terhadap petani<sup>2</sup> yang sering kali meminjam wang. Berkenaan dengan kesalahan menipu, saya fikir Undang<sup>2</sup> Jenayah kita yang ada sudah cukup, tetapi kalau dia bermaksud bahawa kita patut menjangakan petani<sup>2</sup> kita supaya mereka tidak menjadi mangsa orang<sup>2</sup> meminjam wang dan berkehendakkan kepada faedah<sup>2</sup>, atau pun bunga<sup>2</sup> wang yang tinggi. Perkara ini agak rumit di-selesaikan dengan serta-merta tetapi memang-lah tujuan Kerajaan untuk menghadapi segala soal<sup>2</sup> ini dan soal<sup>2</sup> ini berkehendakkan kepada pengertian ra'ayat sendiri, ketegasan ra'ayat sendiri untuk mempertahankan hak-nya sendiri dan sambil Kerajaan memberikan kemudahan<sup>2</sup> mithal-nya Bank Pertanian untuk memberikan kepada mereka peluang meminjam wang yang mempunyai faedah yang tertentu, faedah yang tidak akan naik melambong<sup>2</sup>, maka mengenai dengan perkara ini, saya akan memberi nasehat di-sini supaya peladang<sup>2</sup> kita di-tempat<sup>2</sup> yang sudah di-datangi oleh Bank Pertanian menggunakan kemudahan<sup>2</sup> yang di-beri oleh Bank Pertanian yang memberi pinjaman untuk production credit atau pun pinjaman khas-nya untuk membeli baja, untuk membayar upah membajak dan lain<sup>2</sup>-nya.

Jadi kalau kemudahan<sup>2</sup> ini di-gunakan oleh petani benar<sup>2</sup>, barangkali soal upah membajak yang tinggi sangat itu dapat-lah di-elakkan. Pihak Bank Pertanian akan bekerjasama kalau di-kawasan Kedah dengan MADA dan badan<sup>2</sup> lain supaya dapat mengatorkan langkah<sup>2</sup> yang baik yang dapat menolong petani<sup>2</sup> kita mendapat pinjaman, atau pun memberi nasehat<sup>2</sup> yang baik sa-chara mana mereka dapat pinjaman yang rendah dan dapat menambahkan lagi hasil<sup>2</sup> pertanian mereka.

Ada satu chadangan yang mengatakan bahawa Kerajaan patut mendirikan kilang dan petani<sup>2</sup> patut-lah di-suruh hanya mengupah belanja mengilang beras mereka, mengeringkan beras mereka dan biar-lah petani sendiri yang menjualkan beras yang sudah di-kering dan di-kilang itu. Saya rasa ini tidak akan memberi faedah besar kepada petani<sup>2</sup> kita kerana soal yang besar kepada petani<sup>2</sup> ia-lah soal memasarkan hasil<sup>2</sup> pertanian mereka supaya mendapat harga yang berpatutan. Ini-lah tujuan Rang Undang<sup>2</sup> ini dan saya rasa hanya badan yang mempunyai kuasa yang cukup lebar dan luas yang dapat menyentuh soal ini sedikit demi sedikit. Dan soal pemasaran ini ada-lah soal yang sangat kompleks dan seperti yang telah di-bangkitkan dalam cerita FAMA maka banyak-lah salah faham di-antara petani<sup>2</sup> kita yang mengatakan FAMA tidak bekerja untuk faedah ra'ayat. Tetapi yang sa-benarnya manakala FAMA datang banyak perkara<sup>2</sup> yang timbul mithal-nya harga padi dan beras di-seluruh rantau ini turun dan pada tahun yang lepas saya sendiri tahu bahawa petani<sup>2</sup> kita telah menghadapi masa yang basah, lebeh basah ia-itu hujan yang turun lebeh lama dan masa panas itu tidak datang cukup awal. Jadi banyak-lah padi<sup>2</sup> kita yang di-perolehi oleh petani<sup>2</sup> kita basah dan terpaksa-lah bukan sahaja FAMA dan juga badan<sup>2</sup> lain semua membeli padi itu dengan sa-chara murah, kerana menolakan berat ayer atau pun moisture content yang ada dalam padi itu.

Berkenaan GNP kita, ia-itu harga antara \$14-\$16 sa-pikul itu hanya menjamin harga penghabisan rendah padi yang cukup kering. Jadi kalau tidak cukup kering, terpaksa-lah kita turunkan harga-nya sedikit.

Saya tidak dapat memberi gambaran yang cukup terang mengenai dengan soal yang mana di-hadapi orang<sup>2</sup> yang bekerja di-dalam tanah sewa kerana ini soal yang



sangat kompleks. Saya rasa soal ini-lah satu daripada soal yang di-kajikan oleh Lembaga ini pada masa yang dekat yang akan datang ini dan saya rasa biar-lah kita lihat dahulu bagaimana Lembaga ini bekerja di-dalam sa-tahun dua ini. Biar-lah kita dapat memberi tegoran yang menasabah dan yang akan membena kerana badan ini pun baharu dimula<sup>1</sup> dan di-tubuhkan dengan sa-chara tidak rasmi. Hanya Pengerusi dan Timbalan Pengerusi sahaja yang sudah tentu, manakala ahli<sup>2</sup> lain dalam Lembaga ini belum lagi di-lantek dan kaki-tangan<sup>2</sup> pun baharu terdiri daripada yang kita warithi daripada Kementerian Perdagangan dan Perusahaan. Dan soal mewarithi kaki-tangan<sup>2</sup> daripada FAMA sedang di-timbangkan dan kita mestilah menimbangkan sa-berapa chepat kerana menjalankan soal pemasaran dan soal mengilang dan mengeringkan padi itu dalam masa yang akan datang ini.

Walau bagaimana pun, saya mempunyai harapan yang lebeh besar bahawa Lembaga ini mungkin akan lebeh ada peluang yang lebeh untok berjaya kerana kuasa-nya chukup luas bukan macham FAMA dalam mana kuasa-nya berbagi<sup>2</sup> dengan badan<sup>2</sup> lain. Jadi soal red-tape timbul, soal kurang kuasa timbul. Saya harap di-bawah Lembaga ini soal macham ini tidak akan timbul dan saya harap juga semua pentadbiran-nya akan berjalan dengan lichin. Itu-lah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, terima kaseh.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 hingga 3* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 4—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon meminda

Fasal 4 saperti yang di-nyatakan di-dalam surat pekeliling. Pindaan-nya saperti berikut:

*Fasal 4 (1) (b)—*

Gantikan perkataan “petani” dengan perkataan “pengguna<sup>2</sup>”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 4* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 5 dan 6—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya ingin menchadangkan supaya Fasal 6 di-pindakan saperti di-nyatakan dalam surat pindaan yang telah di-kelilingkan. Pindaan-nya saperti berikut:

*Fasal 6 (1)—*

Gantikan perkataan “menjalan dan melaksanakan” di-baris 4 kapada “penjanaan dan pelaksanaan”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 5 dan 6* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 7 hingga 11—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya ingin menchadangkan supaya Fasal 11 di-pindakan saperti yang ternyata dalam surat pindaan yang di-kelilingkan. Pindaan-nya saperti berikut:

*Fasal 11—*

Gantikan perkataan “Majlis” dalam hashiah dan di-baris 5 dengan perkataan “Lembaga”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 11* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 12 hingga 18—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya ingin menchadangkan

supaya Fasal 18 di-pindahkan seperti ternyata dalam surat pindaan yang di-perkelilingkan. Pindaan-nya seperti berikut:

*Fasal 18 (2)—*

Gantikan perkataan “terhadap-nya di-ambil tindakan” di-baris 3 dan 4 dengan perkataan “tindakan di-ambil terhadap-nya”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 12 hingga 18* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 19 hingga 22—*

**Tuan Haji Abdul Talib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya menhadangkan supaya Fasal 22 di-pindahkan dengan memansokhkan perkataan “ia” seperti tersebut dalam kertas pindaan yang di-kelilingkan. Pindaan-nya seperti berikut:

*Fasal 22 (2) (a)—*

Potong perkataan “ia” di-baris 6.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 19 hingga 22* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 23 hingga 27* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 28—*

**Tuan Haji Abdul Talib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan sa-bagaimana yang telah di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Pindaan-nya seperti berikut:

*Fasal 28 (1)—*

Gantikan perkataan “kebenaran” yang terdapat sa-lepas perkataan “keizinan” di-baris 7 dengan perkataan “kuasa”.

*Fasal 28 (2)—*

Masokkan perkataan “orang” di-antara “pada” dan “yang di-tuboh” di-baris yang akhir.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 28* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 29 hingga 37—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan sa-bagaimana yang telah di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Pindaan-nya seperti berikut:

*Fasal 37 (2)—*

Gantikan perkataan “lembaga itu” di-baris 12 dengan perkataan “jema’ah”.

*Fasal 37 (3)—*

Gantikan perkataan “Bahagian” di-baris 5 dengan perkataan “Akta”.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Fasal 29 hingga 37* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Fasal 38* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual—*

**Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud:** Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan pindaan sa-bagaimana yang telah di-edarkan kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat. Pindaan-nya seperti berikut:

*Jadual—*

Potong perkataan “itu” yang terdapat di-baris 2 dalam perenggan 2.

Pindaan di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

*Jadual* yang di-pinda di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan pindaan<sup>2</sup>: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (PINDAAN) (No. 2)

### Bachasan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato’ Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menhadangkan ia-itu suatu Akta bagi

meminda Ordinan Dewan Bahasa dan Pustaka 1959 di-bachakan kali yang kedua.

Saperti yang saya nyatakan di-dalam Dewan ini pada bulan Mach yang lalu, semenjak tertubuh-nya Dewan Bahasa dan Pustaka dalam tahun 1959, tugas<sup>2</sup> dan tanggung-jawab Dewan itu telah bertambah berat dan luas. Untuk menemui keadaan ini ada-lah mustahak bagi susunan dan pentadbiran-nya di-perkemaskan. Sa-lain dari itu, terdapat beberapa peruntukan dalam Akta Dewan Bahasa dan Pustaka sekarang ini yang telah menjadi usang. Oleh yang demikian, tujuan pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan ada-lah untuk melicinkan perjalanan pentadbiran Dewan Bahasa dan Pustaka, sesuai dengan keadaan dan tugas<sup>2</sup> Dewan itu pada masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada seksyen 2 berhubung dengan ahli ganti ia-itu (alternate member) ada-lah lanjutan kepada pindaan yang di-chadangkan terhadap seksyen 4. Pindaan kepada seksyen 4, berkenaan dengan keanggotaan Lembaga Pengelola, tidak menyebutkan ahli ganti kerana keanggotaan Lembaga Pengelola yang di-chadangkan tidak memerlukan ahli<sup>2</sup> ganti di-lantek. Dengan pindaan yang di-chadangkan pada seksyen 4 itu, Keanggotaan Lembaga Pengelola akan terdiri daripada Ketua Setiausaha, Kementerian Pelajaran, Ketua Pengarah Pelajaran, sa-orang ahli yang di-lantek oleh Majlis Raja<sup>2</sup> dan 10 orang yang di-lantek oleh Menteri Pelajaran. Susunan sa-mula keanggotaan Lembaga Pengelola ini di-chadangkan kerana peruntukan sekarang ini sangat-lah terbatas dan juga untuk memberi budibichara yang luas kepada Menteri untuk melantek anggota<sup>2</sup> yang sesuai bagi keperluan Dewan itu.

Seksyen 5 (v) di-mansokhkan kerana objektif berkenaan telah pun tercapai. Lagi pun ia-nya di-liputi pula oleh seksyen 5 (i).

Tuan Yang di-Pertua, satu perbekalan baharu, ia-itu seksyen 5A, di-chadangkan dengan tujuan hendak menyatakan dengan terang tanggung-jawab dan kuasa Lembaga Pengelola serta membolehkan Lembaga Pengelola menurunkan sebarang kuasa-nya kepada Ketua Pengarah. Seksyen 26 dan 27 sekarang ini, mengenai kuasa Lembaga Pengelola untuk membuat undang<sup>2</sup> dan peratoran<sup>2</sup>, tidak meliputi semua kuasa dan

tanggung-jawab Lembaga Pengelola yang mungkin boleh di-perturunkan kepada Ketua Pengarah.

Quorum yang di-kehendaki oleh seksyen 7 pada masa ini ia-lah sa-ramai 8 orang, sa-lain daripada Pengerusi. Ini di-fikirkan ter-lalu besar dan tidak praktik. Yang demikian ada-lah di-chadangkan bilangan quorum ini di-kurangkan kepada lima orang.

Kemasokan syarat kepada seksyen 5 (i) dan seksyen 5 (2) di-chadangkan kerana perbekalan<sup>2</sup> itu tidak di-perlukan lagi dengan ada-nya kuasa Lembaga Pengelola untuk menurunkan kuasa dan tanggung-jawab kepada Ketua Pengarah mengikut seksyen 5A yang baharu ini.

Pindaan kepada seksyen 26 ia-lah untuk memberi kuasa kepada Lembaga Pengelola, dengan persetujuan Menteri, membuat undang<sup>2</sup> mengenai peratoran<sup>2</sup> bagi mengawasi dan mengurus Tabong Dewan Bahasa dan Pustaka, ia-itu sa-buah tabong Kumpulan Wang Dewan yang di-gunakan untuk membayar gaji kaki-tangan-nya dan memberi pinjaman kepada kaki-tangan<sup>2</sup> Dewan itu untuk membeli kenderaan dan rumah.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad (Pasir Mas Hulu):** Dato' Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini, tetapi saya suka membuat satu tegoran terutama sa-kali ia-lah berkenaan dengan sistem ejaan bahasa Malaysia kita.

Dato' Yang di-Pertua, di-Universiti Malaya menggunakan sistem ejaan, Kementerian<sup>2</sup> menggunakan sistem ejaan, Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan sistem ejaan yang tidak bersistem langsung. Bagi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka menggunakan Sistem Za'aba, tetapi bagi majallah<sup>2</sup> saperti Dewan Masharakat berbagai<sup>2</sup> sistem ejaan yang di-gunakan.

Apa-kah maksud sistem ejaan yang berbagai ini. Dato' Yang di-Pertua, itu saya ta' faham. Itu-lah sebab-nya. Dato' Yang di-Pertua, banyak rakan<sup>2</sup> kita daripada bangsa lain yang hendak belajar Bahasa Malaysia tidak mendapat dorongan yang sewajar-nya.

Dato' Yang di-Pertua, soalan ejaan ini . . .

**Tuan Hanafiah bin Hussain (Jerai):** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya apakah berkaitan-nya dengan Bill ini?

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** Ini berkenaan lantikan Ahli<sup>2</sup> Lembaga. Saya harap Ahli<sup>2</sup> ini akan mengkajikan sa-mula berkenaan dengan sistem ejaan.

**Tuan Hanafiah bin Hussain:** Ada-kah berkenaan dengan sistem ejaan atau pun, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan lantikan<sup>2</sup> Ahli<sup>2</sup> Lembaga, itu yang saya hendak tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia sambong berkenaan itu di-belakang.

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** Saya harap Ahli itu dengar sedikit dahulu, Dato' Yang di-Pertua, sa-belum saya habis. Saya ta' hendak membuang masa, Dato' Yang di-Pertua, berkenaan dengan perkara ini, chuma yang kita hendak ia-lah berkehendakan bagaimana dapat kita menyatukan ejaan ini. Masaalah ini jikalau-lah bagini kechil tidak dapat di-laksanakan oleh Kerajaan. Pada fikiran saya Rancangan Yang Kedua Malaysia pun tidak tentu juga akan di-laksanakan. Dato' Yang di-Pertua, chuba kita tengok bahasa Inggeris, di-England ejaan-nya Bahasa Inggeris satu, di-Amerika pun berchakap Inggeris, bahasa ejaan-nya pun satu—bagitu juga lain<sup>2</sup> negara. Tetapi mengapa-kah Bahasa Malaysia kita tidak ada satu<sup>2</sup> sistem yang tertentu. Ini-lah saya minta Dewan Bahasa dan Pustaka atau pun yang bertanggung-jawab mengambil satu<sup>2</sup> tindakan yang tegas supaya memberi kesenangan dan tidak bingung anak<sup>2</sup> kita di-bangku sekolah berkenaan dengan ejaan<sup>2</sup> di-dalam Bahasa Malaysia kita ini. Dan bagitu juga akan memberi faedah kepada peminat<sup>2</sup> bahasa kita. Terima kaseh.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka juga mengambil bahagian di-dalam perbincangan sedikit timbul daripada pandangan sahabat saya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas Hulu. Fasal ejaan tadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya Ahli Yang Berhormat ini keliru berkenaan dengan Dewan Mesherakat, sa-benar-nya Dewan Masharakat (*Ketawa*).

**Tengku Zaid bin Tengku Ahmad:** Sebab ejaan ta' betul, Dato' Yang di-Pertua, sebab itu saya ta' dapat bacha betul.

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Masharakat dalam bahasa Melayu. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya perkembangan ejaan di-dalam negara kita ini kalau pada orang yang tidak mengikut-nya daripada awal memang kebingongan. Sa-benar-nya memang ada ejaan yang tetap di-pakai hari ini disekolah<sup>2</sup> memang ada menjalankan, di-katakan Ejaan Za'aba dan usaha Kerajaan daripada semenjak tahun 1959 telah menubuhkan Jawatan-kuasa Ejaan ini hendak mengadakan satu ejaan yang sama dengan pehak Indonesia yang sama usul asal bahasa-nya. Perkembangan dan pertumbuhan bahasa di-dua<sup>2</sup> negara ini ada berlainan sedikit mengikut kepada perkembangan dan pertumbuhan politik dan sosial-nya. Maka dengan sebab itu-lah perkembangan dan pertumbuhan bahasa-nya ada juga berlainan. Tetapi oleh sebab hendak menyatukan ejaan ini supaya dapat bahan<sup>2</sup> bahaan di-dua negara ini dapat di-bacha sama oleh penduduk<sup>2</sup> di-dua<sup>2</sup> buah negara, maka usaha hendak menyatukan ejaan ini telah di-jalankan oleh Kerajaan kita yang telah di-setuju oleh Kerajaan Indonesia . . . . .

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini ejaan dalam bahasa romanise atau Jawi?

**Tan Sri Syed Nasir bin Ismail:** Ini yang di-tujukan oleh Ahli Yang Berhormat tadi rumi—tulisan-nya bukan bahasa-nya. Tuan Yang di-Pertua, ejaan dia, tulisan rumi bukan ejaan jawi.

Tuan Yang di-Pertua, jadi dengan sebab kegagalan bagi pehak yang pertama dengan sebab rejim dahulu maka satu usaha yang baharu sa-telah tamat konfrantasi di-adakan sa-mula. Maka telah dapat persetujuan yang di-katakan Ejaan Malindo, ia-itu ejaan yang di-setujui oleh kedua<sup>2</sup> pehak yang menggunakan daripada asal-nya satu bunyi, satu tanda tetapi lepas itu di-rengankan lagi dan dapat persetujuan bersama daripada dua pehak Jawatan-kuasa ini dan sa-belum dapat persetujuan daripada dua<sup>2</sup> Kerajaan ini, maka Dewan Bahasa dan Pustaka telah menjalankan usaha untuk membiasakan familiarizing the population—membiasakan dengan mengadakan Dewan Masharakat ini tadi dengan mengadakan ejaan yang baharu ini, memperkenalkan ejaan baharu ini. Jadi sebab itu kekeliruan Ahli Yang Berhormat tadi kerana dia membacha situ sahaja, ta' membacha daripada mula-nya jadi keliru.

Jadi yang sa-benar-nya ejaan itu sudah ada dan rasa saya apabila terchapai persetujuan antara dua negara ini tentu akan dapat satu ejaan yang sama. Dan saya ta' bersetuju dengan dia mengatakan Inggeris dengan American itu sama ejaan-nya barangkali Ahli Yang Berhormat baharu sahaja balek dari Amerika tentu-lah ejaan "color" dengan "colour" itu lain bahkan bahasa-nya juga lain. Apartment, kalau di-sini flat sana apartment, flat di-sana tayar-nya panchit. Jadi ada banyak kalau hendak di-beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, tetapi masa sudah suntok dengan sebab itu, saya menyokong Rang Undang<sup>2</sup> ini terutama tentang keanggotaan-nya kerana ini merupakan betul<sup>2</sup> realistik keanggotaan-nya, kalau dapat Yang Berhormat Menteri melantek orang<sup>2</sup> yang betul<sup>2</sup> berminat di-dalam bahasa ini. Tetapi yang berminat-nya mengikuti, kalau yang berminat seperti Ahli Yang Berhormat tadi ta' mengikuti perkembangan dan pertumbuhan bahasa takut ta' dapat-lah menjadi anggota di-sini. Jadi itu-lah sokongan saya, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Tuan Yang di-Pertua, saya terhutang budi-lah kepada sahabat saya (*Ketawa*) Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam memberi penjelasan di atas sejarah ejaan bersama ini. Bagaimana yang di-terangkan oleh-nya, dia telah memandu daripada awal-nya dan pada masa ini telah meletakkan tanggungan-nya berkenaan dengan itu dan yang di-pikulkan oleh saya. Masalah sistem ejaan sama ini ia-lah dalam pandangan Kerajaan dan bagaimana yang di-terangkan menunggu persetujuan daripada sahabat kita dari Indonesia. Dan saya berharap dalam masa yang tidak berapa lama lagi saya dapat memberi pengumuman di-Dewan ini berkenaan dengan Common System itu di-antara negara kita dengan Indonesia.

Saya menguchapkan berbanyak terima kaseh kepada Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat semua oleh kerana tidak ada memberi apa<sup>2</sup> tegoran kepada Rang Undang<sup>2</sup> ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat Jawatan-kuasa*)

*Fasal 1 dan 2* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

*Jadual* di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

## RANG UNDANG<sup>2</sup> UNIVERSITI DAN KOLEJ UNIVERSITI (PINDAAN)

*Bachakan Kali Yang Kedua dan Ketiga*

**Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan ia-itu Suatu Akta bagi meminda Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, di-bachakan kali yang kedua sekarang.

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, yang telah di-luluskan oleh Parlimen dalam sidang bulan Mach tahun ini dan diperkenalkan oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, mula berkuat-kuasa pada 29hb April, 1971. Di-masa Rang Undang<sup>2</sup> itu di-bahathkan di-Dewan Negara, Dewan itu telah melahirkan perasaan tidak puas hati-nya terhadap sekshen 6 (2) yang berkehendakkan Perintah Perbadanan di-bentangkan dalam meshuarat Dewan Ra'ayat sahaja. Kerajaan telah mempertimbangkan sa-mula peruntukan ini dan pindaan yang di-chadangkan kepada Sekshen 6 (2) itu ia-lah supaya Perintah Perbadanan itu di-bentangkan di-*kedua<sup>2</sup>* Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat.

Tuan Yang di-Pertua, sungguh pun demikian pindaan itu juga berbedza daripada perbekalan yang ada sekarang ia-itu tidak di-kehendaki lagi satu usul di-bawa ka-Dewan ini atau pun ka-Dewan Negara bagi di-persetujukan sa-belum perintah Perbadanan itu berjalan kuat-kuasa-nya. Di-sebabkan Kerajaan memikirkan ia-itu perintah Perbadanan ia-lah executive act dan kuasa mengeluarkan perintah itu ia-lah telah di-tanggungkan kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Kerajaan tidak-lah berfikir perkara itu mustahak perintah Perbadanan ini di-bawa sama ada ka-Dewan Ra'ayat atau pun ka-Dewan Negara ini bagi di-persetujukan.

Tetapi bagaimana saya terangkan tadi perentah Perbadanan itu akan di-bentangkan di-dalam kedua<sup>2</sup> Dewan, ia-itu Dewan ini dan juga di-Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa Perentah Perbadanan akan di-bentangkan di-kedua<sup>2</sup> Dewan Negara dan Dewan Ra'ayat, ada-lah di-fikirkan bahawa akaun<sup>2</sup> universiti yang telah di-odit, juga patut di-bentangkan di-Dewan Negara. Inilah tujuan pindaan yang di-chadangkan terhadap Sekshen 11 (4).

Semenjak berkuat-kuasa-nya Akta itu, beberapa rayuan telah di-terima dari universiti<sup>2</sup>. Sa-telah meneliti rayuan<sup>2</sup> berkenaan, ada-lah di-fikirkan bahawa peruntukan<sup>2</sup> berikut di-dalam Jadual kapada Akta itu perlu di-pinda.

Sekshen 17 (1) (c) Jadual. Pindaan yang di-chadangkan ia-lah untuk memasukkan Dekan<sup>2</sup> ka-dalam keanggotaan Senate kerana tidak sa-mesti-nya semua Dekan<sup>2</sup> terdiri daripada Professor<sup>2</sup>. Mengikut perbekalan sekarang ini, hanya Professor<sup>2</sup> sahaja di-sebutkan dalam keanggotaan Senate dan tidak Dekan<sup>2</sup>.

Sekshen 17 (1) (d) Jadual. Mengikut perbekalan sekarang ini, keanggotaan Senate hendak-lah terdiri, antara lain, daripada kaki-tangan<sup>2</sup> akademik sa-ramai tidak lebih daripada 10 orang (sa-kurang<sup>2</sup>-nya tiga orang daripada mereka hendak-lah Pen-sarah dalam perjawatan tetap) yang di-lantek oleh Chanselar mengikut nasehat Senate. Perbekalan ini di-fikirkan sangat terhad kerana sa-buah universiti yang mempunyai banyak fakulti dan jabatan akan memerlukan lebih dari 10 orang lain<sup>2</sup> kaki-tangan akademik menjadi anggota Senate. Pindaan yang di-chadangkan ia-lah untuk membolehkan bilangan lain<sup>2</sup> orang itu di-tetapkan oleh Statute.

Sekshen 20 (1) Jadual. Pindaan yang di-chadangkan ia-lah untuk membolehkan lebih dari satu Lembaga Pemilih ia-itu selection board di-adakan.

Mungkin juga di-fikirkan bahawa pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan ini tidak perlu oleh kerana mana<sup>2</sup> kekurangan dalam peruntukan<sup>2</sup> yang ada boleh di-tambah melalui satu Perentah Yang di-Pertuan Agong di-bawah sekshen 26 Akta bagi Perlembagaan sa-suatu Universiti. Tuan Yang di-Pertua

ada-lah di-tegaskan bahawa pindaan<sup>2</sup> yang di-chadangkan itu perlu oleh kerana kekurangan<sup>2</sup> ia-itu yang "latent" yang terdapat di-dalam Jadual kapada Akta itu hendak-lah di-tambah sekarang sebab Jadual itu merupakan asas Perlembagaan semua universiti yang menentukan sa-berapa banyak persamaan yang boleh dalam Perlembagaan universiti<sup>2</sup>.

Sekshen 55 (1) dan (2) Jadual kapada Akta yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong, atas permintaan Majlis yang di-sampaikan melalui Chanselar, dengan perentah meminda mana<sup>2</sup> daripada peruntukan<sup>2</sup> Perlembagaan Universiti, di-chadangkan supaya di-mansuhkan kerana ia-nya tidak di-perlukan lagi memandangkan kapada sekshen 26 Akta itu yang membolehkan Yang di-Pertuan Agong, dengan perentah mengechualikan, mengubah atau menambah kapada mana<sup>2</sup> peruntukan Jadual berkenaan dengan Perlembagaan Universiti.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon men-chadangkan.

**Dato' Ong Kee Hui:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Dr Tan Chee Khoon:** Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk berchakap tentang Rang Undang<sup>2</sup> yang di-kemukakan oleh Menteri Pelajaran. Dan di-samping itu saya juga hendak mohon izin untuk berchakap dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita membahaskan Rang Undang<sup>2</sup> Universiti dan Kolej, saya telah men-chadangkan Kerajaan mengambil perhatian atau meminda beberapa perkara di-dalam Rang Undang<sup>2</sup> tersebut. Tetapi malang-nya, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan langsung tidak mengambil perhatian atau menerima chadangan<sup>2</sup> yang di-beri oleh saya apabila kita membahaskan Rang Undang<sup>2</sup> tersebut.

Pada hari ini nampak-nya Kerajaan Perikatan atau Menteri Pelajaran pada hari itu menerima chadangan<sup>2</sup> yang di-sebutkan oleh saya. Oleh sebab yang pertama tentang Dekan, saya telah menerangkan kapada Menteri Pelajaran Dekan mesti menjadi anggota di-dalam Senate di-sasabua<sup>2</sup> universiti. Tetapi malang-nya Kerajaan begitu ramai undi di-sini tidak langsung peduli tentang chadangan saya.

Tentang pindaan yang kedua Sekshen 17 (1) pindaan yang di-dalam Akta ini telah di-ubahkan, di-batalkan dan sekarang Kerajaan hendak meminda Sekshen ini seperti ini—"Such other persons as may be prescribed by statute". Pada masa itu saya telah menerangkan jika kita lantek 10 orang oleh Chancellor di-dalam Senate, maka 10 orang itu tidak chukup, dan jika di-lantek oleh Chancellor, maka Chancellor di-nasihatkan oleh Vice-Chancellor semua anggota<sup>2</sup> di-Senate semua orang mesti—di-dalam bahasa Inggeris-nya—"Must be goodie goodie with the Vice-Chancellor so that he can be nominated to sit on the Senate by the Chancellor".

Tentang Lembaga Pemilihan, Tuan Yang di-Pertua, pada masa itu juga saya mengatakan bagaimana-kah sa-buah Lembaga Pemilihan sahaja boleh membuat semua kerja di-dalam sa-buah universiti, terutama di-dalam Universiti Malaya. Malang-nya, chadangan ini pun tidak di-terima oleh Kerajaan Perikatan.

(Dengan izin) Mr Speaker, Sir, I hate to say "I told you so". But these amendments that are brought to the House today were exactly the amendments which I had brought to the attention of the Minister not because we want to *kachau*, but borne out of experience that quite a number of us in this House have with the running of universities. I do hope that in such matters, Mr Speaker, Sir, the Government will pay attention to what we say from this side of the House and will accept the constructive amendments that we make to the Minister, so that we can make a better do, a better go, of this Act.

Mr Speaker, Sir, at the time when we debated the Universities and University Colleges Act, I distinctly remember the Minister of Education telling us that there will be no restriction, that this Act will not restrict the activities of the students. I refer, in particular, to Section 50 of the Schedule where the Schedule talks about the activities of the affiliation of the university student bodies with other student bodies in this country and with also other student bodies outside this country. I distinctly remember the Minister giving us an assurance that there will be no restriction. I do not know whether the Minister is aware that there is a restriction now. There is a proposal, Mr Speaker, Sir, to set up an Asian Students Association—ASA—and I think this country

should be proud that our students can set up an Asian Students Association to be located in Kuala Lumpur—its headquarters is in Kuala Lumpur. But, unfortunately—this I do not hold against the Minister of Education because I do not think he even knows about it (*Ketawa*)—unfortunately, the Registrar of Societies has said, "No, I cannot register this Society", and he quotes Section 7 (3) (a) of the Societies Act and I read, with your permission, Mr Speaker, Sir, the reasons why he has not agreed to register the Asian Students Association. It says:

"The Registrar shall refuse to register a local society where it appears to him that such local society is unlawful under the provisions of this Act or any other written law or is likely to be used for unlawful purposes or any purpose prejudicial to or incompatible with peace, welfare and good order or morality in the Federation."

Now, Mr Speaker, Sir, I do not see why, when the students want to set up an international body in this Asian region, to be located in Kuala Lumpur, the Registrar of Societies should say that it can be used as an unlawful body or prejudicial to or incompatible with peace, welfare and good order or morality in the Federation. I do hope that when the students apply again to the Registrar of Societies, the Minister of Education will lend his good services to the students, so that this Asian Students Association will be registered. This country should be proud that our younger generation in our universities is taking a lead in student affairs in this country and not take the attitude, like the reason given by the Registrar of Societies—that it will be used for unlawful purposes.

Mr Speaker, Sir, since the passing of this Universities and the University Colleges Act, the students have a new cause to be restless, and I have here with me a copy of the *Mahasiswa Negara* dated 24th May, 1971; and this issue is full of student protests against that Act. It says here in big headlines, Mr Speaker, Sir, "New Act weakens the students body". With your permission, Mr Speaker, Sir, I would like to read a little bit of the editorial of this issue of the *Mahasiswa Negara*. It reads:

"Ordinan No. 74 yang telah menjadi Undang<sup>2</sup> itu banyak mengandongi perkara<sup>2</sup> yang tidak jelas. Umpama-nya, perkataan<sup>2</sup>

yang di-nyatakan bahawa mahasiswa tidak boleh menyokong atau bersimpati atau menentang mana<sup>2</sup> parti politik atau kesatuan sa-kerja boleh di-salah interpretasikan oleh Ahli Politik. Sa-lama ini Persatuan Mahasiswa telah mengambil sikap politik yang tidak menyebelahi mana<sup>2</sup> parti politik, tetapi ini bukan-lah bermata bahawa mahasiswa tidak pernah menyuarakan pendapat terhadap perkembangan politik di-negeri ini. Tidak-kah masuk akal bila mahasiswa memberi pendapat berkenaan dengan perkembangan politik dia di-anggap sa-bagai telah melakukan satu subversive, malah sikap ambil berat ini sa-mesti-nya di-anggap sa-bagai manifestasi bahawa mahasiswa juga bermain peranan yang bertanggung-jawab dalam process democracy di-Malaysia ini. Oleh itu ada-lah di-harapkan agar pihak Kerajaan memikirkan kembali soal ini dan tidak tergesa<sup>2</sup> untuk menimplikasikan Ordinan No. 74 yang telah menjadi Akta Universiti dan Universiti Kolej, 1971 ini patut di-fikirkan kembali untuk membaiki semua pihak sama ada pihak mahasiswa, pihak Universiti atau pun pihak Kerajaan."

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Kerajaan Perikatan telah mengakui ada beberapa perkara di-dalam Akta yang di-luluskan di-dalam Dewan ini tidak sesuai dan jika Kerajaan boleh mendengar pendapat, pandangan<sup>2</sup> atau hasrat<sup>2</sup> mahasiswa<sup>2</sup> di-negara kita, Kerajaan sa-patut-nya dan terpaksa mengambil pindaan di-persidangan Dewan ini yang akan datang untuk membaiki Akta ini mengikut hasrat<sup>2</sup> mahasiswa<sup>2</sup> di-negara kita. Terima kasih.

**Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka):** *(Dengan izin)* Mr Speaker, Sir, we have before us a Bill to amend the Universities and University Colleges Act, 1971 passed in this House only three months ago.

It is highly regrettable that the Government has not taken this opportunity to make further amendments to this Act in accordance with representations it has received from all the student organisations in the country, namely:

- 1 Persatuan Kebangsaan Pelajar<sup>2</sup> Malaysia.
2. Persatuan Kebangsaan Pelajar<sup>2</sup> Islam Malaysia.

3. Gabongan Pelajar<sup>2</sup> Melayu Semenanjung.
4. Persatuan Bahasa Melayu, University of Malaya.
5. Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Islam Kolej Pertanian.
6. Persatuan Siswa Islam Maktab Teknik.
7. Persatuan Mahasiswa, University of Malaya.
8. Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Maktab Perguruan Ilmu Khas.
9. Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Maktab Teknik.
10. Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Kolej Pertanian.
11. Persatuan Mahasiswa Islam, University of Malaya.
12. Persatuan Pelajar<sup>2</sup> Islam Maktab Perguruan Teknik.
13. Persatuan Mahasiswa Universiti Pulau Pinang.
14. Kesatuan Pelajar<sup>2</sup> Instituti Teknologi Mara.
15. Persatuan Mahasiswa Universiti Kebangsaan.

One of the most objectionable clauses in the Universities and University Colleges Act which should be amended is Clause 15 (1), which stipulated that "No Students' Council, Faculty Students' organisation or any body or group of students of a University shall have any affiliation with, or shall do anything which can be construed as expressing support, sympathy or opposition to any political party or trade union established and registered under the law relating to the registration of societies or trade unions or to any unlawful group or body of individuals."

This will stifle any identification on the part of students in the University and University Colleges with the problems of our society. This is because any concern with social, economic and cultural problems of the people, their poverty, backwardness and suffering, can be "construed as expressing support, sympathy or opposition to any political party."

For instance, if a student organisation decides to conduct a research into FLDA schemes, and should come to the conclusion that such schemes are not really uplifting the rural have-nots nor tackling the basic problem of landlessness in this country, such an



organisation could be "construed as expressing . . . opposition to" the ruling party, and such a student shall be guilty of an offence and shall be liable on conviction to a fine not exceeding one thousand dollars or six months' imprisonment or to both such fine and imprisonment.

This, I submit, will effectively muzzle the social conscience of our students, and ensure that our Universities and colleges will be churning out, not a new generation of Malaysian leaders with a social conscience and responsibility to dedicate themselves to improve this society, but a generation of unthinking robots.

Sir, other clauses such as Clause 16, Sections 48, 49, 50 and 51, Part V, should also be amended to remove all the restrictions now being placed on genuine and responsible student activities. Thank you.

**Dr Chen Man Hin (Seremban Timor):** *(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, I wish to add a few more words to what my colleague for Bandar Melaka has just said. Only two days ago we heard the Deputy Prime Minister, Tun Dr Ismail calling on the people of this country to help the youths and guide them so that they can tread the right path and this country can benefit from their efforts.

With this in the back of our mind, I would hesitate to consider this Bill in a favourable way, because the whole Bill itself has been designed to stifle student activities, the progress of the students in society and student contact with the outside world beyond the campus. The cream of our youth, the flower of our youth, the future leaders of this country, are gathered in our colleges and universities; and if we want our future leaders to benefit from their study in the university and put their theories into practice, I think we should let them exert their talents and let them have contacts with society, so that when they become future leaders, whether they be on the Alliance Benches or the Opposition Benches, they can contribute effectively to the development of this country.

The issue before this country as has been defined and discussed in this Parliament on the Second Malaysia Plan, are so basic—poverty and unemployment. These are issues which will require the best brains and the

best talents this country can supply. If we deny our students especially University students contacts with society, with the rough and tumble of society, with labour, I think we will not produce leaders who can effectively deal with the gut problems, that is to say, to deal with poverty problems, and unemployment problems that will face this country in the future. Therefore I call upon the Minister of Education to seriously re-study this Bill and amend it effectively so that the students in this country, college students and university students, will have an opportunity to express themselves effectively by having contacts with outside world, the world beyond the campus, so that they lead this country in the new ways of thought, as they did in the last general election when a group of them went round, not canvassing for any particular party but trying to form public opinion and to guide public opinion constructively—to vote in the proper leaders, the correct leaders to be State Assemblymen or Members of Parliament. Therefore, I ask the Minister of Education to seriously re-study this Bill and repeal those parts which will stifle the expression and progress of our student opinions and student thoughts.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara<sup>2</sup> yang di-bangkitkan ini ada-lah menyentoh perkara yang di-pandang berat, terutama sa-kali oleh penuntut<sup>2</sup> di-universiti dan oleh kerana Ahli<sup>2</sup> Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahathan ini bertutor dalam bahasa Inggeris, benarkan saya menjawab dalam bahasa Inggeris.

*(Dengan izin)* Tuan Yang di-Pertua, there have been few comments made by the Honourable Member for Batu and in addition to reading to us the Students Journal—I am sure the Honourable Member is aware that we also read this Students Journal, but it may be just to satisfy the representatives of the Student Unions who are in the public gallery there that he should display the Journal and read it to us—we are quite capable of reading these journals, and I can assure the Honourable Member that I do read students' journals and magazines. *(Tepok)*

As to this claim that the fact that these amendments are put in now is due to his wisdom and foresight when the Bill was first introduced to the House last March, I cannot

accept that claim. The wisdom is not his alone. We, as I have said, Sir, in this House, are not a rigid lot of individuals. We are pretty reasonable and at the same time we are pretty practical about things. If there are occasions to make amendments to improve this Act, we will do so, either at the instance of the Honourable Member for Batu, or at the instance of any other Honourable Members. (*Tepok*)

These amendments are made as a result of discussions with the University people, and we have gone into them. They are reasonable, they are practical and they make considerable improvement to the Act and that is why we accepted them—not because the Honourable Member for Batu suggested them.

Sir, may I touch first on the point raised by the Honourable Member for Batu as regards the Asian Students Association. Now, for the information of the House, so that we will not be misled, it seems that there have been many occasions here where the Honourable Members on the opposite side of this House are prone to misquote facts and give facts which are not true in fact. The Association that the Honourable Member for Batu mentioned is the Asian Students Association. Now, for the information of this House, this Association proposes to set up its headquarters here. This is not a question of affiliation to any students organisation, but it is one of establishing headquarters here, and as the Honourable Member has rightly pointed out, it comes within the jurisdiction of the Registrar of Societies. Now this is the point which is very relevant to the views expressed by student bodies as regards their rights and privileges.

Now, under this Act, they are student bodies and because they are student bodies, they are exempted from registration under the Registration of Societies Act. As soon as their constitution is approved by the University Council—now, may I remind the Honourable Member for Batu that he is the Chairman of the Council of the University of Malaya—as soon as the constitution is approved by the Council, the student body need not be registered under the Societies Ordinance. Now this is a right that any other societies or organisations do not possess. All these other societies come under the law of this land.

**Dr Tan Chee Khoon:** (*Dengan izin*) Tuan Yang di-Pertua, I think the Honourable Minister is a little off the track. I want to make it clear, Mr Speaker, Sir, I speak here not as the Chairman of the University Council, but as the Member for Batu (*Ketawa*). I have no *locus standi* as Chairman of the University Council here. I want to bring to the attention of the Minister that there is one body in the University of Malaya, namely, the Socialist Club and that club had to be registered by the Registrar of Societies. There are lots of exceptions.

**Tuan Hussein bin Dato' Onn:** I agree with the Honourable Member, that if students as a body want to participate or to be affiliated to a political party, or support any party or trade union, that is the present position, I agree.

Now, I also have received circulars from the students and in this respect I think the Honourable Member for Bandar Melaka need not have read out all those names which he read out—15 of them. We all have read them. We have gone into the points made in these circulars. There are one or two points there which we are going to consider. One is as regards the name of the student body in the University of Malaya and the other as regards the office bearers, the Council of the body. But as regards the other provisions and, in particular, the provisions regarding the objects and functions of any student body as stated in Section 48, Sub-section 8 of the Schedule, I had made clear it on behalf of the Government in the session of the Dewan in March that the Government regrets that it will not be able to accept the views presented to it by the student bodies to amend or repeal this section of the Schedule.

The position has not changed, and I have no further statement to make as regards the objects and functions of any student body in the University.

Now, let me make it clear that it has been purposely made to confuse or to mislead the students that they were prohibited completely from taking as individuals in the political activities of the country. That is not true. I have repeated that before. Students as individuals are not prohibited for holding views and even if we intend to do, which we do not, it is a physical impossibility to say

that you must not have any political views. Now what is prohibited here is that students as a body is prohibited from affiliating itself to trade unions, political parties and so on. We have made it very clear, but still many people, for reasons only known to themselves, still harp on the question that students as individuals cannot discuss political issues. That is not true, and Honourable Members opposite the House very well know it. (*Tepok*).

As I have said, Sir, there are certain basic provision in this Act which the Government is not prepared to revoke. It is not that the Government loves the students less; it is because the Government loves more the institutions which it has provided for the use of the students to acquire knowledge and education more than a faction of the students who wish as a body to indulge mainly in politics. (*Tepok*). We spend millions every year, we have spent hundreds of millions on the University of Malaya, and we want to ensure that that University will stand as an educational institution for which it was built (*Tepok*), and not to be used as a place for political activities, which if the students wish to indulge in, they are at liberty to get out of the campus and indulge in to their hearts' content. (*Tepok*). Well, if they want to be politicians, they must take the risk as we take, as the Honourable Member for Batu and particularly the Honourable Member for Bandar Melaka. Those who wish to indulge in politics must get into the proper arena and be prepared to pay the consequences of their actions. Now, students cannot, at the same time, indulge in politics, create fear of violence. Don't say it has not happened, and don't say it will not happen again. It will happen if we are not responsible enough to guide them, to indulge in these activities which will lead inevitably to violence in the University Campus.

Now, as a responsible Government and an Alliance Government at that, we will not compromise in that. (*Tepok*.) As I say, it is not that we love students less but we love them more. As the Honourable Member for Seremban Timor said, quoting our Deputy Prime Minister, the youths should be guided and this is precisely what we are doing.

If we have occasions in the future to improve the Act, we will do so. We don't

say that we are all-knowing, that we are all-wise, but at least we are sincere about it. If we say we cannot accept the views expressed by the students, we have very good reasons for doing so. (*Tepok*). But in the future, as we develop, as we become more sophisticated and as our students themselves become more responsible in their political activities, then perhaps the time will come when they will get the liberty, as a student body, to take active part in politics in the campus. But for the moment, we are not going to jeopardise and destroy our Institution which we have so painstakingly built up over the years and which is our hope to produce educated, trained and dedicated citizens of this country (*Tepok*), not a rabbleroising crowd.

Now, I say this with all honesty, Sir, as this is not a matter for politics although Honourable Members on the opposite side of the House intend to make it so, especially when there are rows and rows of them in the public gallery (*Tepok*).

We are a responsible Government, Sir, and I take my duty and responsibility seriously. The interest of this country will come first, not the interest of the D.A.P. (*Tepok*).

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang<sup>2</sup> di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sabagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang<sup>2</sup> di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan meshuarat Jawatan-kuasa*)

Fasal 1 dan 2 di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Jadual di-perentahkan menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang<sup>2</sup>.

Rang Undang<sup>2</sup> di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

Tuan Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan sa-hingga satu tarikh yang belum di-tentukan.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 8.37 malam.